

Panduan
Aqidah Dan Ibadah
Ketika Sakit

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

Panduan Aqidah Dan Ibadah Ketika Sakit

Penulis:

Hafiz Firdaus bin Abdullah

hafizfirdaus@hotmail.com

www.hafizfirdaus.com

SMS: 019-384 8467

© **Hafiz Firdaus Abdullah.**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2015

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim,

Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

Kandungan

BAHAGIAN A

PANDUAN AQIDAH KETIKA SAKIT

Bergembiralah Apabila Sakit	25
Tanda Kecintaan Allah	
Beratnya Ujian Allah	
Berpesan-Pesan Kepada Kesabaran	
Antara Sabar Dan Reda	
Surah Yasin	
Kepentingan Sabar	50
Maksud Sabar dan Jenis-Jenisnya.	
Meraih Sifat Sabar.	
Keutamaan Reda	58
Reda Kepada Allah Sebagai Tuhan	
Reda Kepada Muhammad Sebagai Rasul	
Reda Kepada Islam Sebagai Agama	
Perbezaan Antara Reda dan Sabar	
Keredaan Yang Paling Sukar	
Doa Meraih Sifat Reda Terhadap Taqdir Allah	83
Hukum Berubat Apabila Sakit	86

Hukum Mengharapkan Kematian	99
Berhati-Hatilah Apabila Sakit	104
Berkenalan Dengan <i>al-Rafiq</i>	
Doktor Cheng	
Hukum Tangkal	
Hukum Jampi-Jampian	
Berkenalan dengan <i>al-Rafiq</i> (Bhg II)	139
Penyakit Dan Aqidah Seorang Muslim	
Mengelakkan Syirik Ketika Berubat	
Menjauhi Semua Jenis Syirik	146
Hukum Jampian al-Qur'an dan Air Jampi	155
Hukum Pembedahan Batin	164

BAHAGIAN B

PANDUAN IBADAH KETIKA SAKIT

<i>Istijmar</i>	172
Membersihkan Diri Daripada Najis	
Bahan Untuk <i>Istijmar</i>	
Cara <i>Istijmar</i>	
Jika Najis Sentiasa Ada	
<i>Istijmar</i> Dbolehkan Sekalipun Tidak Sakit	

Menyemak Semula Kenajisan Darah, Nanah dan Muntah	183
Menyemak Semula Kenajisan Darah	
Menyemak Semula Kenajisan Nanah	
Menyemak Semula Kenajisan Muntah	
Kesimpulan	
Wudhu' Ketika Sakit	194
Niat	
Anggota Yang Tertutup	
Tidak Dapat Bergerak	
Allah Maha Pengasih	
Tayamum	200
Sebab-Sebab Untuk Tayamum	
Maksud "Kamu Tidak Mendapat Air"	
Hukum Tayamum	
Bahan Tayamum	
Bahan Tayamum Yang Sudah Dikeluarkan Dari Bumi	
Perbezaan Antara Debu Tanah dan Habuk	
Cara Bertayamum	
Apabila Dapat Menggunakan Air	
Bertayamum Apabila Sakit	

Solat Ketika Sakit	234
Hadis Pertama	
Hadis Kedua	
Kaitan Kedua-Dua Hadis Dengan Solat Ketika Sakit	
Solat Bagi Pesakit Yang Koma	
Puasa Ketika Sakit	242
Tempoh Sakit	
Qadha Atau Fidyah, Bukan Qadha Dan Fidyah	
Pahala Berganda Dalam Bulan Ramadhan?	

BAHAGIAN C

PANDUAN ZIARAH PESAKIT

Menziarahi Taman Syurga	254
Taman Syurga Di Mana Jua	261
Dibolehkan Ziarah Di Antara Berlainan Jantina	
Dibolehkan Ziarah Pesakit Berlainan Agama	
Ketika Di Dalam Taman Syurga	270
Berkata-Kata Yang Baik	

Menganjurkan Kesabaran	
Ubat Kepada Pesakit	278
Mendoakan Pesakit	
Selawat Syifa'	
Membaca Surah Yasin	

BAHAGIAN D
BEBERAPA NASIHAT AKHIR

Islam Dan Kesihatan	287
Kualiti Makanan dan Minuman	
Kuantiti Makanan dan Minuman	
Saiz Sepertiga Perut	
Cegah Sebelum Parah	
Tetap Yakin Kepada Allah	293
Mendoakan Kesihatan Yang Baik	
Tidak Putus Asa Kepada Allah	
Tipudaya Allah	
Pesanan Akhir	301

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dalam sebuah hadis yang panjang, Shuhaib bin Sinan *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

كَانَ مَلِكٌ فِيمَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ وَكَانَ لَهُ سَاحِرٌ فَلَمَّا كَبِرَ قَالَ
لِلْمَلِكِ: إِنِّي قَدْ كَبِرْتُ فَأَبْعَثْ إِلَيَّ غُلَامًا أَعْلَمُهُ السَّحْرَ. فَبَعَثَ إِلَيْهِ
غُلَامًا يُعَلِّمُهُ.

Pernah ada seorang raja sebelum masa kalian yang memiliki seorang ahli sihir. Tatkala ahli sihir itu sudah tua, dia berkata kepada raja itu: “Sesungguhnya aku sudah tua, maka hantarkanlah kepadaku seorang anak muda untuk aku mengajarnya ilmu sihir.” Maka dihantarkanlah kepadanya seorang anak muda lalu dia mengajarnya (ilmu sihir).

فَكَانَ فِي طَرِيقِهِ إِذَا سَلَكَ رَاهِبٌ فَقَعَدَ إِلَيْهِ وَسَمِعَ كَلَامَهُ
فَأَعْجَبَهُ. فَكَانَ إِذَا أَتَى السَّاحِرَ مَرَّ بِالرَّاهِبِ وَقَعَدَ إِلَيْهِ. فَإِذَا أَتَى
السَّاحِرَ ضَرَبَهُ فَشَكَا ذَلِكَ إِلَى الرَّاهِبِ فَقَالَ: إِذَا خَشِيتَ السَّاحِرَ
فَقُلْ حَبَسَنِي أَهْلِي وَإِذَا خَشِيتَ أَهْلَكَ فَقُلْ حَبَسَنِي السَّاحِرُ.

Dalam perjalanan (anak muda itu untuk berjumpa ahli sihir), ada seorang rahib. Anak muda itu duduk bersamanya, mendengar kata-katanya dan merasa teruja dengannya. Setiap kali dia pergi kepada ahli sihir, dia akan singgah dan duduk-duduk bersama rahib. Lalu apabila anak muda itu datang kepada ahli sihir, dia dipukul (kerana lewat) dan hal ini diadukannya kepada rahib. Maka rahib menasihatinya: “Apabila kamu takut kepada ahli sihir, katakan ‘aku ditahan oleh keluargaku (sehingga terlewat)’. Apabila kamu takut kepada ahli keluargamu, kata ‘aku ditahan oleh ahli sihir (sehingga terlewat)’.”

فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ أَتَى عَلَى دَابَّةٍ عَظِيمَةٍ قَدْ حَبَسَتْ النَّاسَ
فَقَالَ: الْيَوْمَ أَعْلَمُ السَّاحِرِ أَفْضَلَ أَمْ الرَّاهِبِ أَفْضَلَ. فَأَخَذَ حَجْرًا
فَقَالَ: اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ أَمْرُ الرَّاهِبِ أَحَبَّ إِلَيْكَ مِنْ أَمْرِ السَّاحِرِ فَأَقْتُلْ
هَذِهِ الدَّابَّةَ حَتَّى يَمْضِيَ النَّاسُ.

Perkara ini berlaku untuk beberapa ketika sehinggalah (pada satu hari) datang seekor binatang besar yang menghadang lalu-lalang orang ramai. Maka anak muda itu berkata: “Pada hari ini aku akan mengetahui sama ada ahli sihir atau rahib yang lebih utama.” Maka dia

mengambil seketul batu dan berdoa: “Ya Allah! Jika urusan rahib lebih Engkau cintai berbanding urusan ahli sihir, maka bunuhlah binatang ini sehingga lalu-lalang orang ramai kembali bebas.”

فَرَمَاهَا فَفَقَتَلَهَا وَمَضَى النَّاسُ فَأَتَى الرَّاهِبَ فَأَخْبَرَهُ فَقَالَ لَهُ
الرَّاهِبُ: أَيُّ بُنْيَانٍ أَنْتَ الْيَوْمَ أَفْضَلُ مِنِّي قَدْ بَلَغَ مِنْ أَمْرِكَ مَا أَرَى وَإِنَّكَ
سَتُبْتَلَى فَإِنْ ابْتُلِيتَ فَلَا تَدُلَّ عَلَيَّ.

Maka dia melontar batu itu dan dapat membunuh binatang tersebut sehingga lalu-lalang orang ramai kembali bebas. Anak muda itu mendatangi rahib dan mengkhabarkan kepadanya (apa yang berlaku). Berkata rahib: “Wahai anakku! Kamu pada hari ini lebih utama berbandingku. Sungguh telah sampai urusan kamu sebagaimana yang aku lihat. Sesungguhnya kamu akan diuji, maka apabila kamu diuji maka janganlah menceritakan tentang aku.”

وَكَانَ الْعُلَامُ يُبْرِي الْأَكْمَهَ وَالْأَبْرَصَ وَيُدَاوِي النَّاسَ مِنْ سَائِرِ
الْأَدْوَاءِ. فَسَمِعَ جَلِيسٌ لِلْمَلِكِ كَانَ قَدْ عَمِيَ فَأَتَاهُ بِهَدَايَا كَثِيرَةٍ فَقَالَ:
مَا هَاهُنَا لَكَ أَجْمَعُ إِنْ أَنْتَ شَفَيْتَنِي. فَقَالَ: إِنِّي لَا أَشْفِي أَحَدًا إِنَّمَا

يَشْفِي اللَّهُ فَإِنْ أَنْتَ آمَنْتَ بِاللَّهِ دَعَوْتُ اللَّهَ فَشَفَاكَ. فَأَمَّنَ بِاللَّهِ
فَشَفَاهُ اللَّهُ.

Seterusnya anak muda itu merawat orang buta dan sakit kusta, bahkan merawat orang ramai daripada pelbagai penyakit mereka. Berita ini didengar oleh salah seorang ahli majlis diraja yang buta, maka dia mendatangi anak muda itu dengan membawa hadiah yang banyak sambil berkata: “Semua ini tidak lain adalah untuk kamu jika kamu menyembuhkan aku (daripada penyakit buta ini).” Anak muda itu menjawab: “Sesungguhnya aku tidak dapat menyembuhkan seorang jua. Sesungguhnya yang menyembuhkan tidak lain adalah Allah. Jika kamu beriman kepada Allah, aku akan berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkan kamu.” Maka ahli majlis diraja itupun beriman kepada Allah lalu Allah menyembuhkannya.

فَأَتَى الْمَلِكَ فَجَلَسَ إِلَيْهِ كَمَا كَانَ يَجْلِسُ فَقَالَ لَهُ الْمَلِكُ:
مَنْ رَدَّ عَلَيْكَ بَصْرَكَ؟ قَالَ: رَبِّي. قَالَ: وَلَكَ رَبٌّ غَيْرِي؟ قَالَ: رَبِّي
وَرَبُّكَ اللَّهُ. فَأَخَذَهُ فَلَمْ يَزَلْ يُعَذِّبُهُ حَتَّى دَلَّ عَلَى الْعُلَامِ.

Maka dia mendatangi raja dan duduk dalam

majlisnya seperti biasa. Raja itu bertanya kepadanya: “Siapakah yang mengembalikan kepada kamu penglihatan kamu?” Dia menjawab: “Tuhan aku.” Raja bertanya lagi: “Apakah bagi kamu ada tuhan selain aku?” Dia menjawab: “(Ya), tuhan aku dan dan kamu ialah Allah.” Maka diambil ahli majlis diraja itu dan disiksa tanpa henti sehinggalah dia menunjuk kepada anak muda (yang menyembuhkannya).

فَجِيءَ بِالْعُلَامِ فَقَالَ لَهُ الْمَلِكُ: أَيُّ بُنْيٍّ قَدْ بَلَغَ مِنْ سِحْرِكَ
مَا تُبْرِئُ الْأَكْمَةَ وَالْأَبْرَصَ وَتَفْعَلُ وَتَفْعَلُ. فَقَالَ: إِنِّي لَا أَشْفِي أَحَدًا
إِنَّمَا يَشْفِي اللَّهُ. فَأَخَذَهُ فَلَمْ يَزَلْ يُعَذِّبُهُ حَتَّى دَلَّ عَلَى الرَّاهِبِ.

Maka anak muda itu dibawa menghadap raja. Raja berkata kepadanya: “Wahai anak muda! Sihirmu sudah sampai ke tahap merawat orang buta dan penyakit kusta serta kamu terus melakukannya dan melakukannya.” Anak muda itu menjawab: “Sesungguhnya aku tidak dapat menyembuhkan seorang jua. Sesungguhnya yang menyembuhkan tidak lain adalah Allah.” Maka diambil anak muda itu dan disiksa tanpa henti sehinggalah dia menunjuk kepada rahib (yang mengajarnya).

فَجِيءَ بِالرَّاهِبِ فَقِيلَ لَهُ: ارْجِعْ عَنْ دِينِكَ! فَأَبَى. فَدَعَا
بِالْمُشَارِ فَوَضَعَ الْمُشَارَ فِي مَفْرَقِ رَأْسِهِ فَشَقَّهُ حَتَّى وَقَعَ شِقَاؤُهُ. ثُمَّ
جِيءَ بِجَلِيسِ الْمَلِكِ فَقِيلَ لَهُ: ارْجِعْ عَنْ دِينِكَ! فَأَبَى. فَوَضَعَ الْمُشَارَ
فِي مَفْرَقِ رَأْسِهِ فَشَقَّهُ بِهِ حَتَّى وَقَعَ شِقَاؤُهُ.

Maka rahib itu dibawa menghadap raja dan dikatakan kepadanya: “Keluarlah dari agama kamu!”, namun dia enggan. Maka diminta sebilah gergaji dan diletakkan gergaji itu di tengah kepalanya, lalu digergaji sehingga terbelah dua. Kemudian dibawa ahli majlis diraja dan dikatakan kepadanya: “Keluarlah dari agama kamu!”, namun dia enggan. Maka diletakkan gergaji itu di tengah kepalanya, lalu digergaji sehingga terbelah dua.

ثُمَّ جِيءَ بِالْغُلَامِ فَقِيلَ لَهُ: ارْجِعْ عَنْ دِينِكَ! فَأَبَى. فَدَفَعَهُ إِلَى
نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَقَالَ: اذْهَبُوا بِهِ إِلَى جَبَلٍ كَذَا وَكَذَا فَاصْعَدُوا بِهِ
الْجَبَلَ فَإِذَا بَلَغْتُمْ ذُرْوَتَهُ فَإِنْ رَجَعَ عَنْ دِينِهِ وَإِلَّا فَاطْرَحُوهُ.

Kemudian dibawa anak muda dan dikatakan kepadanya: “Keluarlah dari agama kamu!”, namun dia enggan. Anak muda itu lalu diserahkan kepada sejumlah pengawal diraja dan dikatakan: “Pergilah dengan anak

muda ini ke sekian-sekian bukit, dakilah bukit itu dengannya. Apabila kalian sampai ke puncaknya, perintahkan dia agar keluar dari agamanya. Jika tidak buanglah dia (dari puncak bukit itu).”

فَذَهَبُوا بِهِ فَصَعِدُوا بِهِ الْجَبَلَ فَقَالَ: اللَّهُمَّ اكْفِنِيهِمْ بِمَا شِئْتَ.
فَرَجَفَ بِهِمُ الْجَبَلُ فَسَقَطُوا وَجَاءَ يَمْشِي إِلَى الْمَلِكِ فَقَالَ لَهُ الْمَلِكُ:
مَا فَعَلَ أَصْحَابُكَ؟ قَالَ: كَفَانِيهِمُ اللَّهُ.

Maka pergilah mereka dengan anak muda itu dan mereka mendaki bukit dengannya. (Ketika dalam pendakian, anak muda berdoa): “Ya Allah! Cukuplah (Engkau sebagai pelindung) aku daripada mereka dengan apa jua cara yang sesuai dengan kehendak Engkau.” Maka bergegarlah bukit itu bersama mereka lalu jatuhlah pengawal-pengawal diraja tersebut. Anak muda kembali menemui raja, lalu raja berkata kepadanya: “Apa yang kamu lakukan kepada pengawal-pengawal kamu?” Anak muda menjawab: “Cukuplah Allah (sebagai pelindung bagi) aku daripada mereka.”

فَدَفَعَهُ إِلَى نَعْرِ مِنْ أَصْحَابِهِ فَقَالَ: اذْهَبُوا بِهِ فَاحْمِلُوهُ فِي قُرُقُورٍ
فَتَوَسَّطُوا بِهِ الْبَحْرَ فَإِنْ رَجَعَ عَنْ دِينِهِ وَإِلَّا فَأَقْدِفُوهُ. فَذَهَبُوا بِهِ فَقَالَ

اللَّهُمَّ اكْفِنِيهِمْ بِمَا شِئْتَ. فَأَنْكَفَأَتْ بِهِمُ السَّنْفِينَةُ فَعَرَفُوا.

Kemudian anak muda itu diserahkan kepada sejumlah pengawal diraja (yang lain) dan dikatakan: “Pergilah dengan anak muda ini dan bawalah dia di dalam kapal sehingga ke tengah laut. Perintahlah dia agar keluar dari agamanya. Jika tidak buanglah dia (ke dalam laut).” Maka mereka pergi dengan anak muda itu. (Ketika dalam pelayaran, anak muda berdoa): “Ya Allah! Cukuplah (Engkau sebagai pelindung) aku daripada mereka dengan apa jua cara yang sesuai dengan kehendak Engkau.” Maka terbalik dan tenggelamlah kapal itu bersama pengawal-pengawal diraja tersebut.

وَجَاءَ يَمْشِي إِلَى الْمَلِكِ فَقَالَ لَهُ الْمَلِكُ: مَا فَعَلَ أَصْحَابُكَ؟
قَالَ: كَفَانِيهِمُ اللَّهُ. فَقَالَ لِلْمَلِكِ: إِنَّكَ لَسْتَ بِقَاتِلِي حَتَّى تَفْعَلَ مَا
أَمُرُكَ بِهِ. قَالَ: وَمَا هُوَ؟

Anak muda kembali menemui raja, lalu raja berkata kepadanya: “Apa yang kamu lakukan kepada pengawal-pengawal kamu?” Anak muda menjawab: “Cukuplah Allah (sebagai pelindung bagi) aku daripada mereka.” Dia menambah lagi: “Sesungguhnya kamu tidak akan dapat

membunuh aku kecuali kamu melakukan apa yang aku suruh kamu dengannya.” Raja bertanya: “Apakah itu?”

قَالَ: تَجْمَعُ النَّاسَ فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ وَتَصْلُبُنِي عَلَى جَذَعٍ ثُمَّ تَأْخُذُ
سَهْمًا مِنْ كِنَانَتِي ثُمَّ تَضَعُ السَّهْمَ فِي كَبِدِ الْقَوْسِ ثُمَّ قُلْ بِاسْمِ اللَّهِ رَبِّ
الْعُلَامِ ثُمَّ ارْمِنِي فَإِنَّكَ إِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ قَتَلْتَنِي.

Anak muda menjawab: “Himpunlah orang ramai di sebuah dataran dan saliblah aku di sebuah batang pokok. Kemudian ambillah sebatang anak panah dari bekasku, siapkan anak panah itu di busur, ucapkan ‘Dengan nama Allah, tuhan anak muda’, kemudian panahlah aku. Sesungguhnya apabila kamu melakukan seperti itu nescaya kamu akan dapat membunuhku.”

فَجَمَعَ النَّاسَ فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ وَصَلَبَهُ عَلَى جَذَعٍ ثُمَّ أَخَذَ
سَهْمًا مِنْ كِنَانَتِهِ ثُمَّ وَضَعَ السَّهْمَ فِي كَبِدِ الْقَوْسِ ثُمَّ قَالَ: بِاسْمِ اللَّهِ
رَبِّ الْعُلَامِ. ثُمَّ رَمَاهُ فَوَقَعَ السَّهْمُ فِي صُدْغِهِ فَوَضَعَ يَدَهُ فِي صُدْغِهِ فِي
مَوْضِعِ السَّهْمِ فَمَاتَ.

Maka dihimpunlah orang ramai di sebuah dataran dan disalib anak muda itu di sebatang pokok. Kemudian

diambil sebatang anak panah dari bekasnya, disiapkan anak panah di busur, diucapkan ‘Dengan nama Allah, tuhan anak muda’, dan dilepaskan anak panah tersebut. Anak panah mengena tepat pada pelipis anak muda itu. Dia meletakkan tangannya di pelipis tempat anak panah mengenanya (untuk seketika), lalu mati.

فَقَالَ النَّاسُ: آمَنَّا بِرَبِّ الْعُلَامِ! آمَنَّا بِرَبِّ الْعُلَامِ! آمَنَّا بِرَبِّ الْعُلَامِ!
الْعُلَامِ! فَأُتِيَ الْمَلِكُ فَقِيلَ لَهُ: أَرَأَيْتَ مَا كُنْتَ تَحْذَرُ قَدْ وَاللَّهِ نَزَلَ بِكَ
حَذَرُكَ قَدْ آمَنَ النَّاسُ.

Maka berkatalah orang ramai (yang hadir menyaksikan peristiwa itu): “Kami beriman kepada tuhan anak muda! Kami beriman kepada tuhan anak muda! Kami beriman kepada tuhan anak muda!” Apabila raja datang, dikatakan kepadanya: “Apakah kamu tidak melihat, apa yang pernah kamu diperingatkan tentangnya? Demi Allah, telah terjadi ke atas kamu. Berhati-hatilah kamu kerana sekarang orang ramai telah beriman (kepada Allah).”

فَأَمَرَ بِالْأَخْذِ فِي أَفْوَاهِ السَّكِّكَ فَخُدَّتْ وَأَضْرَمَ النَّيْرَانَ وَقَالَ:
مَنْ لَمْ يَرْجِعْ عَن دِينِهِ فَأَحْمُوهُ فِيهَا أَوْ قِيلَ لَهُ افْتَحِمْ. فَمَعَلُوا حَتَّى

جَاءَتْ امْرَأَةٌ وَمَعَهَا صَبِيٌّ لَهَا فَتَقَاعَسَتْ أَنْ تَقَعَ فِيهَا فَقَالَ لَهَا الْعُلَامُ:
يَا أُمَّهُ اصْبِرِي فَإِنَّكَ عَلَى الْحَقِّ.

Maka diperintahkan agar dibuat parit yang lebar di jalan tempat lalu-lintas orang ramai dan dinyalakan api pada kedua-dua tepinya. Dikatakan: “Siapa yang enggan keluar dari agamanya akan dibakar di dalamnya atau ditolak (ke dalamnya).” Perkara ini terus berlaku sehingga datang seorang ibu bersama anaknya, lalu dia teragak-agak untuk terjun ke dalam parit berapi itu. (Tiba-tiba) anaknya berkata: “Wahai ibu! Bersabarlah kerana sesungguhnya kamu berada di atas kebenaran.”¹

Demikian sebuah kisah menarik tentang keistimewaan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikan kepada seorang anak muda. Keistimewaan atau kemampuan melakukan perkara-perkara di luar adat kebiasaan manusia seperti ini disebut sebagai *karamah*. Jika Allah mengurniakan kepada para Nabi dan Rasul *mukjizat*, maka Allah juga berkuasa mengurniakan kepada hamba-hamba pilihan-Nya *karamah*. Perkara ini

¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 5327/3005 (*Kitab al-Zuhud wa al-Raqa'id, Bab kisah para penghuni parit, ahli sihir, rahib dan anak muda*).

tidaklah mustahil sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ. يَخْتَصُّ
بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

Katakanlah: Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di Tangan Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi pengetahuan-Nya. Allah menentukan pemberian rahmat-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan (ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang besar. [‘Ali Imran 3:73-74]

Dalam hadis di atas, antara *karamah* yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kurniakan kepada anak muda tersebut ialah kemampuan menyembuhkan pelbagai penyakit yang dihadapi oleh orang-orang di sekelilingnya. Perhatikan bahawa anak muda itu tidak merasa ujub atau memuji-muji dirinya, tetapi sentiasa menyandarkan apa yang berlaku kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Apabila orang datang kepadanya untuk rawatan, beliau menerangkan dengan tegas: ***“Sesungguhnya aku tidak dapat menyembuhkan seorang jua. Sesungguhnya yang menyembuhkan tidak lain adalah Allah.”*** Penegasan ini

begitu berbekas kepada pesakit sehingga apabila ditanya tentang kesembuhannya, pesakit juga menjawab: **“Tuhan aku”** yakni Allah.

Perkara ini sangat penting kerana ia membuktikan aqidah seorang muslim yang benar-benar sihat. Seorang muslim yang sakit aqidahnya, hatinya sangat cenderung kepada doktor, ubat-ubatan, pembedahan, *muallij*² dan jampi-jampian ketika sakit. Kecenderungan ini menyebabkan penyakitnya menjadi lebih parah kerana jika pada awalnya dia hanya mengidapi penyakit jasmani, kini dia menghadapi penyakit aqidah.

Oleh itu apabila seorang muslim diuji oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sesuatu penyakit, hendaklah dia tidak sekadar memberi tumpuan merawat penyakit itu, tetapi juga merawat hatinya agar sabar menerima ujian Allah dan meletakkan harapan serta keyakinan sembuh pada Allah. Bagi seorang doktor atau *muallij* pula, hendaklah memulakan rawatan dengan memberi keterangan kepada pesakit bahawa sembuh atau tidak bergantung kepada kehendak Allah. Justeru

² *Muallij* ialah orang yang merawat pesakit yang diserang gangguan makhluk halus, seperti rasukan jin.

janganlah pesakit berharap kepadanya tetapi berharaplah kepada Allah.

Semua ini tidaklah bererti menafikan rawatan atau tidak berjumpa dengan doktor. Berusaha untuk sembuh ketika sakit memang dibolehkan dan ia termasuk dalam urusan jasmani. Akan tetapi hendaklah juga diperhatikan urusan hati agar harapan dan keyakinan tidak beralih daripada Allah atau dikongsi bersama Allah.

Tujuan Penulisan Buku Ini

Kesihatan yang baik kerap kali menyebabkan kita lupa kepada Allah, merasa cukup daripada pertolongan Allah, ringkas dalam berdoa dan minimum dalam beribadah. Lalu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menguji kita dengan penyakit, bertujuan mengingatkan kita agar kembali dekat kepada-Nya. Akan tetapi sayangnya sebahagian orang apabila sakit, dia semakin jauh daripada Allah. Selain berharap dan yakin kepada doktor, tangkal atau *muallij*, dia tidak bersolat lima waktu sehari kerana tidak tahu cara-cara membersihkan diri daripada hadas besar, hadas kecil dan solat ketika sakit. Kesalahan-kesalahan ini menyebabkan orang yang sakit menyelisihi tujuan dirinya diuji dengan penyakit oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Atas sebab-sebab ini, saya merasakan perlu mengusahakan sebuah buku yang memberi panduan kepada umat Islam ketika sakit. Panduan ini merangkumi aspek aqidah dan ibadah. Disedari bahawa terdapat beberapa buku yang turut mengupas subjek ini, akan tetapi saya dapati panduan-panduan ibadah yang diterangkan amat memberatkan seorang pesakit. Ia menyelisihi roh Islam yang memberikan kemudahan apabila ada kesukaran.

Buku ini terbahagi kepada empat bahagian utama. **Bahagian A** adalah yang paling penting, iaitu **Panduan Aqidah Ketika Sakit**. Diminta para pembaca sekalian tidak melompat bahagian ini. Ia diikuti dengan **Bahagian B**, iaitu **Panduan Ibadah Ketika Sakit**. Sebagai maklumat tambahan, saya juga menjelaskan **Panduan Ziarah Pesakit** di **Bahagian C**. Buku ini ditutup dengan **Bahagian D** yang memberikan **Beberapa Nasihat Akhir**.

Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merahmati buku ini dan menjadikannya panduan aqidah dan ibadah ketika sakit yang tepat lagi bermanfaat.

Hafiz Firdaus bin Abdullah

18 Dis 2013 – 12 Okt 2014

BAHAGIAN A
PANDUAN AQIDAH KETIKA SAKIT

Bergembiralah Apabila Sakit

Nazari termenung jauh ke dinding bilik wadnya. Esok pagi dia bakal menjalani pembedahan bagi mengeluarkan ketulan tumor di dalam ususnya. Doktor ada menyebut nama yang tepat bagi penyakit yang dihadapinya, tetapi nama itu agak susah untuk ditangkapnya. Pembedahan ini memang membimbangkannya, menakutkannya. Maklumlah, siapa yang tidak terasa sedemikian apabila ada pisau tajam yang akan membelah tubuhnya.

Nazari terfikir-fikir, apakah kesalahannya sehingga dia menerima padah seperti ini pada umur yang baru dua puluhan.

“Apakah kerana aku selalu solat akhir waktu?”

“Apakah kerana aku biasa lawan cakap ibu?”

“Apakah kerana aku sering memarahi adik?”

“Apakah kerana....” pelbagai lagi kesalahan terimbas kembali di fikirannya.

“*Assalamu 'alaikum!*” tiba-tiba ada suara yang memecahkan keheningan petang.

“Owh, Norazman, jemputlah. Eh...wa’alaikumussalam! Akhirnya engkau datang juga untuk ziarah aku ya?”

“Maaflah, memang sibuk dengan pelbagai urusan belajar dan persatuan di universiti. Akan tetapi aku berusaha juga untuk datang ziarah...*alhamdulillah* akhirnya aku sampai juga” jawab Norazman. Mereka berdua adalah pelajar di sebuah pusat pengajian awam. Nazari sudah hampir dua minggu tidak ke kuliah kerana sedang di rawat di hospital. Bahkan, sudah lebih dua bulan dia merasa sakit di bahagian perutnya. Hanya baru-baru ini dia memberanikan diri untuk ke hospital bagi mendapatkan rawatan apabila rasa sakit bertambah parah.

“Eloklah, esok pagi aku akan dibedah, petang ini engkau datang. Aku risulah memikirkan pembedahan itu. Aku terfikir, apakah dosaku selama ini yang menyebabkan aku ditimpa musibah ini.”

“Jangan begitu. Bukankah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ لَمْ تُدْنِبُوا لَدَهَبَ اللَّهُ بِكُمْ وَجَاءَ بِقَوْمٍ

يُذْبِنُونَ فَيَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ فَيَغْفِرُ لَهُمْ.

Demi Zat yang jiwaku di Tangan-Nya, seandainya kalian tidak berbuat dosa sama sekali, nescaya Allah akan memusnahkan kalian. (Setelah itu), Allah akan mendatangkan satu kaum yang mereka itu berdosa, lalu mereka memohon ampun kepada Allah dan Allah mengampuni mereka.³

Dalam sebuah riwayat pula disebut bahawa:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ ، فَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ.

Setiap anak Adam pasti berbuat dosa, maka sebaik-baik orang yang berdosa ialah mereka yang bertaubat.⁴

Oleh itu aku dan engkau pasti pernah berbuat dosa dan hendaklah kita selalu beristighfar kepada Allah *Subhanahu wa*

³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4936/2749 (*Kitab al-Taubah, Bab gugurnya dosa dengan istighfar dan taubat*).

⁴ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2423 (*Kitab Shifat al-Qiyamat wa al-Raqa'iq wa al-Wara'*) dan beliau berkata: Hadis ini *gharib*. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, no: 2499. Juga dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 12576 dan sanadnya dinilai dha'if oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakannya dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 13049.

Ta'ala. Selain itu, sakit adalah salah satu cara Allah ingin membersihkan kita daripada dosa tersebut. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menggembirakan kita dengan sabdanya:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ
وَلَا أَدَى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

Tidaklah sesuatu menimpa seorang muslim daripada kelemahan, wabak, kebingungan, kesedihan, sakit, kesusahan sehinggalah kepada duri yang menusuknya, melainkan Allah menghapuskan dengan (itu semua) dosanya.⁵

“Owh...terima kasih. Kini terasa lega sedikit” ucap Nazrin. Sedikit senyuman terukir di bibirnya.

Tanda Kecintaan Allah

“Selain itu...” Norazman menyambung “...penyakit tidak semestinya tanda seksaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas kita. Boleh jadi ia adalah tanda Allah cinta kepada kita. Ini

⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5210/5641-5642 (*Kitab al-Mardho, Bab berkenaan penyakit adalah penghapus kesalahan*).

kerana apabila Allah mencintai seseorang atau satu kaum, Allah akan memberikannya ujian. Ujian wujud dalam pelbagai cara dan sakit ialah salah satu daripadanya.”

“Ya ke?” tanya Nazari seperti tidak percaya.

“Ya, betul. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

Sesungguhnya besarnya ganjaran (pahala) bersamaan dengan besarnya ujian (bala’). Sesungguhnya apabila Allah mencintai sesuatu kaum, Dia akan menguji mereka. Maka sesiapa yang reda maka dia mendapat keredaan (Allah) dan sesiapa yang marah maka dia mendapat kemurkaan (Allah).⁶

“Hm... akan tetapi sakit ini akhir-akhir ini terasa amat berat. Sakit sungguh, meraung-raung aku berseorangan dalam

⁶ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2320 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala’*) dan beliau berkata: Hadis ini *hasan gharib*. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396.

wad ini. Banyak juga *pain killer* yang jururawat itu berikan kepada aku. Inipun...baru sekejap tadi makan, tetapi dah terasa sakit semula” Nazari mengadu kepada Norazman.

Beratnya Ujian Allah

“Ya, tidaklah dinamakan sakit jika ia tidak terasa sakit!” Norazman cuba mencerikan sahabatnya.

“Oo, pandai engkau buat lawak ya! Aku yang sedang sakit ini, bukannya engkau!”

“Bertenanglah, ketahuilah dan yakinlah bahawa apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberikan ujian kepada mana-mana hamba-Nya, Allah berikan ujian yang setaraf dengan tahap agama hamba itu. Allah tidak akan memberikan ujian yang melebihi kemampuan hamba untuk lulus daripadanya. Ada sebuah hadis yang menjadi kegemaranku, lantas terus aku hafal dan ulang-ulang dalam fikiranku.”

“Hadis apakah itu?” tanya Nazari penuh minat.

“Hadis itu seperti ini. *Sa'ad bin Abi Waqash radhiallahu 'anh pernah bertanya:*

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَشَدُّ بَلَاءً؟ قَالَ: الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ

فَالْأَمَثَلُ فَيُبْتَلَى الرَّجُلُ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ. فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صُلْبًا اشْتَدَّ
بَلَاؤُهُ وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رِقَّةٌ ابْتُلِيَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ. فَمَا يَبْرَحُ الْبَلَاءُ
بِالْعَبْدِ حَتَّى يَتْرُكَهُ يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ.

“Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berat ujiannya? Baginda menjawab: “Para nabi, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) seperti, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) seperti.”

Seseorang itu diuji berdasarkan kadar agamanya. Jika agamanya kuat, ujiannya pun berat. Sebaliknya jika agamanya lemah, dia diuji sesuai dengan kadar agamanya. Ujian-ujian ini tidak akan berhenti menimpa seorang hamba sehingga dia berjalan di atas muka bumi dengan tidak mempunyai kesalahan (kerana dosa kesalahan telah dihapuskan oleh ujian-ujian tersebut).”⁷

“Hm....tetapi....tetapi ujian aku ini terasa berat sungguh. Sakit sungguh. Seolah-olah satu seksaan dan azab!”

⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2322 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar di atas ujian*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih. Ia juga dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2398.

“Bersabarlah wahai sahabatku. Kuatkanlah diri menghadapinya. Kalaupun ia suatu seksaan, maka menerima seksaan di dunia adalah lebih baik kerana ia satu kebaikan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدِهِ الْخَيْرَ عَجَّلَ لَهُ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدِهِ الشَّرَّ أَمْسَكَ عَنْهُ بِذَنْبِهِ حَتَّى يُؤَافِيَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

*Apabila Allah mengkehendaki bagi hamba-Nya kebaikan, maka Dia akan menyegerakan seksa baginya di dunia manakala apabila Allah mengkehendaki bagi hambanya keburukan, maka Dia akan menangguhkan seksaan itu hingga Hari Kiamat kelak.*⁸”

“Alaa Man...aku teringinlah menjadi seperti rakan-rakan kita yang sebaya. Usia muda macam ini sepatutnya sedang *enjoy*, bukan sakit seperti ini. Engkau tahu tak, lepas pembedahan nanti akan ada beg najis tergantung di sisi aku. Ke mana saja aku pergi, aku kena bawa beg najis itu!” Nazari

⁸ **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2319 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala'*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396.

mengeluh lagi. Man ialah nama panggilan biasa bagi rakannya Norazman.

“Orang yang sedang *enjoy* tidak bererti selamat dan berada dalam kebaikan. Mungkin saja sebaliknya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengingatkan:

إِذَا رَأَيْتَ اللَّهَ يُعْطِي الْعَبْدَ مِنَ الدُّنْيَا عَلَى مَعْصِيَةٍ مَا يُحِبُّ،
فَإِنَّمَا هُوَ اسْتِدْرَاجٌ. ثُمَّ تَلَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((فَلَمَّا
نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّى إِذَا فَرِحُوا بِمَا
أُوتُوا أَخَذْنَاَهُمْ بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ)).

Apabila kamu melihat Allah memberikan kepada seorang hamba daripada kemewahan dunia yang disukainya atas perbuatan maksiatnya, maka itu tidak lain ialah penangguhan azab. (Lalu Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membaca ayat):

Maka tatkala mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kamipun membukakan semua pintu-pintu kesenangan untuk mereka; sehingga apabila mereka bergembira dengan apa yang telah diberikan kepada mereka, Kami seksa mereka dengan sekonyong-

konyong, maka ketika itu mereka terdiam berputus asa. [al-An'aam 6:44]⁹

Berpesan-Pesan Kepada Kesabaran

“Hm...baiklah. Maafilah aku banyak merungut pula. Aku bukan menolak hadis-hadis yang engkau sebut tadi tu, tetapi sekadar nak meluahkan apa yang terbuku dalam dadaku ini. Lagi aku merungut, lagi hadis yang engkau berikan sebagai hujah yang menyejukkan. Terima kasih ya. Jika ada hadis lagi, bacakanlah kepada aku. Seronok aku dengar bila dalam keadaan sebegini” akui Nazari.

“Sama-sama. *Alhamdulillah* aku cuba amalkan surah yang kita lazim baca:

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ.

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan kepada kebenaran

⁹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 16673 dan ia dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 17311.

serta berpesan-pesan kepada kesabaran. [al-‘Asr 103:1-3]

Apabila ada seseorang itu ditimpa ujian atau musibah, kita berpesan-pesan kepadanya untuk bersabar. Caranya ialah membacakan ayat-ayat al-Qur’an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* sebagaimana yang kita lakukan tadi.”

“Hm...tadi aku hanya dengar engkau bacakan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Boleh bacakan aku sebuah ayat al-Qur’an?”

“Tentu boleh. Dalam surah al-Baqarah, Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ. الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا
إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ. أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ
هُمُ الْمُهْتَدُونَ.

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan, kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman; dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu)

orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Mereka itu ialah orang-orang yang memperoleh selawat dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk-Nya. [al-Baqarah 2:155-157]”

“Owh! Tepat sekali kerana aku sekarang ini sedang ketakutan memikirkan pembedahan esok pagi. Rupa-rupanya Allah sedang menguji aku dengan perasaan takut ini ya?”

“Ya, betul. Jika engkau bersabar...” balas Norazman sambil mencapai dan memegang tangan kanan Nazari “...engkau akan memperolehi tiga keutamaan daripada Allah. Perhatikan ayat terakhir yang aku bacakan tadi, Allah akan berselawat, memberikan rahmat dan petunjuk kepada orang yang bersabar menghadapi ujian-Nya.”

“Wadus! Rasa bersalah aku banyak merungut tadi. Tak sabar langsung!”

“Tidak mengapa, sebagai manusia biasa kita memang mudah hilang sabar apabila diberikan ujian. Mudahan-

mudahan, dengan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tadi, kita menjadi orang-orang yang bersabar menerima ujian daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Bahkan lebih dari itu, kita menjadi orang yang gembira apabila menerima ujian daripada Allah.”

Antara Sabar Dan Reda

“Manusia apabila diberi ujian...” Norazman melanjutkan “...terbahagi kepada beberapa *maqam* atau kedudukan. **Pertama** ialah *maqam* reda. Yakni apabila seseorang itu merasa reda dengan ujian yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikan kepadanya. Dia sentiasa yakin bahawa apa jua ujian yang Allah berikan kepadanya, tentu ada kebaikan meskipun ujian itu terasa pahit dan pedih. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

ذَاقَ طَعْمَ الْإِيمَانِ مَنْ رَضِيَ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ
رَسُولًا.

*Telah merasakan nikmatnya iman bagi orang yang
reda dengan Allah sebagai tuhan dan Islam sebagai agama*

*serta Muhammad sebagai Rasul.*¹⁰

Apabila seseorang itu reda Allah sebagai tuhan, dia reda kepada apa jua yang Allah berikan kepadanya, termasuklah ujian-ujian yang pahit lagi pedih. Sebelum ini juga kita telah membaca hadis baginda:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

*Sesungguhnya besarnya ganjaran (pahala) bersamaan dengan besarnya ujian (bala'). Sesungguhnya apabila Allah mengasihi sesuatu kaum, Dia akan menguji mereka. Maka sesiapa yang reda maka dia mendapat keredaan (Allah) dan sesiapa yang marah maka dia mendapat kemurkaan (Allah).*¹¹”

“Owh, bagaimanakah perasaan reda itu?”

“Reda itu ialah hati merasa tenang, senang lagi lapang

¹⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 49/34 (*Kitab al-Iman, Bab bahawa sesiapa yang reda Allah sebagai tuhan...*).

¹¹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2320 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala'*) dan beliau berkata: Hadis ini *hasan gharib*. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396.

terhadap Allah. Menerima dengan penuh ketenangan, kesenangan dan kelapangan apabila diuji oleh Allah kerana dia tahu dengan ujian itu, Allah tidak lupa kepadanya, bahkan ingat serta inginkan kebaikan kepadanya melalui ujian tersebut.”

“Wadus, berat sungguh untuk merasa reda!”

“Ya betul. Sebab itu reda ialah *maqam* yang terpuji tetapi tidak diwajibkan ke atas semua orang.”

“Oh, lega rasanya” jawab Nazari spontan.

“**Kedua** ialah *maqam* sabar. Yakni apabila seseorang itu menahan dirinya daripada melakukan sesuatu yang dilarang apabila diuji oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.”

“Apakah contoh larangan itu?” tanya Nazari penuh minat, bimbang pada dirinya ada sebahagian daripada sikap-sikap tersebut.

“Contohnya, marah kepada Allah dan mempersoalkan kenapa Allah menguji atau mentaqdirkannya mendapat ujian tersebut. Sebagai seorang mukmin, kita tidak boleh marah atau mempersoalkan Allah kerana:

لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ.

Dia (Allah) tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak. [al-Anbiya' 21:23]

Apa yang dibolehkan ialah mengadu kepada Allah sambil memohon kesembuhannya daripada-Nya. Perhatikan aduan Nabi Ayyub *'alaihi salam* kepada Allah:

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ.

Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayyub, ketika dia mengadu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkau adalah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani." [al-Anbiya' 21:83]"

“Lagi?”

“Contoh lain, mengucapkan kata-kata yang kotor. Ini dilarang berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat

*hendaklah dia berkata-kata yang baik atau diam.*¹²

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْبَذِيءِ وَلَا الْفَاحِشِ.

*Bukanlah sifat seorang mukmin untuk mencela, melaknat, berkata kotor dan berkata keji.*¹³

Menangis meraung-raung, merobek-robek pakaian, mencakar muka dan sebagainya termasuk dalam perbuatan meratap yang dilarang oleh Islam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَرْبَعٌ فِي أُمَّتِي مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ لَا يَتْرُكُونَهُنَّ الْفَخْرُ فِي الْأَحْسَابِ وَالطَّعْنُ فِي الْأَنْسَابِ وَالْإِسْتِسْقَاءُ بِالنُّجُومِ وَالنِّيَّاحَةُ.

Empat perkara yang dilakukan oleh umatku yang berasal daripada tradisi Jahiliyyah yang belum mereka tinggalkan: berbangga-bangga dengan keturunan, mencela keturunan, mempercayai hujan turun berdasarkan ramalan

¹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 67/47 (*Kitab al-Iman, Bab memulia dan menghormati jiran...*).

¹³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam *Shahihnya*, hadis no: 192 (*Kitab al-Iman, Bab ciri-ciri wajib iman*) dan dipersetujui sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*.

*bintang dan meratap.*¹⁴

“Owh! Aku ini banyak mengadu kepada engkau tadi. Banyak juga meraung kesakitan...kiranya aku ini tidak bersabarlah ya?”

“Tak mengapa, kita sama-sama perbaiki diri kita agar bersabar apabila diuji oleh Allah. Apa yang telah berlalu itu, kita banyak beristighfar kepada Allah. Dulu tidak tahu, kini sudah tahu. Maka apabila duji lagi oleh Allah, maka hendaklah kita bersabar.”

“*Insyallah*, moga Allah berikan kekuatan untuk aku bersabar.”

“Amin. Jika kita memulakan langkah pertama untuk sabar, Allah akan membantu kita untuk menjadi orang yang sabar. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

وَأِنَّهُ مَنْ يَسْتَعِفَّ يُعِفَّهُ اللَّهُ وَمَنْ يَتَصَبَّرْ يُصَبِّرْهُ اللَّهُ وَمَنْ
يَسْتَعِنِ يُعِنِهِ اللَّهُ وَلَنْ تُعْطُوا عَطَاءً خَيْرًا وَأَوْسَعَ مِنَ الصَّبْرِ.

¹⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1550/934 (*Kitab al-Jana'iz, Bab amaran daripada meratap*).

Sesungguhnya sesiapa yang berusaha untuk menahan diri daripada meminta-minta, maka Allah akan menjadikannya (orang yang) tidak meminta-minta, sesiapa yang berusaha untuk sabar maka Allah akan menjadikannya (orang yang) sabar dan sesiapa berusaha untuk merasa cukup maka Allah akan menjadikannya (orang yang) merasa cukup. Dan demi sesungguhnya, tidaklah kalian diberi sesuatu yang lebih baik dan lebih lapang melainkan kesabaran.¹⁵”

“Amin” jawab Nazari penuh keinsafan.

“Seperkara lain, memandangkan ujian Allah lazimnya datang secara tiba-tiba, maka kesabaran yang paling utama ialah pada saat-saat awal ujian itu mengena kita. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menerangkan hakikat ini:

إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى.

Sesungguhnya kesabaran itu tidak lain ketika

¹⁵ **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya, hadis no: 5989/6470 (*Kitab al-Riqa'iq, Bab bersabar terhadap larangan-larangan Allah*).

*pukulan awal (saat ujian menimpa).*¹⁶”

“Owh! Kena lagi aku ini. Pada saat doktor menerangkan ada ketulan dalam perut aku dan mereka perlu melakukan pembedahan untuk membuangnya, macam-macam lintasan buruk berlegar di pikiranku. Marah ada, persoalkan Allah ada, takut ada, tak percaya ada, merungut ada ... macam-macamlah. Tak sabar sungguh aku pada saat itu. Hanya beberapa ketika kemudian baru aku *relax* sikit, tetapi masih merungut memanjang” akui Nazari, mengimbas kembali apa yang berlaku beberapa hari yang lepas.

“Ya, jika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menguji aku secara tiba-tiba, aku juga tidak pasti sama ada dapat bersabar atau tidak. Allah tidak akan hantar SMS kepada kita... ‘esok Aku akan uji kamu dengan tayar kereta yang pancit di tengah panas’ he he he” jelas Norazman sambil ketawa ringan, cuba memberi motivasi kepada rakannya. “Tak apalah, apa yang penting kita berusaha untuk sabar kerana *sesiapa yang berusaha untuk sabar maka Allah akan menjadikannya (orang yang) sabar.*”

¹⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1219/1302 (*Kitab al-Jana'iz, Bab kesabaran ketika pukulan awal*).

“Amin” jawab Nazari sekali lagi, kali ini lebih bersungguh-sungguh. “Hm...jika menangis, apakah dikira tidak sabar? Sebab ibu aku beberapa kali menangis di sisi aku ini, mengenangkan pembedahan yang akan aku jalani esok pagi. Baru sekejap tadi ibu balik, entah ke mana. Katanya malam nanti dia akan datang semula.”

“Jika sekadar menangis tidak mengapa. Apa yang dilarang ialah meraung-raung sambil memukul diri atau merobek-robekkan pakaian. Ketika anak Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wassalam* yang bernama Ibrahim meninggal dunia, baginda menitikkan air mata. Para sahabat bertanya berkenaan hal itu, maka baginda bersabda:

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضَىٰ رَبُّنَا وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ.

Sesungguhnya mata menitikkan air mata dan hati bersedih akan tetapi kami tidak berkata-kata kecuali apa yang diredai oleh Tuhan kami. Sesungguhnya kami benar-

*benar bersedih dengan pemergianmu wahai Ibrahim.*¹⁷”

“Sedih pula saya mendengar kisah ini. Hm... Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersedih, apakah dengan itu baginda hanya bersabar dan tidak reda kepada Allah?”

“Apabila ditimpa musibah, adakalanya baginda reda, adakalanya baginda sabar. Jika baginda reda kepada semua musibah, maka ia akan memberatkan umat kerana mengisytarkan bahawa reda itu hukumnya wajib. Justeru sengaja baginda mencontohkan kepada umat bahawa reda dan sabar, kedua-duanya dibolehkan. Kedua-duanya adalah sunnah baginda yang mulia.”

“Ooo, faham.”

“Maka demikianlah. *Maqam* pertama yang terpuji ialah reda sementara *maqam* kedua yang wajib ialah sabar. **Ketiga** ialah *maqam* marah, mempersoalkan Allah, mengucapkan kata-kata buruk dan meratap. Semua ini haram hukumnya. Mudah-mudahan Allah memelihara kita daripada sikap-sikap buruk ini.”

¹⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1220/1303 (*Kitab al-Jana'iz, Bab sabda Nabi: "Sesungguhnya kami benar-benar sedih dengan pemergianmu"*).

Surah Yasin

“Amin. Terima kasih Man. Ayat-ayat al-Qur’an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang engkau bacakan tadi memang memberikan kesan yang mendalam kepada diriku. Meskipun aku terus merungut dan mengadu, aku tetap mendengar dengan baik apa yang engkau bacakan tadi.”

“*Alhamdulillah*” jawab Norazman ringkas.

“Hm...bukan nak kata apa, tetapi orang-orang yang ziarah aku sebelum ini ada yang baca Yasin. Ada yang baca selawat. Ada yang sembang-sembang kosong. Kehadiran mereka sekadar mengisi kesunyian, tetapi aku tidak merasakan apa-apa manfaat mereka menziarahi aku. Baca surah Yasin tu lagi menakutkan aku, seolah-olah aku ni nak mati dah!”

“He he, itulah sunnah masyarakat kita. Mereka tidak belajar dan diajar apakah yang sepatutnya dilakukan apabila ziarah pesakit, maka mereka lakukan apa yang mereka anggap baik.¹⁸ Sunnah Nabi kita Muhammad *shallallahu ‘alaihi*

¹⁸ Terdapat banyak riwayat yang menerangkan keutamaan surah Yasin, namun sejauh kajian penulis, tidak ada yang sahih. Semuanya adalah lemah (*dha’if*), sangat lemah (*dha’if jiddan*) dan palsu (*maudhu’*). Seluruh

wasallam apabila menziarahi pesakit ialah mengucapkan pesanan-pesanan kepada kesabaran, kebaikan dan mendoakan pesakit.”¹⁹

“He he, akupun kena belajar juga sebenarnya. Ehh...doakan aku sikit?”

“Boleh...” jawab Norazman sambil mengangkat kedua-dua tangannya. “...Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* menerangkan, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* apabila menziarahi orang sakit baginda berdoa:

اللَّهُمَّ أَذْهِبِ الْبُأْسَ رَبِّ النَّاسِ وَاشْفِ فَإِنَّتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا.

Ya Allah, Tuhan manusia, hilangkanlah penyakit dan sembuhkanlah. Engkaulah Penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhan-Mu, kesembuhan yang

al-Qur'an adalah mulia lagi utama. Kita tidak boleh dan tidak patut mengutamakan satu surah di atas surah yang lain, satu ayat di atas ayat yang lain kecuali jika terdapat dalil yang sahih daripada Allah dan Rasulullah. Ini bukanlah perkara kecil, tetapi termasuk dalam keimanan kita kepada al-Qur'an.

¹⁹ Lebih lanjut, rujuk **Bahagian C: Panduan Ziarah Pesakit** dalam buku ini.

*tidak meninggalkan apa-apa kesan lanjutan.*²⁰”

“*Amin*” balas Nazari.

“Baiklah, aku minta diri dulu. Semoga semuanya baik dan lancar esok pagi. Jangan lagi sedih atau takut, sebaliknya bergembiralah dan beranilah!”

“Mudah-mudahan, terima kasih Man.”

“Sama-sama. *Assalamu 'alaikum.*”

“*Wa 'alaikumussalam.*”

²⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3488 (*Kitab al-Du'awat, Bab berkenaan doa orang sakit*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3565.

Kepentingan Sabar

Ada satu sifat mulia yang jika seseorang itu memilikinya, Allah akan mencintainya, sentiasa bersamanya dari sudut pengawasan dan hidayah, diberikan pahala dengan jumlah yang tidak terkira, dikurniakan tiga perkara serentak iaitu selawat, rahmat serta petunjuk dan akhirnya memasuki syurga bersama aluan para malaikat dengan ucapan salam.

Sifat yang saya maksudkan ialah sabar. Berkenaan sifat ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ.

Allah mencintai orang-orang yang sabar. [Ali Imran 3:146]

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ.

Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar. [al-Baqarah 2:153]

إِنَّمَا يُؤْتِي الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ.

Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahajalah

yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira. [al-Zumar 39:10]

Seterusnya Allah juga berfirman:

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا
إِلَيْهِ رَاغِبُونَ. أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ.

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan, kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman; dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Mereka itu ialah orang-orang yang memperoleh selawat dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk-Nya. [al-Baqarah 2:155-157]

Pengurniaan tiga perkara, iaitu selawat, rahmat dan petunjuk secara serentak menyebabkan orang-orang soleh dari

generasi awal umat Islam ternanti-nanti untuk mendapat apa jua ujian daripada Allah dan merasa terhibur apabila mereka menerima sesuatu yang memerlukan kesabaran. Mereka berkata: “Kenapa aku tidak bersabar padahal Allah telah berjanji akan memberikan tiga perkara kepadaku dan salah satu dari tiga perkara itu lebih baik daripada dunia dan segala isinya?”

Akhir sekali orang yang bersabar akan dimasukkan ke syurga dan di dalamnya:

وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ. سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ.

Malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu (memberi hormat dengan berkata): “Selamat sejahteralah kamu, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baik balasan amal kamu (ketika) di dunia dahulu.” [al-Ra’d 13:23-24]

Maksud Sabar dan Jenis-Jenisnya.

Sebegitu besar keutamaan bagi orang yang memiliki sifat sabar, sudah tentu kita tertanya-tanya apakah maksud sabar. Mudahnya, sabar dari sudut bahasa bermaksud menahan.

Adapun dari sudut istilah, ia bermaksud kekuatan jiwa untuk menahan daripada melakukan apa yang dilarang oleh agama.

Sabar memiliki dua jenis. **Jenis Pertama** adalah dari sudut perintah larangan agama. Kita dituntut untuk sabar dalam melaksanakan perintah agama seperti menuntut ilmu, berbuat baik kepada ibubapa, mendirikan solat, mengerjakan puasa dan sebagainya. Orang yang sabar tidak akan mengeluh apabila dituntut melaksanakan perintah agama. Sabar juga dituntut dalam rangka menjauhi larangan agama seperti mengharapkan pertolongan dari tangkal, mendekati ilmu sihir, mengambil harta yang bukan haknya, berzina, mencuri, berdusta dan seterusnya. Seorang penyabar akan menjauhi semua itu tanpa dalih yang pelbagai.

Jenis Kedua adalah dari sudut suka dan duka. Kita hendaklah sabar dalam menerima sesuatu yang disukai, baik ia merupakan kecemerlangan dalam pelajaran, kejayaan dalam kerjaya, kelebihan rezeki atau kebahagiaan hidup. Kesabaran akan mengarah kepada sifat bersyukur dan ingin berkongsi dengan orang lain apa yang Allah kurniakan. Hendaklah bersabar dari sifat sombong, angkuh, lupa kepada Allah dan menunjuk-nunjuk.

Agaknya yang paling sukar ialah sabar dalam menerima sesuatu yang mendukacitakan, baik ia merupakan kematian orang yang disayangi, penyakit, kehilangan harta benda atau kesukaran dalam kehidupan. Kesabaran amat penting apabila ditimpa musibah agar sifat tabah, mencari penyelesaian dan menenangkan diri dapat dilakukan tanpa keluhan, rungutan, teriakan dan apa-apa lain yang dilarang oleh Islam.

Melakukan sesuatu yang dilarang dalam Islam hukumnya haram, maka sekaligus menunjukkan bahawa bersabar ketika ditimpa musibah hukumnya wajib. Oleh itu hendaklah bersabar apabila ditimpa musibah dan segera beristighfar kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* andai terhilang sabar. Sesungguhnya Allah amatlah penyayang lagi memaafkan.

Sesuatu yang mendukacitakan – yakni musibah – lazimnya datang secara tiba-tiba. Hal ini menyebabkan ramai yang tidak bersiap sedia, lalu menerimanya dengan sifat yang menyelisihi ciri-ciri sabar. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan bahawa kesabaran yang paling utama ialah pada saat awal ditimpa

musibah. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menceritakan:

أَتَى نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى امْرَأَةٍ تَبْكِي عَلَى صَبِيِّ
هَذَا فَقَالَ لَهَا: اتَّقِي اللَّهَ وَاصْبِرِي! فَقَالَتْ: وَمَا تُبَالِي أَنْتَ بِمُصِيبَتِي.
فَقِيلَ لَهَا هَذَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ! فَأَتَتْهُ فَلَمْ تَجِدْ عَلَى أَبِيهِ
بَوَائِبِينَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ لَمْ أَعْرِفَكَ. فَقَالَ: إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ
الْأُولَى أَوْ عِنْدَ أَوَّلِ صَدْمَةٍ.

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam datang kepada seorang wanita yang sedang menangisi kematian anaknya (dengan keterlaluhan), lalu baginda bersabda kepadanya: “Bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah!”

Wanita itu menjawab: “Engkau tidak mengalami musibah yang aku alami.” Kemudian dikatakan kepadanya: “Itu adalah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam!”

Maka wanita tersebut datang ke (rumah) baginda dan dia tidak mendapati di depan pintu baginda sesiapa. Lalu wanita tersebut berkata (dari luar pintu): “Wahai Rasulullah, aku tidak mengenal kamu (tadi).” Maka baginda menjawab: “Sesungguhnya kesabaran itu ialah ketika terkena musibah yang pertama atau pada saat awal terkena

*musibah.*²¹

Tidak termasuk dalam maksud dan jenis sabar ialah orang yang mendiamkan diri apabila dia melihat agama, manusia dan dirinya dizalimi. Sifat diam seperti ini lebih tepat disebut sebagai dayus dan bukannya kesabaran. Kesabaran adalah tetap bertindak menentang kezaliman, hanya tindakan itu dilakukan dengan akhlak yang mulia.

Meraih Sifat Sabar.

Di antara surah al-Qur'an yang terawal diturunkan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah surah al-Muddathir dan ayat yang ketujuh surah itu berbunyi:

وَلِرَّبِّكَ فَاصْبِرْ.

Dan bagi Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar. Ini menunjukkan bahawa sifat sabar adalah antara yang terawal dan terpenting yang dituntut oleh Islam ke atas kita.

²¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 2717 (*Kitab al-Jana'iz, Bab sabar ketika ditimpa musibah*) dan beliau mendiampkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3124. Juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1203/1283.

Akan tetapi sabar bukanlah satu sifat yang dapat bermastautin secara tetap dalam diri seseorang. Ia adalah sifat yang boleh wujud dan hilang, boleh tinggi dan rendah, boleh berlaku kepada sebahagian jenis kesabaran dan tidak berlaku kepada sebahagian jenis yang lain.

Maka bagi meraih sifat sabar, seseorang itu hendaklah sentiasa prihatin akan keadaan dirinya dan sering menasihati dirinya untuk bersabar. Dihargai juga apabila ahli keluarga dan rakan-rakan saling menasihati untuk bersabar dengan mengingatkan kembali ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan keutamaan-keutamaan sabar. Tidak ketinggalan ialah memohon pertolongan Allah agar mengurniakan sifat sabar kepada diri kita kerana Allah jua telah berfirman:

وَاصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Dan bersabarlah dan tiadalah kamu dapat bersabar melainkan dengan (pertolongan) Allah. [al-Nahl 16:127]

Keutamaan Reda

Reda ialah satu amal hati yang bermaksud merasa tenang, senang dan lapang. Lawan kepada reda ialah merasa gusar, benci dan sempit dada. Reda ialah satu keutamaan yang besar di dalam Islam. Ia merupakan *maqam* yang diidamkan oleh orang yang inginkan keredaan Allah, kerana Allah reda kepada orang yang reda kepadanya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ.

Allah reda kepada mereka dan mereka pula reda kepada Dia. Itulah kejayaan yang amat besar. [al-Maidah 5:119]

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ. ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً.

Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda (kepada-Nya) lagi dire dai oleh-Nya. [al-Fajr 89:27-28]

جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ عَدْنٍ يَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ.

Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga 'Adn yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda kepada mereka dan merekapun reda kepada-Nya. Yang demikian itu adalah (balasan) bagi orang yang takut kepada Tuhannya.
[al-Bayyinah 98:08]

Keredaan Allah merupakan satu balasan yang besar, lebih besar dan utama daripada balasan syurga itu sendiri. Buktinya, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتِ عَدْنٍ وَرِضْوَانٌ مِنَ اللَّهِ أَكْبَرُ
ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan: syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam syurga 'Adn. Akan tetapi keredaan Allah adalah lebih besar. Yang demikian itulah kejayaan yang besar. [al-Taubah 9:72]

Bagaimanakah cara memperoleh keredaan Allah?
Marilah kita mengkaji dua hadis berikut daripada Rasulullah
shallallahu 'alaihi wasallam:

ذَاقَ طَعْمَ الْإِيمَانِ مَنْ رَضِيَ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ
رَسُولًا.

*Telah merasakan nikmatnya iman bagi orang yang
reda dengan Allah sebagai tuhan dan Islam sebagai agama
serta Muhammad sebagai Rasul.*²²

Dalam sebuah hadis yang lain baginda mengulangi:

مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْمُؤَدِّنَ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَضِيْتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا
وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا - عُفِرَ لَهُ ذَنْبُهُ.

*Sesiapa membaca ketika mendengar tukang azan
(selesai mengumandangkan azan): “Saya bersaksi bahawa
tidak ada tuhan selain Allah semata, tidak ada sekutu bagi-
Nya dan bahwa Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya,*

²² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no:
49/34 (*Kitab al-Iman, Bab bahawa sesiapa yang reda Allah sebagai
tuhannya...*).

*saya reda Allah sebagai tuhan, Muhammad sebagai rasul serta Islam sebagai agama”, nescaya dosanya akan diampuni.*²³

Dalam kedua-dua hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan keredaan terhadap tiga perkara. Marilah kita mengkaji lebih lanjut tiga perkara tersebut.

Reda Kepada Allah Sebagai Tuhan

Reda yang pertama tentu saja kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, yakni kita reda kepada Allah sebagai tuhan. Keredaan ini seterusnya terbahagi kepada tiga aspek.

Pertama: Reda kepada *Rububiyah-Nya*, yakni kita reda kepada Allah sebagai tuhan yang mentadbir alam ini, dari perkara yang besar sehinggalah yang kecil. Kita reda kepada kehidupan, ibubapa, pasangan hidup dan anak-anak yang Allah berikan. Kita reda kepada jantina, rupa, warna kulit, jenis rambut dan ketinggian yang Allah berikan. Kita reda kepada rezeki dan kesihatan yang Allah berikan, baik lapang atau sempit, baik sihat atau sakit. Kita juga reda kepada suka atau

²³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 579/386 (*Kitab al-Sholat, Bab dianjurkan mengucap seperti apa yang diucapkan oleh tukang azan bagi sesiapa yang mendengarnya...*).

duka, nikmat atau musibah yang Allah berikan.

Orang yang reda kepada *Rububiyah* Allah akan tetap merasa senang dan tenang apabila dia menerima sesuatu nikmat atau musibah. Ini kerana dia yakin bahawa apa jua yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikan kepadanya, semuanya adalah baik belaka. Hanya manusia yang menafsirkannya dan membeza-bezakannya kepada baik atau buruk mengikut penafsiran masing-masing.

Musibah misalnya, adalah sesuatu yang baik kerana ia adalah ujian yang Allah berikan sebagai tanda cinta Allah kepada seseorang atau suatu kaum. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

Sesungguhnya besarnya ganjaran (pahala) bersamaan dengan besarnya ujian (bala'). Sesungguhnya apabila Allah mencintai sesuatu kaum, Dia akan menguji mereka. Maka sesiapa yang reda maka dia mendapat keredaan (Allah) dan sesiapa yang marah maka dia

*mendapat kemurkaan (Allah).*²⁴

Tanda orang yang reda kepada *Rububiyah* Allah ialah dia tidak melonjat-lonjat kegembiraan atau merungut kepada cuaca panas atau sejuk, kemarau atau banjir, perniagaan yang untung atau rugi, kerjaya yang lumayan atau minima, berjalan atau jatuh, selamat atau kemalangan dan sihat atau sakit. Sebaliknya dia sentiasa merasa tenang, senang dan lapang dalam semua keadaan.

Reda kepada *Rububiyah* Allah bukanlah bererti tidak berusaha. Dia tetap berusaha sambil bertawakal kepada Allah, lalu reda dengan apa jua hasil yang Allah berikan di akhirnya.

Kedua: Reda kepada *Uluhiyah*-Nya, yakni reda beribadah kepada-Nya, reda mengikuti syari'at-Nya dan reda mentaati perintah serta larangan-Nya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَاللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضَوْهُ إِِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ.

Padahal (kepada) Allah dan Rasul-Nya jualah yang

²⁴ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2320 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala'*) dan beliau berkata: Hadis ini *hasan gharib*. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396.

lebih berhak mereka mendapatkan keredaan, jika betul mereka orang-orang yang beriman. [al-Taubah 9:62]

Tanda orang yang reda kepada *Uluhiyah*-Nya ialah dia merasa senang apabila masuk waktu solat, bahkan tertunggu-tunggu masuknya waktu solat dan segera mendirikan solat pada awal waktu. Demikian juga, dia tertunggu-tunggu untuk datangnya bulan Ramadhan untuk berpuasa dan datangnya tahun baru untuk dia membayar zakat tahunan. Tanda orang yang reda ialah dia merasa lapang untuk berbuat baik kepada ibubapanya, mengamalkan poligami dan setia kepada pemerintah. Tanda lain bagi orang yang reda ialah dia merasa senang untuk meninggalkan dan menjauhkan sesuatu yang dilarang oleh syari'at Islam, seperti mengaibkan orang lain, bergossip dan tuduh-menuduh.

Malah orang yang reda kepada *Uluhiyah*-Nya bukan sekadar melakukan yang wajib dan menjauhi yang haram, tetapi dia juga memperbanyakkan yang sunat dan menjauhi yang samar-samar. Dia tidak sekadar membayar zakat tahunan yang diwajibkan, tetapi merasa senang apabila melihat ada peminta sedekah yang datang kepadanya sejak dari jauh.

Dia sangat inginkan reda dan cinta Allah *Subhanahu wa*

Ta'ala sebagaimana hadis qudsi berikut:

مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ.

Siapa yang memusuhi wali-Ku, maka Aku umumkan perang kepadanya.

وَمَا تَقْرَبْ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ.

Tidaklah hamba-Ku mendekati dirinya kepada-Ku dengan sesuatu yang lebih Aku cintai melainkan dengan apa yang telah Aku fardhukan ke atasnya.

وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ. فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا.

Dan tidaklah hamba-Ku mendekati dirinya kepada-Ku dengan cara terus-menerus mengamalkan yang tambahan (sunat) sehinggalah Aku mencintainya. Maka apabila apabila Aku mencintainya, Akulah pendengaran yang dia mendengar dengannya, pandangan yang dia yang memandang dengannya, tangan yang dia memukul dengannya dan kaki yang dia berjalan dengannya.

وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطَيْتَهُ وَلَعِنَ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَنَّهُ.

Jika dia meminta daripada-Ku, nescaya Aku berikan kepadanya dan jika dia meminta perlindungan daripada-Ku, nescaya Aku melindunginya.

وَمَا تَرَدَّدْتُ عَنْ شَيْءٍ أَنَا فَاعِلُهُ تَرَدُّدِي عَنْ نَفْسِ الْمُؤْمِنِ
يَكْرَهُ الْمَوْتَ وَأَنَا أَكْرَهُ مَسَاءَتَهُ.

Dan tidaklah Aku merasa berat terhadap apa-apa yang Aku lakukan sepertimana keberatan-Ku terhadap jiwa hamba-Ku yang beriman, di mana dia benci untuk mati sedangkan Aku juga benci untuk berbuat buruk terhadapnya.²⁵

Reda kepada *Uluhiyah*-Nya tidak sekadar bermaksud reda kepada syari'at-Nya, tetapi juga benci dan marah kepada orang yang menyelisihi syari'at-Nya. Perasaan tidak reda ini seterusnya diterjemahkan kepada usaha *amar al-ma'ruf* dan *nahi mungkar* berdasarkan ilmu, hikmah dan kemampuan masing-masing. Ini kerana orang yang reda dengan sesuatu kemungkaran, dia seperti orang yang hadir dan bersubahat

²⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6021/6502 (*Kitab al-Riqaq, Bab merendahkan diri*).

meskipun dia di tempat lain yang jauh. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan:

إِذَا عُمِلَتْ الْخَطِيئَةُ فِي الْأَرْضِ كَانَ مَنْ شَهِدَهَا فَكْرِهَهَا (وَقَالَ
مَرَّةً أَنْكَرَهَا) كَانَ كَمَنْ غَابَ عَنْهَا وَمَنْ غَابَ عَنْهَا فَرَضِيهَا كَانَ
كَمَنْ شَهِدَهَا.

*Jika diketahui ada kesalahan yang dilakukan di bumi ini, maka orang yang melihatnya lalu membencinya (dan mengingkarinya), ia seperti orang yang tidak hadir di tempat itu. Sementara sesiapa yang tidak hadir di tempat itu tetapi meredainya, maka ia seperti orang yang melihatnya.*²⁶

Ketiga: Reda kepada nama-nama dan sifat-sifat-Nya seperti apa yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Dia merasa senang, tenang dan lapang apabila mengenali nama-nama Allah dan mempelajari sifat-sifat Allah seperti Tangan, Kaki, Cinta, Reda dan Marah. Kita *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* beriman kepada semuanya, menerimanya seadanya, memahami maksudnya dan tidak

²⁶ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 3782 (*Kitab al-Malahim, Bab perintah dan larangan*). Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4345.

menyamakannya dengan mana-mana makhluk-Nya.

Di antara tanda orang yang reda dengan nama-nama Allah ialah dia sering berdoa menggunakannya berdasarkan firman-Nya:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذُرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ
سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan. [al-A'raaf 7:180]

Adapun tanda orang yang tidak reda, maka hatinya terasa sempit lagi gusar apabila membaca dan mendengar nama-nama dan sifat-sifat-Nya, lalu mereka menafikannya atau mentakwilkannya, agar hati mereka merasa lapang, tenang dan senang. Ada pula yang menggunakan nama-nama-Nya sebagai nyanyi-nyanyian semata-mata. Semoga kita semua tidak termasuk dalam ciri-ciri di perenggan terakhir ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberikan amaran: ...**dan**

pulauanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan. [al-A'raaf 7:180]

Reda Kepada Muhammad Sebagai Rasul

Maksud reda kepada Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai pesuruh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah menerima segala tunjuk ajar serta keputusan baginda sebagaimana yang tercatat dalam hadis-hadis yang sahih. Ini bukan sahaja ciri orang reda, tetapi juga ciri orang yang benar imannya. Perhatikan ayat berikut:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maka demi Tuhanmu! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau (Muhammad) hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan penuh ketenangan. [al-Nisa' 4:65]

Oleh itu orang yang reda Muhammad sebagai pesuruh Allah akan merasa senang, tenang dan lapang dalam persoalan poligami, urusan jual-beli, perniagaan, perbezaan peranan suami dan isteri serta kesetiaan kepada pemerintah. Berbeza dengan orang yang tidak reda, hatinya terasa benci, gusar dan sempit apabila membaca hadis-hadis dalam bab tersebut lalu cuba menafikannya atau mentakwilkannya atas alasan *fiqh maqasid* dan *fiqh waqi'*.

Selain itu, tanda orang yang reda Muhammad sebagai pesuruh Allah ialah dia merasa senang, tenang dan lapang dengan apa yang baginda ajar dan contohkan dalam beribadah kepada Allah. Dia mencuba sedaya yang mampu untuk mengikuti sunnah baginda dalam beribadah, tanpa berbuat bid'ah tokok tambah dan ubah suai. Dia melakukan ibadah yang baginda lakukan dan membiarkan (meninggalkan) ibadah yang baginda tinggalkan tanpa banyak soal. Ini semua kerana baginda sendiri telah berpesan:

دَعُونِي مَا تَرَكْتُمْ إِيمًا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِسُؤَالِهِمْ
وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ فَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ وَإِذَا أَمَرْتُمْكُمْ
بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan kepada kalian. Sesungguhnya telah binasa orang-orang sebelum kalian tidak lain kerana soalan-soalan mereka dan perselisihan mereka terhadap Nabi-Nabi mereka.

Maka apabila aku melarang kalian daripada sesuatu maka jauhilah ia dan apabila aku memerintahkan kalian dengan suatu urusan maka lakukanlah ia semampu kalian.²⁷

Adapun tanda orang yang tidak reda, maka hatinya terasa sempit, gusar dan benci kepada sunnah baginda, lalu mereka membuat dan mengamalkan ibadah-ibadah tersendiri seperti solat-solat sunat, puasa-puasa sunat, zikir-zikir, selawat-selawat. Apabila membuat dan mengamalkan ibadah-ibadah tersendiri ini, barulah hati mereka terasa lapang, tenang dan senang. Mereka ini sebenarnya tidak reda kepada Muhammad tetapi reda kepada diri sendiri.

Reda Kepada Islam Sebagai Agama

Reda kepada Islam sebagai agama terbahagi kepada dua aspek.

²⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6744/7288 (*Kitab al-I'thisom bi al-Kitab wa al-Sunnah, Bab mengikuti sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*).

Pertama: Reda kepada Islam sebagai cara hidup. Ini kerana Islam bukan sekadar agama ibadah, tetapi satu *deen* yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. Justeru orang yang reda Islam sebagai cara hidupnya akan tidur dan bangun mengikut cara Islam, berpakaian mengikut ukuran Islam, makan-minum mengikut kadar Islam, bergaul mengikut batasan Islam, bekerjaya mengikut piawaian Islam dan berhibur mengikut cara Islam.

Islam sebagai satu *deen* yang diredai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ditunjuk oleh ayat berikut:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا.

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama (deen) kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu ke atas kamu dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama (deen) untuk kamu. [al-Maidah 5:03]

Jika Allah reda Islam sebagai cara hidup kita, maka kenapakah pula ada di antara umat Islam yang tidak reda kepada Islam sebagai cara hidup, lalu mencari-cari dan meniruniru cara hidup yang lain? Justeru orang yang reda Islam

sebagai agamanya akan berterusan mengkaji dan memahami Islam, seterusnya mempraktikkannya dalam segala aspek hidupnya sekadar yang mampu.

Orang yang meniru-niru cara hidup yang lain, ada yang sehingga ke tahap meniru serta mengambil apa yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjauhi serta membenci apa yang diredai oleh-Nya. Di dalam al-Qur'an, Allah menceritakan perihal sebahagian orang yang nyawanya diambil secara ganas oleh malaikat maut disebabkan mereka menurut apa yang dimurkai Allah dan membenci apa yang diredai Allah. Perhatikan ayat berikut:

فَكَيْفَ إِذَا تَوَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهُهُمْ وَأَذْبَارَهُمْ.
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ اتَّبَعُوا مَا أَسْخَطَ اللَّهَ وَكَرِهُوا رِضْوَانَهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ.

Maka bagaimanakah apabila malaikat mengambil nyawa mereka sambil memukul muka dan punggung mereka? Yang sedemikian itu disebabkan mereka menurut perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah dan mereka pula membenci perkara-perkara yang diredai-Nya; oleh itu Allah gugurkan amal-amal mereka (yang baik, yang pernah mereka lakukan). [Muhammad 47:27-28]

Kedua: Reda kepada Islam sebagai satu-satunya agama yang benar. Orang yang reda kepada Islam sebagai agamanya tidak akan merasa senang, tenang dan lapang kepada agama lain. Dia tidak akan beranggapan semua agama adalah sama, benar dan bertujuan ke arah kebaikan. Dia membenci agama lain dan sembah-sembahan agama tersebut, sebagaimana bencinya Nabi Ibrahim *'alaihissalam*:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَاءٌ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدَهُ.

Sesungguhnya adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim dan orang-orang bersamanya contoh ikutan yang baik, semasa mereka berkata kepada kaum mereka (yang kafir): “Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain daripada Allah; kami mengingkari (segala penyembahan) kamu dan (dengan ini) nyatalah permusuhan dan kebencian di antara kami dengan kamu selama-lamanya, sehingga kamu beriman kepada Allah semata-mata.” [al-Mumtahanah 60:04]

Namun perasaan tidak reda ini bukanlah bermaksud

kita dibolehkan memaki hamun atau mencerca sembah-sembahan itu kerana dalam ayat yang lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ.

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. [al-An'aam 6:108]

Sebaliknya hendaklah kita menterjemahkan perasaan tidak reda ini kepada dakwah yang penuh hikmah dan kebaikan. Jika pihak yang diajak berdakwah ingin berdebat, kita membalas dengan perdebatan yang lebih baik juga. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ.

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang

baik dan berdebatlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah. [al-Nahl 16:125]

Perbezaan Antara Reda dan Sabar

Kedua-dua reda dan sabar ialah amalan hati. Jika reda ialah amal hati yang merasa tenang, senang dan lapang, maka sabar pula amal hati yang menahan daripada perasaan marah, berburuk sangka, malas dan putus asas. Hati yang sabar juga menahan daripada perbuatan yang dilarang agama seperti mengucapkan kata-kata yang kotor, membaling atau memecahkan barang dan menangis berlebih-lebihan seperti meraung-meraung, memukul-mukul diri dan menarik-carik pakaian. Ringkasnya sabar ialah amal hati yang menahan seseorang itu daripada melakukan apa yang dilarang oleh agama.

Berikut diberikan beberapa contoh. Dalam aspek *Rububiyah* Allah, orang yang reda akan merasa tenang dengan tahap ekonomi kehidupannya sementara orang yang sabar menahan dirinya daripada merasa tidak puas hati dengan tahap

ekonomi kehidupannya. Orang yang reda akan senang melihat orang yang lebih kaya daripadanya sementara orang yang tidak sabar akan dengki melihat orang yang lebih kaya daripadanya.

Dalam aspek *Uluhiyah* Allah, orang yang reda akan merasa gembira apabila mendengar laungan azan lalu bersegera ke masjid sementara orang yang sabar perlu menggerakkan dirinya untuk solat meskipun di rumah. Dalam aspek nama-nama dan sifat-sifat Allah, orang yang reda suka membaca dan mempelajarinya sementara orang yang sabar terpaksa menahan dirinya daripada terfikir gambaran yang bukan-bukan tentang Allah.

Dalam aspek Muhammad sebagai pesuruh Allah, orang yang reda akan senang mendengar hadis-hadis baginda dan segera berusaha untuk mempraktikkannya sementara orang yang sabar perlu menahan dirinya daripada mengeluh apabila mendengar hadis-hadis yang tidak bersesuaian dengan amalan kebiasaannya atau menahan otaknya daripada memikirkan cara mentakwilkan hadis-hadis yang tidak selari dengan isme-isme yang sudah sedia tersemat dalam kepalanya.

Demikianlah beberapa contoh. Perlu digariskan bahawa meskipun sifat sabar dalam contoh-contoh di atas seolah-olah

berbau negatif, orang yang sabar tetap akan diberikan ganjaran oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini kerana kesabaran mereka itu sendiri adalah satu usaha yang memiliki nilai agama.

Di antara reda dan sabar, reda ialah suatu keutamaan manakala sabar ialah satu kewajipan. Reda adalah satu ciri mulia yang dimiliki oleh segelintir Muslim manakala sabar ialah satu ciri penting yang mesti dimiliki oleh semua Muslim.

Keredaan Yang Paling Sukar

Di antara semua keredaan yang disebut di atas, boleh dikatakan yang paling sukar ialah keredaan apabila diuji dengan sesuatu musibah. Keredaan ini amat sukar sehinggakan para ilmuan berkata, keredaan ketika ditimpa musibah adalah sesuatu yang terpuji tetapi tidak wajib. Yang wajib ialah bersabar.²⁸

Diulangi bahawa reda ialah perasaan senang, tenang dan lapang apabila ditimpa musibah sementara sabar ialah

²⁸ Ibn Taimiyyah – *Tazkiyatun Nafs* (edisi terjemahan oleh M.Rasikh & Muslim Arif atas judul *Tazkiyatun Nafs: Menyucikan Jiwa Dan Menjernihkan Hati Dengan Akhlak Yang Mulia*; Darus Sunnah, Jakarta, 2013), ms. 398. **Catatan:** Buku ini merupakan himpunan pelbagai karya Ibn Taimiyyah yang berasingan dalam masalah hati dan kebersihannya, kemudian dihimpun menjadi satu buku khusus.

perasaan menahan diri daripada apa-apa yang dilarang oleh agama apabila ditimpa musibah seperti marah kepada Allah, mempersoalkan Allah, mengeluarkan kata-kata yang kotor, menangis secara berteriak, mencakar-cakar muka dan merobek-robek pakaian. Bersedih dibolehkan ketika ditimpa musibah, ia tidak termasuk perbuatan yang dilarang.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri pernah mencontohkan bahawa keredaan adalah tidak wajib ketika ditimpa musibah. Baginda pernah menitiskan air mata ketika Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengambil nyawa puteranya yang masih kecil bernama Ibrahim. Apabila para sahabat bertanya berkenaan hal itu, baginda bersabda:

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضَىٰ رَبُّنَا وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ.

Sesungguhnya mata menitiskan air mata dan hati bersedih akan tetapi kami tidak berkata-kata kecuali apa yang diredai oleh Tuhan kami. Sesungguhnya kami benar-

benar bersedih dengan pemergianmu wahai Ibrahim.²⁹

Tidaklah dinamakan hati melainkan di dalamnya terdapat perasaan atau lintasan yang berbolak-balik. Hati seorang yang beriman tentu saja berbolak-balik antara kesabaran dan keredaan. Keredaan bukanlah kedudukan hati yang datang dengan sendirinya dan jika ia datang, tidaklah ia duduk secara tetap. Sebaliknya ia hendaklah diusahakan dan kerap kali diperingatkan.

Antara cara mengusahakan hati yang reda ialah sentiasa berbaik sangka kepada Allah, bahawa apa saja musibah yang Allah berikan, yang dikehendaki oleh Allah di sebaliknya ialah kebaikan kepada kita. Tentang berbaik sangka ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan:

لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Janganlah salah seorang kalian meninggal dunia kecuali dia dalam keadaan berbaik sangka kepada Allah ‘Azza wa Jalla.³⁰

²⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1220/1303 (*Kitab al-Jana'iz, Bab sabda Nabi: "Sesungguhnya kami benar-benar sedih dengan pemergianmu"*).

³⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no:

Dalam sebuah hadis yang lain:

إِنَّ اللَّهَ جَلَّ وَعَلَا يُقُولُ: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي إِذَا ظَنَّ خَيْرًا
فَلَهُ وَإِنْ ظَنَّ شَرًّا فَلَهُ.

*Sesungguhnya Allah Jalla wa ‘Ala berfirman: Aku berdasarkan prasangka hamba-Ku kepada-Ku. Jika dia bersangka baik maka baginya (kebaikan) dan jika dia bersangka buruk maka baginya (keburukan).*³¹

Kedua, hendaklah disadari bahawa sesuatu yang kita benci tidak semestinya bererti ia buruk bagi kita sementara sesuatu yang kita sukai tidak semestinya bererti ia baik bagi kita. Allah sahaja yang mengetahuinya sementara kita tidak mengetahuinya. Oleh itu redalah kepada apa jua yang Allah berikan tanpa membeza-bezakannya sebagai baik atau buruk. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan hakikat ini:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا

5125/2877 (*Kitab al-Jannah wa Shifati Na'imiha wa Ahliha, Bab suruhan berbaik sangka kepada Allah ketika menghampiri mati*).

³¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam *Shahihnya*, hadis no: 639 (*Kitab al-Riqa'iq, Bab berbaik sangka kepada Allah*). Berkata Syu'aib al-Arna'uth: Isnadnya sahih atas syarat Muslim.

وَهُوَ شَرُّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia baik bagimu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagimu; Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui. [al-Baqarah 2:216]

Terakhir, hendaklah kita berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar diberikan kekuatan untuk reda kepada taqdirnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri pernah mendoakan hal ini, sebagaimana yang tercatat dalam hadis berikut:

وَأَسْأَلُكَ الرَّضَاءَ بِالْقَضَاءِ.

Dan aku memohon kepada-Mu keredaan terhadap qadha (taqdir).³²

Semoga Allah membantu kita keraih *maqam* reda kepada-Nya, Rasul-Nya dan agama-Nya.

³² **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh al-Nasa'e dalam *Sunannya*, hadis no: 1289 (*Kitab al-Sahwi, Bab jenis lain daripada doa*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa'e*, hadis no: 1306. Lafaz penuh doa ini akan dikemukakan dalam bab seterusnya, *insya-Allah*.

Doa Meraih Sifat Reda Terhadap Taqdir Allah

عَنْ قَيْسِ بْنِ عُبَادٍ قَالَ: صَلَّى عَمَّارُ بْنُ يَاسِرٍ بِالْقَوْمِ صَلَاةً
أَخَفَّهَا فَكَأَنَّهُمْ أَنْكَرُوهَا. فَقَالَ: أَلَمْ أُتِمِّ الرُّكُوعَ وَالسُّجُودَ؟ قَالُوا: بَلَى!
قَالَ: أَمَا إِنِّي دَعَوْتُ فِيهَا بِدُعَاءِ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُو
بِهِ:

Daripada Qais bin 'Ubad, dia berkata: 'Ammar bin Yasir pernah solat (mengimami) kaumnya dan dia meringankannya, lalu seolah-olah kaumnya mengingkarinya (tidak puas hati kerana menganggapnya terlalu ringkas).

Lalu dia berkata: "Tidakkah aku telah menyempurnakan rukuk dan sujud?" Mereka menjawab: "Sudah tentu." 'Ammar berkata lagi: "Bukankah aku saat itu berdoa dengan doa yang Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berdoa dengannya, iaitu:

اللَّهُمَّ بِعِلْمِكَ الْغَيْبِ وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ أَحْيَيْتَنِي مَا عَلِمْتَ
الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي وَتَوَفَّيْتَنِي إِذَا عَلِمْتَ الْوَفَاةَ خَيْرًا لِي.

“Ya Allah! Dengan ilmu-Mu terhadap perkara ghaib dan kekuasaan-Mu atas segala makhluk, hidupkanlah aku selagi Kamu mengetahui bahwa hidup ini lebih baik bagiku dan matikanlah aku apabila Kamu mengetahui bahwa mati itu lebih baik bagiku.

وَأَسْأَلُكَ خَشْيَتِكَ فِي الْعَيْبِ وَالشَّهَادَةِ وَكَلِمَةَ الْإِخْلَاصِ فِي الرِّضَا وَالْعُصَبِ.

Dan aku memohon kepada-Mu rasa takut kepada-Mu pada saat bersendirian dan di kalangan orang ramai, perkataan yang ikhlas (jujur, benar) saat senang dan marah.

وَأَسْأَلُكَ نَعِيمًا لَا يَنْفَدُ وَقُرَّةَ عَيْنٍ لَا تَنْقَطِعُ.

Aku memohon kepada-Mu kenikmatan yang tidak kehabisan dan ketenteraman jiwa yang tidak putus-putus.

وَأَسْأَلُكَ الرِّضَاءَ بِالْقَضَاءِ وَبَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ وَلَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ وَالشُّوقَ إِلَى لِقَائِكَ.

Aku memohon kepada-Mu keredaan terhadap qadha (taqdir) dan kedamaian hidup setelah mati dan kelazatan memandang kepada wajah-Mu serta kerinduan berjumpa

dengan-Mu.

وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ ضَرَاءٍ مُضِرَّةٍ وَفِتْنَةٍ مُضِلَّةٍ.

Aku berlindung kepada-Mu daripada bahaya yang membahayakan dan fitnah yang menyesatkan.

اللَّهُمَّ زَيِّنَا بِزِينَةِ الْإِيمَانِ وَاجْعَلْنَا هُدَاةً مُهْتَدِينَ.

Ya Allah! Hiasilah kami dengan hiasan iman dan jadikanlah kami orang yang menyampaikan hidayah serta yang mendapatkan hidayah.”³³

Doa ini boleh dibaca sebagai doa dalam sujud, doa diakhir solat sebelum memberi salam, doa selepas solat atau pada bila-bila masa.

³³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Nasa’i dalam *Sunannya*, hadis no: 1289 (*Kitab al-Sahwi, Bab jenis lain daripada doa*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa’i*, hadis no: 1306.

Hukum Berubat Apabila Sakit

Soalan: Selama ini saya memahami Islam menganjurkan kita untuk berubat apabila sakit. Namun baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa dalam persoalan ini ada perbezaan pendapat dengan ada yang berkata hukum berubat ialah harus sahaja. Bolehkah diterangkan dengan lebih lanjut?

Jawapan: Ya, terdapat perbezaan pendapat ke atas hukum berubat apabila sakit. Terdapat dua pendapat dan ia seperti berikut:

Pendapat Pertama: Sunat

Dianjurkan (sunat) untuk berubat ketika sakit. Ini berdasarkan hadis berikut:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ قَالَ: شَهِدْتُ الْأَعْرَابَ يَسْأَلُونَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعَلَيْنَا حَرْجٌ فِي كَذَا؟ أَعَلَيْنَا حَرْجٌ فِي كَذَا؟

Daripada Usamah bin Syarik dia berkata: Saya menyaksikan beberapa orang Arab badui (pendalaman) bertanya kepada Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam: “Apakah ke atas kami terdapat larangan melakukan ini?”

Apakah ke atas kami terdapat larangan melakukan itu?”

فَقَالَ لَهُمْ: عِبَادَ اللَّهِ وَضَعَ اللَّهُ الْحَرَجَ إِلَّا مَنْ اقْتَرَضَ مِنْ
عَرَضِ أَخِيهِ شَيْئًا فَذَاكَ الَّذِي حَرَجَ.

Maka baginda bersabda kepada mereka: “Wahai hamba Allah, Allah telah menentukan apa yang dilarang. (Semua yang kalian tanya itu tidaklah dilarang) kecuali perbuatan orang yang mengambil sesuatu daripada harga diri saudaranya (yakni mengaibkannya, memalukannya, memfitnahnya), maka itulah yang dilarang.”

فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ عَلَيْنَا جُنَاحٌ أَنْ لَا نَتَدَاوَى؟ قَالَ:
تَدَاوَوْا عِبَادَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا
الْهُرْمَ.

Mereka bertanya lagi: “Wahai Rasulullah, apakah ke atas kami kesalahan andai kami tidak berubat (ketika sakit)?” Baginda menjawab: “Berubatlah wahai hamba Allah. Ini kerana sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak menjadikan suatu penyakit melainkan menjadikan bersamanya ubat, melainkan penyakit tua.”

قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا خَيْرُ مَا أُعْطِيَ الْعَبْدُ؟ قَالَ: خُلُقٌ حَسَنٌ.

*Mereka bertanya lagi: “Wahai Rasulullah, apakah kebaikan yang boleh diberikan (oleh Allah) kepada seorang hamba?” Baginda menjawab: “Ahlak yang mulia.”*³⁴

Berdasarkan hadis ini, hukum berubat ialah dianjurkan (sunnat). Dalilnya ialah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: **“Berubatlah wahai hamba Allah...”** Sabda Rasulullah ini menunjukkan satu anjuran.

Hadis ini juga memberi motivasi kepada pakar-pakar dalam bidang perubatan untuk terus berusaha mencari ubat yang terbaik lagi halal bagi setiap penyakit **“...kerana sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak menjadi suatu penyakit melainkan menjadikan bersamanya ubat, melainkan penyakit tua.”**

³⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunannya*, hadis no: 3427 (*Kitab al-Tibb, Bab tidaklah Allah menurunkan penyakit melainkan diturunkan juga ubat*). Ia dinilai sahih oleh al-Albani *Shahih Sunan Ibn Majah*, no: 3499. Juga dikeluarkan secara ringkas oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 17727 dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 18455.

Pendapat Kedua: Harus

Diharuskan (mubah) untuk berubat ketika sakit. Maksudnya, seorang yang diuji dengan penyakit memiliki pilihan sama ada untuk berubat atau bersabar sahaja. Ini berdasarkan hadis berikut:

عَطَاءُ بْنُ أَبِي رَاحٍ قَالَ، قَالَ لِي ابْنُ عَبَّاسٍ: أَلَا أُرِيكَ امْرَأَةً
مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ؟ قُلْتُ: بَلَى!

‘Atha’ bin Abi Rabah berkata, ‘Abdullah ibn ‘Abbas berkata kepadaku: “Mahukah aku tunjukkan kepadamu seorang wanita daripada ahli syurga?” Aku (‘Atha) berkata: “Sudah tentu!”

قَالَ: هَذِهِ الْمَرْأَةُ السَّوْدَاءُ أَنْتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقَالَتْ: إِنِّي أُصْرَعُ وَإِنِّي أَتَكَشَّفُ فَادْعُ اللَّهَ لِي.

(Ibn ‘Abbas) berkata: “Inilah (sambil menunjuk kepada) seorang wanita berkulit hitam yang pernah datang kepada Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam dan berkata: “Sesungguhnya aku menghadapi sakit sawan (epilepsy) dan aurat aku sering tersingkap (apabila aku diserang sawan), maka berdoalah kepada Allah untukku”.

قَالَ: إِنَّ شِئْتِ صَبْرَتِ وَلَكِ الْجَنَّةُ وَإِنْ شِئْتِ دَعَوْتُ اللَّهَ أَنْ
يُعَافِيكَ.

Rasulullah menjawab: “Jika kamu mahu, bersabarlah dan bagimu syurga. Namun jika kamu mahu, aku akan berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkanmu.”

فَقَالَتْ: أَصْبِرُ. فَقَالَتْ: إِنِّي أَتَكَشَّفُ فَادْعُ اللَّهَ لِي أَنْ لَا
أَتَكَشَّفَ. فَدَعَا هَا.

Wanita itu menjawab kembali: “Aku memilih bersabar.” Dia berkata lagi: “Aurat aku sering tersingkap (apabila aku diserang sawan), maka berdoalah kepada Allah untukku agar auratku tidak tersingkap lagi.” (Ibn ‘Abbas) berkata: “Maka Rasulullah mendoakannya”.

Wanita yang dimaksud dalam hadis ini namanya Umm Zufar. Dia seorang yang berbadan tinggi dan ‘Atha melihatnya berada di sisi tirai Ka’bah.³⁵

Berdasarkan hadis ini, hukum berubat ialah harus

³⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5220/5662 (*Kitab al-Mardho, Bab keutamaan orang sakit sawan*).

(mubah). Ini kerana jika hukum berubat ialah dianjurkan (sunnat), nescaya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan menganjurkan wanita itu untuk berubat. Antara cara berubat ialah doa dan *ruqyah* (jampi-jampian yang disyari'atkan) sementara doa dan *ruqyah* daripada Rasulullah pasti mujarab dengan izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sebagai contoh, perhatikan hadis berikut daripada ‘Utsman bin Hunaif *radhiallahu 'anh*:

أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:
ادْعُ اللَّهَ أَنْ يُعَافِيَنِي.

Bahawa seorang lelaki yang buta matanya datang kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam seraya berkata: “Berdoalah kepada Allah agar aku disembuhkan.”

قَالَ: إِنْ شِئْتَ دَعَوْتُ وَإِنْ شِئْتَ صَبَرْتَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ.

Baginda bersabda: “Jika kamu mahu, aku akan mendoakanmu. Namun jika kamu mahu bersabar, maka itu lebih baik bagimu.”

قَالَ: فَادْعُهُ.

Lelaki tersebut berkata: “Doakanlah.”

قَالَ: فَأَمْرُهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ فَيُحْسِنَ وُضُوءَهُ وَيَدْعُوَ بِهَذَا الدُّعَاءِ:

Utsman bin Hunaif berkata, maka baginda menyuruh lelaki itu berwudhu' dan membaguskan wudhu'nya (serta solat dua rakaat) lalu berdoa dengan doa berikut ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ إِلَيَّ
تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ لِتُقْضَى لِي اللَّهُمَّ فَشَفِّعْهُ فِيَّ.

“Ya Allah, aku meminta kepada-Mu dan aku menghadap kepada-Mu dengan Nabi-Mu Muhammad, Nabi yang Rahmat. Sesungguhnya aku menghadap denganmu kepada Tuhanku dalam hajatku ini supaya ditunaikan untukku. Ya Allah, terimalah syafaat baginda kepadaku.”³⁶

Dalam riwayat lain, ‘Utsman bin Hunaif menceritakan di akhirnya: *Demi Allah! Tidaklah kami berpisah dan berbicara lama sampai dia datang semula kepada kami dalam keadaan seolah-olah dia tidak pernah buta*

³⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3502 (*Kitab al-Da'awat, Bab doa kepada tetamu*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan sahih gharib. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3578. Ia juga dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam *al-Jami' al-Kabir* (nama lain bagi *Sunan al-Tirmizi*), hadis no: 3895. Tambahan dalam kurungan (*serta solat dua rakaat*) adalah riwayat al-Thabarani, rujukannya dalam notakaki seterusnya.

*sebelumnya.*³⁷

Dalam hadis ‘Utsman bin Hunaif ini terdapat petunjuk bawa berdoa adalah juga satu cara berubat daripada sakit dan doa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah satu kesembuhan dengan izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Di dalamnya juga terdapat dalil bahawa bersabar adalah lebih baik berdasarkan sabda baginda: “...***Namun jika kamu mahu bersabar, maka itu lebih baik bagimu.***”

Pendapat Yang Kuat

Di antara dua pendapat di atas, yang terkuat tentang hukum berubat ialah ia bergantung kepada kemampuan setiap pesakit. Jika pesakit itu mampu bersabar, maka itulah yang terbaik baginya. Jika pesakit itu ingin berubat, maka itulah yang terbaik baginya.

Jika pesakit itu memiliki tanggungan di bawahnya, seperti suami yang menjaga ahli keluarganya dan ibu yang menjaga anak-anaknya yang masih kecil, maka berubat ketika

³⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *Mu'jam al-Shogheir*, hadis no: 509 (*Kitab orang yang namanya Thahir, Bab datang ke tempat wudhu, lalu berwudhu', kemudian solat dua rakaat...*) dan beliau mensahihkannya.

sakit adalah lebih utama. Bahkan hukumnya boleh dikatakan wajib supaya hak-hak orang yang berada di bawah tanggungannya tidak teraniaya.

Selain itu pada zaman kini, terdapat banyak penyakit yang mudah merebak dan menimbulkan bahaya kepada orang lain. Oleh itu amatlah penting bagi orang yang sakit untuk mendapatkan rawatan supaya dapat ditentukan apakah penyakit yang dihadapinya dan apakah ia mampu merebak atau tidak. Jika ia mampu merebak, maka hendaklah pesakit tersebut mematuhi prosedur-prosedur kuarantin yang ditentukan oleh pihak perubatan. Ini adalah berasaskan arahan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ
بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ.

Jika kalian mendengar tentang (wabak penyakit) di satu daerah maka jangan memasuki ke atasnya (jangan masuk ke daerah itu) manakala jika satu daerah diserang wabak penyakit dan kamu berada di dalamnya maka jangan

*kamu keluar berlari darinya.*³⁸

Penjelasan Tambahan

Dalam hadis ‘Utsman bin Hunaif di atas, terdapat dalil bertawassul dengan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika berdoa. Bertawassul ertinya menggunakan perantara ketika berdoa. Dalam hadis tersebut, Rasulullah mengajar untuk berdoa sambil bertawassul dengan kemuliaan kedudukan baginda sebagai seorang Nabi Allah.

Maksud doa tersebut ialah seperti berikut. Perhatikan tambahan dalam kurungan:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ إِلَيَّ
تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ لِتُقْضَى لِي اللَّهُمَّ فَشَفِّعْهُ فِيَّ.

“Ya Allah, aku meminta kepada-Mu dan aku menghadap kepada-Mu dengan (kemuliaan) Nabi-Mu Muhammad, Nabi yang Rahmat. Sesungguhnya aku menghadap dengan (kemuliaan)mu kepada Tuhanku dalam hajatku ini (sebut hajat tersebut) supaya ditunaikan untukku.

³⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no:5288/5729. (*Kitab al-Tibb, Bab Apa yang diperkatakan tentang wabak penyakit*).

Ya Allah, terimalah syafaat baginda kepadaku.”

Para ilmuan berbeza pendapat, apakah bertawassul dengan kemuliaan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dibenarkan setelah baginda wafat?

Saya mencenderungi bahawa boleh bertawassul dengan kemuliaan Rasulullah setelah baginda wafat. Ini kerana kedudukan baginda di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tetaplah mulia baik ketika masih hidup atau sudah wafat. Kebolehan ini dengan tiga syarat:

1. Manusia yang secara pasti memiliki kemuliaan di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Adapun manusia lain, meskipun dia dipandang mulia, soleh dan berilmu, itu hanyalah pandangan di sisi sebahagian manusia. Adapun di sisi Allah, kita tidak tahu apakah kedudukannya yang sebenar. Ringkasnya, kemuliaan Rasulullah diiktiraf oleh wahyu sementara kemuliaan manusia tidak diiktiraf oleh wahyu. Oleh itu kebolehan bertawassul kepada kemuliaan manusia ketika berdoa hanyalah khusus kepada Rasulullah dan bukan kepada manusia lain seperti sekian-sekian tuan guru, syaikh

dan ulama'.

2. Ketika berdoa, hendaklah tetap berkeyakinan sepenuhnya bahawa yang berpengaruh memakbulkan doa tersebut ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukannya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bertawassul kepada kemuliaan Rasulullah hanyalah kerana kecintaan dan kehormatan kita kepada baginda serta kerana mengikuti sunnah baginda yang mengajar doa tersebut kepada orang buta sebagaimana hadis Utsman bin Hunaif di atas. Jika orang yang berdoa 99% berkeyakinan bahawa Allah yang memakbulkan doa dan hanya 1% dari hatinya yang beranggapan Rasulullah turut memberi pengaruh dalam kemakbulan doa tersebut, dia sudah mensyirikkan Allah.
3. Berdoa dengan cara ini tidak dilakukan secara lazim. Ini kerana hampir semua doa yang diajarkan melalui al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih ialah berdoa secara terus kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau melalui nama-nama-Nya (*al-Asma al-Husna*) tanpa bertawassul kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.
Selain itu, hadis 'Utsman bin Hunaif di atas menjadi

dalil untuk Solat Hajat. Orang yang memiliki hajat, baik hajat sembuh daripada penyakit atau apa-apa lain, hendaklah berwudhu' dengan baik, kemudian solat dua rakaat dan berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Namun perhatikan bahawa dalam hadis terbabit, baginda tidak mengajak 'Utsman bin Hunaif dan lain-lain sahabat untuk sama-sama solat berjamaah.

Ini menjadi petunjuk bahawa Solat Hajat dilaksanakan secara bersendirian dan bukannya secara berjamaah sebagaimana yang lazim dilakukan di Malaysia.

Hukum Mengharapkan Kematian

Soalan: Ibu saya sudah sekian lama menderita sakit dan pelbagai cara berubat telah diusahakan tetapi tidak membuahkan hasil. Beliau kerap bertanya, bolehkah beliau berdoa kepada Allah agar segera diambil nyawanya? Oleh itu bolehkah diterangkan apakah hukum mengharapkan kematian?

Jawapan: Secara umumnya kita dilarang daripada mendoakan kematian. Perhatikan hadis berikut daripada Qais bin Abi Hazim:

أَتَيْنَا حَبَّابَ بْنَ الْأَرْتِّ نَعُوذُهُ، وَقَدْ اِكْتَوَى فِي بَطْنِهِ سَبْعًا،
فَقَالَ: لَوْلَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَانَا أَنْ نَدْعُو بِالْمَوْتِ
لَدَعَوْتُ بِهِ، فَقَدْ طَالَ بِي مَرَضِي.

Kami datang kepada Khabbab bin al-Arat (seorang sahabat Nabi) untuk menziarahinya, pada perutnya terdapat tujuh kesan (bekas rawatan dengan besi panas), lalu beliau berkata: “Seandainya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak melarang kami daripada mendoakan kematian, nescaya aku mendoakannya. Sungguh telah

sekian lama sakitku ini.”³⁹

Dalam hadis ini, Khabbab telah lama menderita kesakitan tetapi dia tidak mendoakan kematian kerana Rasulullah telah melarang daripada hal tersebut. Hadis ini menjadi dalil bahawa dilarang mendoakan atau mengharapkan kematian.

Pengecualian diberikan kepada para Nabi sahaja, sebagaimana hadis berikut. A’isyah *radhiallahu ‘anha* berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَهُوَ صَاحِبٌ:
لَنْ يُقْبَضَ نَبِيٌّ قَطُّ حَتَّى يَرَى مَقْعَدَهُ مِنَ الْجَنَّةِ ثُمَّ يُخَيَّرُ.

Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam pernah berkata sementara baginda pada ketika itu dalam keadaan sihat: “Tidaklah diwafatkan seorang Nabi sehinggalah diperlihatkan kepadanya tempatnya di dalam syurga, kemudian dia dipersilakan untuk memilih (antara hidup atau mati).”

³⁹ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 20157 dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu’aib al-Arna’uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 21069.

فَلَمَّا نَزَلَ بِهِ وَرَأْسُهُ عَلَى فَنَحْدِي عُشِّي عَلَيْهِ سَاعَةً ثُمَّ أَفَاقَ
فَأَشْخَصَ بَصَرَهُ إِلَى السَّقْفِ ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ الرَّفِيقَ الْأَعْلَى.

Ketika (malaikat pencabut nyawa) datang kepada baginda sementara kepalanya berada di pangkuanku, baginda tidak sedarkan diri untuk beberapa saat. Tak lama kemudian baginda sadar kembali dan matanya memandang ke arah bumbung. Kemudian baginda berdoa: “Ya Allah, (aku ingin bersama-sama) teman (yakni lain-lain para Nabi dan Rasul, yang berada) di (tingkatan syurga) yang tertinggi.”

قُلْتُ: إِذَا لَا يَخْتَارُنَا.

Aku (A'isyah) berkata: “Dengan itu (aku tahu baginda) tidak memilih (untuk hidup lagi bersama) kami.”⁴⁰

Pengecualian yang lain, boleh mendoakan atau mengharap mati demi menjaga diri dan agama daripada fitnah yang dahsyat. Ini berdasarkan kata-kata Maryam

⁴⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5872/6348 (*Kitab al-Da'awat, Bab doa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam: “Ya Allah, pertemukanlah aku dengan kekasihku, Allah Yang Maha Tinggi!”*)

‘alahissalam, ibu kepada Nabi ‘Isa ‘alahissalam sebagaimana yang tercatat di dalam al-Qur’an:

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ قَالَتْ يَا لَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَذَا وَكُنْتُ نَسِيًّا مَنْسِيًّا.

(Ketika Maryam hendak bersalin) maka sakit itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon kurma, dia berkata: “Alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!” [Maryam 19:23]

Maryam berkata sedemikian kerana beliau ialah seorang mukminat yang tidak berkahwin manakala kelahiran Nabi ‘Isa pasti akan menyebabkan orang ramai menuduhnya telah berzina. Ini sudah tentu satu fitnah yang besar sehingga beliau terpaksa mengharapakan kematian demi memelihara dirinya dan agamanya.

Oleh itu secara umumnya kita dilarang daripada mendoakan atau mengharapakan kematian. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan hikmahnya seperti berikut:

لَا يَتَمَنَّى أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ إِلَّا مُحْسِنًا فَلَعَلَّهُ يَزِدَّادُ وَإِمَّا مُسِيئًا فَلَعَلَّهُ يَسْتَعْتَبُ.

*Janganlah salah seorang daripada kalian mengharapkan kematian (kerana) jika dia seorang yang berbuat baik, maka barangkali akan bertambah kebajikannya. Jika dia seorang yang berbuat jahat, maka barangkali dia akan berubah.*⁴¹

Jika tetap hendak berdoa, maka hadis berikut menjadi panduan:

لَا يَتَمَنَّيَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمْ الْمَوْتَ لِضُرِّ نَزَلَ بِهِ فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ
مُتَمَنَّيًّا لِلْمَوْتِ فَلْيَقُلْ: اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي وَتَوَفَّنِي
إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي.

*Janganlah salah seorang daripada kalian mengharapkan kematian disebabkan kemudaratan yang menyimpannya. Jika tetap hendak mengharapkan kematian, maka berdoalah: “Ya Allah! Hidupkanlah aku selagi mana kehidupan itu lebih baik untukku dan matikanlah aku apabila kematian itu lebih baik untukku.”*⁴²

⁴¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6694/7235 (*Kitab al-Tammani, Bab apa yang dibenci tentang harapan*).

⁴² **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5874/6351 (*Kitab al-Da'awat, Bab doa dengan kematian atau kehidupan*).

Berhati-Hatilah Apabila Sakit

“*Assalamu’alaikum* puan, puan ke yang menjalankan pembedahan ke atas rakan saya ini?”

“Oh tidak. Saya hanya memeriksa keadaan pesakit selepas pembedahan itu. Doktor Cheng yang melakukan pembedahan tersebut. Beliau seorang doktor pakar.”

“Oh, jika begitu, boleh saya buat satu permintaan khas agar hanya lelaki yang merawat rakan saya ini?”

“Ya, tentu boleh. Saya akan buat notis di kaunter utama wad ini.”

“Terima kasih banyak-banyak!”

“Terima kasih juga. Sebenarnya kami doktor wanita juga lebih selesa merawat pesakit wanita. Lebih selesa dan lebih selari dengan hukum Islam.”

“*Alhamdulillah*, sama-samalah kita cuba menghayati hukum Islam di mana jua” kata Norazman sambil ke tepi, memberi ruang kepada doktor tersebut berjalan keluar. Akan tetapi doktor tersebut telah terlebih dahulu ke tepi sambil

berjalan keluar, mengingati pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَيْسَ لِلنِّسَاءِ وَسْطُ الطَّرِيقِ.

Bahagian tengah lorong bukanlah untuk wanita.⁴³

“Eh! Engkau panggil dia puan? Itu doktorlah, doktor Rafidhah namanya. Tak nampak ke tag namanya?” tanya Nazari, terkejut bercampur sedikit marah. “Doktor wanita tidak boleh merawat pesakit lelaki ke?”

“Sebaiknya yang muslimin merawat yang muslimin, yang muslimat merawat yang muslimat. Jika tidak ada, yang belum Islam boleh merawat tetapi hendaklah yang sama jantina, bukan berlainan jantina.”

“Habis...jika dalam suasana kecemasan atau terdesak, tunggu sajalah sehingga ada doktor yang sama jantina untuk merawat? Silap haribulan, dah meninggal dunia baru doktor datang!”

⁴³ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam *Shahihnya*, hadis no: 5601 (*Kitab al-Hazhr wa al-Ibahah, Bab pencegahan bagi seorang wanita yang memiliki urusan daripada berjalan di tengah lorong*) dan ia dinilai hasan li ghairihi oleh Syu'aib al-Arna'uth. Ia juga dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Jami' al-Shogheir*, hadis no: 5425.

“Jika suasana kecemasan atau terdesak, maka dibolehkan orang yang berlainan jantina untuk merawat. Islam bukanlah agama yang *rigid*, tetapi *flexible* antara suasana tenang dan suasana kecemasan atau terdesak.”

“Maksudnya suasana darurat?”

“Tidak semestinya darurat, tetapi sekadar kemampuan. Kemampuan kita sebagai pesakit dan kemampuan pihak yang merawat pesakit. Pihak yang merawat lebih mengetahui jika sesuatu kes itu boleh ditangguhkan atau mesti disegerakan. Jika boleh ditangguhkan, mereka akan bantu kita mencari doktor sejantina. Jika mesti disegerakan, mereka akan lakukan apa yang patut. Dalam hal ini, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Maka bertaqwalah kepada Allah sekadar kemampuanmu. [al-Thaghabun 64:16]

“Ahaa! Engkau selalu ajar aku minta dalilkan? Sekarang aku nak minta dalil khusus rawatan berlainan jantina dalam suasana kecemasan atau terdesak” tanya Nazari penuh semangat.

“Boleh saja. Dalam sebuah riwayat, Hasyraj bin Ziyad menceritakan kisah neneknya Umm Ziyad *radhiallahu 'anha*:

أَنَّهَا خَرَجَتْ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةِ
خَيْبَرَ سَادِسَ سِتِّ نِسْوَةٍ فَبَلَغَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَعَثَ
إِلَيْنَا.

Bahawa dia pernah keluar bersama Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam pada waktu perang Khaibar, dia adalah wanita yang ke enam dari jumlah enam orang. Kemudian hal tersebut sampai kepada Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam, lalu baginda mengirim utusan kepada kami (untuk datang berjumpa dengannya).

فَجِئْنَا فَرَأَيْنَا فِيهِ الْعُضْبَ فَقَالَ: مَعَ مَنْ خَرَجْتُمْ وَبِإِذْنِ مَنْ
خَرَجْتُمْ؟

(Apabila kami datang), kami melihat pada diri baginda tanda kemarahan, baginda bertanya: Kalian keluar bersama siapa? Kalian keluar dengan izin siapa?

فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ خَرَجْنَا نَعْرُضُ الشَّعْرَ وَنُعِينُ بِهِ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَمَعَنَا دَوَاءُ الْجُرْحَى وَنُنَاوِلُ السَّهَامَ وَنَسْقِي السَّوِيقَ.

Lalu kami menjawab: Wahai Rasulullah! Kami keluar untuk melantunkan syair agar dengannya dapat membantu (menaikkan semangat para mujahid) di jalan Allah, bersama kami ada ubat-ubatan untuk merawat orang yang cedera, kami menyerahkan anak panah (kepada pemanah), serta memberi minum al-Siwaq (sejenis minuman gandum dan barli).

فَقَالَ: فَمَنْ. حَتَّى إِذَا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ خَيْبَرَ أَسْهَمَ لَنَا كَمَا أَسْهَمَ
لِلرِّجَالِ.

Kemudian baginda berkata: “Bangunlah kalian.” Apabila Allah membukakan Khaibar ke atasnya (menang), baginda memberikan kami bahagian (hasil perang) sebagaimana baginda memberikan bahagian (hasil perang) kepada para lelaki.

قَالَ: قُلْتُ هَا: يَا جَدُّهُ وَمَا كَانَ ذَلِكَ؟ قَالَتْ: تَمْرًا.

Hasyraj bin Ziyaad berkata, aku bertanya kepadanya: “Wahai nenek, apakah bahagian tersebut?” Beliau (Umm

Ziyad) menjawab: “Kurma.”⁴⁴”

“Ahaa, engkau sebut ‘dalam sebuah riwayat’, ada masalah ke hadis ini?” tanya Nazari.

“Ya, dalam sanadnya terdapat seorang perawi yang tidak diketahui kedudukannya dalam meriwayatkan hadis, iaitu Hasyraj bin Ziyad.”

“Hm...kenapa engkau bagi aku hadis *dha’if*?”

“Sengaja...kerana hadis ini sangat masyhur dikemukakan tetapi tidak ada yang menerangkan kelemahannya.”

“Ya, benar. Aku juga pernah membaca hadis ini dalam beberapa blog. Tidak begitu tepat maklumat mereka ya? Hm...apa maksud Rasulullah: **“Bangunlah kalian”**?”

“Maksudnya pertemuan sudah selesai dan mereka boleh berundur, akan tetapi tidak bererti balik ke rumah. Bantuan para wanita tersebut dihargai sehingga selepas perang,

⁴⁴ **Dha’if:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 2353 (*Kitab al-Jihad, Bab tentang wanita dan hamba mendapat bahagian yang sama dalam harta rampasan perang*). Hasyraj bin Ziyad adalah seorang perawi yang *majhul*, oleh itu ia dinilai dha’if oleh al-Albani dalam *Dha’if Sunan Abu Daud*, hadis no: 2729.

baginda mengagihkan kurma kepada mereka. Dalam suasana perang, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersikap tegas selaku seorang panglima perang.”

“Hm...tidak ada hadis sahih ke dalam bab ini?” tanya Nazari lagi seperti tidak puas hati.

“Hee... tentu ada. Dalam *Shahih Muslim*, Umm ‘Athiyah al-‘Anshari *radhiallahu 'anha* berkata:

عَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْعَ عَزَوَاتٍ
أَخْلَفْتُهُمْ فِي رِحَالِهِمْ فَأَصْنَعُ لَهُمُ الطَّعَامَ وَأُدَاوِي الْجُرْحَى وَأَقُومُ عَلَى
الْمَرْضَى.

Aku pernah ikut berperang bersama-sama Rasulullah shallallahu alaihi wasallam sebanyak tujuh kali peperangan, aku menggantikan mereka untuk menjaga kemah-kemah mereka, memasak untuk mereka makanan, mengubati orang yang cedera dan menguruskan orang yang sakit.⁴⁵

Para wanita zaman itu bersungguh-sungguh membantu

⁴⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 3380/1812 (*Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab wanita yang berperang hanya diberi sekadarnya dan tidak diberi bahagian dari pampasan perang, dan larangan membunuh kanak-kanak warga perang*).

sehingga tersingkap aurat mereka, namun hal ini dimaafkan kerana suasana yang mendesak. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menerangkan:

لَمَّا كَانَ يَوْمُ أُحُدٍ أَنْهَزَمَ النَّاسُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: وَلَقَدْ رَأَيْتُ عَائِشَةَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ وَأُمَّ سُلَيْمٍ وَإِنَّهُمَا لَمُشَمَّرَتَانِ أَرَى خَدَمَ سُوقِهِمَا تَنْفُزَانِ الْقَرْبَ.

Tatkala Perang Uhud, orang-orang melarikan diri dari Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Dia (Anas bin Malik) berkata lagi: “Sungguh aku melihat A’isyah binti Abu Bakar dan Umm Sulaim berjalan dengan cepat hingga terlihat gelang kaki keduanya sambil membawa qirab (bekas air yang dibuat dari kulit).

وَقَالَ غَيْرُهُ: تَنْفُزَانِ الْقَرْبَ عَلَى مُتُونِهِمَا ثُمَّ تُفْرَعَانِهِ فِي أَفْوَاهِ الْقَوْمِ ثُمَّ تَرْجَعَانِ فَتَمْلَأْنَهَا ثُمَّ بَجِيئَانِ فَتُفْرَعَانِهَا فِي أَفْوَاهِ الْقَوْمِ.

(Berkata perawi lain): “Mengangkut qirab dengan selendang keduanya lalu menuangkan air ke mulut para pejuang. Kemudian keduanya kembali untuk mengisi air ke dalam qirab, kemudian datang kembali menuangkan air ke

*mulut para pejuang.*⁴⁶”

“Jadi secara keseluruhannya, dibolehkan berlainan jantina antara perawat dan pesakit dalam suasana kecemasan dan terdesak, serta dimaafkan aurat yang tersingkap ketika rawatan?” tanya Nazari cuba membuat kesimpulan.

“Ya, betul. Yang dimaksudkan perawat ialah doktor dan jururawat. Jadi tidak salah kita bertanya dan meminta agar dirawat oleh lelaki sahaja. Jika pihak hospital boleh memenuhinya, maka ia baik. Jika pihak hospital kekurangan kakitangan atau mereka mengetahui kes pesakit itu tidak boleh ditangguhkan, maka ia tidak mengapa.”

“Hm...” Nazari cuba menerimanya.

“Tidak salah untuk bertanya, bukankah begitu? Masalahnya, ramai yang menerima perkara ini sebagai satu kebiasaan, seolah-olah mereka reda kepadanya.”

Berkenalan Dengan *al-Rafiq*

“Jadi kenapa Man tak panggil doktor tu ‘doktor’,

⁴⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 2667/2880 (*Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab para waita berperang dan membunuh bersama lelaki*).

sebaliknya panggil puan sahaja?” tiba-tiba ada suara mencelah dari sebalik tirai pemisah antara katil-katil pesakit di wad tersebut.

“Ehh!maccik, maaf saya tak perasan selama ini maccik ada sama” jawab Norazman terkejut kerana tidak sedar ibu Nazari sejak awal tadi ada berdekatan dan mengikuti perbincangan mereka.

“Nazari biasa cerita tentang kamu, menjadi sumber rujukannya dalam hal-hal agama. Jadi maccik yakin mesti ada sebab agama kenapa kamu panggil dia ‘puan’ sahaja” tanya ibu Nazari lagi.

Norazman sekali lagi terkejut, tidak disangka Nazari menceritakan halnya kepada ibunya. Padahal apabila mereka berdua berbincang, seolah-olah Nazari lebih banyak membantah daripada menerima. Rupa-rupanya secara diam-diam, Nazari menerima apa yang dibincang dan berkongsi bersama ibunya.

“Begini maccik, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menegah panggilan doktor demi menjaga aqidah orang yang merawat dan dirawat. Hadisnya seperti berikut:

عَنْ أَبِي رِمَّةَ قَالَ: انْطَلَقْتُ مَعَ أَبِي نُحْوِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ ذُو وَفْرَةٍ بِهَا رَدْعٌ حِنَاءٍ وَعَلَيْهِ بُرْدَانِ أَخْضَرَانِ.

Daripada Abu Rimtsah dia berkata, aku bersama ayahku pergi menemui Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. (Ketika berjumpa, kami melihat) rambut baginda panjang hingga daun telinga dan diwarnai dengan inai serta baginda memakai dua kain yang berwarna hijau.

فَقَالَ لَهُ أَبِي: أَرِنِي هَذَا الَّذِي بِيْظَهْرِكَ فَإِنِّي رَجُلٌ طَبِيبٌ.

Lalu ayahku berkata kepada baginda: “Tunjukkanlah apa yang ada di belakangmu kerana aku adalah seorang doktor (tabib).”

قَالَ: اللَّهُ الطَّبِيبُ بَلْ أَنْتَ رَجُلٌ رَفِيقٌ طَبِيبُهَا الَّذِي خَلَقَهَا.

Rasulullah menjawab: “Allah jualah doktor sementara kamu adalah seorang Rafiq. Allah jualah yang menyembuhkan apa yang dicipta-Nya (yakni penyakit).”⁴⁷

“Bagaimanakah panggilan ‘doktor’ boleh

⁴⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 3674 (*Kitab al-Tarajul, Bab mewarnakan rambut*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4206.

mempengaruhi aqidah kita?” tanya Nazari.

“Sebagai seorang muslim, kita hendaklah berkeyakinan bahawa yang menurunkan penyakit ialah Allah dan yang mengangkat – atau menyembuhkan – penyakit ialah Allah jua.”

“OK yang itu saya faham...”

“Apabila kita memanggil seseorang itu doktor, dibimbangi keyakinan dan harapan kesembuhan ditujukan kepada doktor dan bukannya kepada Allah. Meskipun mulut kita menyebut ‘Allah yang menyembuhkan’ tetapi hati kita sebenarnya berharap dan berkeyakinan kepada doktor.”

Nazari dan ibunya terdiam mendengar penjelasan Norazman. Terasa amat benar. Sebelum pembedahan, mereka lebih banyak bertanya dan meminta kepastian daripada Doktor Cheng yang bakal membuat pembedahan berbanding Allah. Doktor Cheng tersebut sangat mereka hormati sehingga muncul rasa rendah diri dan perbicaraan yang perlahan daripada mereka kepadanya.

Kini selepas pembedahan, mereka tertunggu-tunggu kedatangan Doktor Cheng untuk mendapatkan penjelasan beliau, apakah tindakan selanjut. Sudah beberapa kali mereka

bertanya kepada doktor biasa dan jururawat, semuanya memberikan jawapan yang sama: “Tunggu doktor pakar datang.”

Meskipun mulut mereka selalu mendoakan kesembuhan daripada Allah, sejujurnya diakui bahawa perasaan bimbang dan berharap di hati mereka sebenarnya lebih tertuju kepada Doktor Cheng. Padahal semua perasaan rendah diri, bimbang dan berharap hendaklah ditujukan kepada Allah sahaja:

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ. وَلَا تُفْسِدُوا
فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ
الْمُحْسِنِينَ.

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan perlahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau ia tidak dimakbulkan) dan juga dengan perasaan mengharapkan (ia dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada

orang-orang yang memperbaiki amalannya. [al-A'raaf 7:55-56]

“Selain itu, apabila sembuh daripada penyakit tidaklah pesakit dan ahli keluarganya akan terlonjak-lonjak memeluk doktor. Sementara apabila tidak sembuh atau bertambah parah, tidaklah pesakit dan ahli keluarganya akan marah kepada doktor. Mereka sedar Allah yang mengizinkan kesembuhannya atau belum mengizinkan kesembuhannya” tambah Norazman memecah keheningan.

“Baiklah, saya faham jika perkara ini ialah untuk menjaga aqidah pihak yang dirawat. Namun bagaimana pula ia mempengaruhi aqidah pihak yang merawat?”

“Owh, begini. Segelintir doktor ada yang menjadi ujub – yakni merasa diri hebat – apabila pesakit yang dirawatnya berjaya sembuh. Ada pula yang menjadi sedih berlebih-lebihan apabila pesakit yang dirawatnya tidak sembuh, menjadi lebih parah atau meninggal dunia. Padahal yang menyembuhkan atau yang sebaliknya ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.”

“Maka dengan gelaran *Rafiq*, seorang doktor itu tidak akan ujub atau bersedihan kerana dia sedar bahawa dia hanya berusaha sementara Allah yang menentukan hasilnya?” tanya

Nazari.

“Ya, tepat sekali!”

“Apa pula maksud *Rafiq*?”

“*Rafiq* dalam bahasa Arab bermaksud teman, dalam konteks ini bermaksud dia adalah teman kepada orang yang sakit.”

“Hm...rasa seperti susah untuk diamalkan. Dahlah tadi kena sama jantina antara yang perawat dan pesakit, kini kena panggil perawat itu *Rafiq* pula. *Ijmak* satu dunia memanggil doktor!” Nazari cuba berjenaka sedikit.

“Jika kita tidak mulakan langkah pertama mengamalkannya dan menyampaikan perkara ini kepada masyarakat, siapa lagi?”

Doktor Cheng

“Doktor! Selamat petang Doktor Cheng...dari pagi kami tunggu doktor tak datang-datang!” Ibu Nazari hampir berteriak sebaik sahaja melihat Doktor Cheng menghampiri katil Nazari.

“Doktor, macam mana anak saya ni? Bimbang saya...”

Ibu Nazari terus bertanya tanpa sempat Doktor Cheng membalas ucapan selamat petangnya.

“Ya, Selamat petang makcik. Jangan tunggu dan berharap pada saya, tetapi berharaplah kepada tuhan...” jelas Doktor Cheng “...kami hanya merawat dan melakukan yang terbaik mungkin. Akan tetapi kata putus tetap pada tuhan.”

Nazari dan ibunya saling berpandangan. Kemudian mereka berdua mengalih pandangan kepada Norazman pula... “Norazman dan Doktor Cheng dah berpakat ke?” seolah-olah itulah bisik hati mereka berdua.

“Ya, doktor, kami memang berdoa dan berharap kepada Allah. Akan tetapi kami juga hendak mengetahui bagaimana hasil pembedahan pagi tadi” jelas ibu Nazari.

“Ya, saya minta maaf. Pagi tadi saya terpaksa melakukan beberapa pembedahan, satu demi satu, sehingga tidak sempat berjumpa dengan puan dan memberikan penjelasan” akui Doktor Cheng. “Setakat pembedahan pertama pagi tadi, semuanya baik. Akan tetapi kami akan membuat pemeriksaan lanjut kerana mungkin perlu dibuat pembedahan kedua.”

“Nak bedah lagi ke doktor?” tanya ibu Nazari kerisauan.

“Belum pasti lagi. Ia satu kemungkinan.”

Hukum Tangkal

“Tak payahlah doktor. Semalam saya dah jumpa seorang ustaz dan dia bekalkan saya tangkal ini...” jelas ibu Nazari sambil menunjukkan sebuah benang yang diikat pada lengan kanan Nazari. Barulah diketahui bahawa semalam apabila Norazman datang menziarahi Nazari, ibunya keluar berjumpa dengan seorang ustaz bagi mendapatkan tangkal tersebut.

“Berharap pada tuhan atau pada tangkal?” tanya Doktor Cheng.

“Ehh! Tentu kepada Allah!” jawab ibu Nazari.

“Jika begitu kenapa perlukan tangkal?”

“Hm...kami tahulah doktor. Ini termasuk agama Islam kami.”

“Tak betul tu makcik...” Norazman memotong.
“...termasuk agama Islam ialah tidak menggantung tangkal

atas apa jua hajat, termasuklah hajat sembuh daripada penyakit” Dalam sebuah riwayat, ‘Isa bin ‘Abdul Rahman berkata:

دَخَلْنَا عَلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُكَيْمٍ وَهُوَ مَرِيضٌ نَعُوذُ فَقِيلَ لَهُ:
لَوْ تَعَلَّقْتَ شَيْئًا؟ فَقَالَ: أَتَعَلَّقُ شَيْئًا؟ وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وَكَلَّ إِلَيْهِ.

Kami menziarahi ‘Abdullah bin ‘Ukaim yang saat itu sedang sakit, lalu dikatakan kepadanya: “Apakah kamu tidak mahu menggantung sesuatu (sebagai tangkal)?”

Lalu ‘Abdullah bin ‘Ukaim berkata: “Menggantungkan sesuatu? Sungguh, telah bersabda Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam: Sesiapa menggantung sesuatu (maka Allah akan) menyerahkan urusannya kepada benda yang digantung itu.”⁴⁸

Dalam sebuah riwayat yang lain, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam melihat seorang lelaki yang ada ikatan di tangannya, lalu baginda bertanya: *“Apakah ini ?”*

⁴⁸ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 18030. Ia dinilai *hasan li ghairihi* oleh Syu’aib al-Arna’uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 18781.

Lelaki itu menjawab: “*Aku menjadikannya sebagai pelindung daripada al-Wahinah.*”⁴⁹ Lalu Rasulullah bersabda:

أَمَّا إِنَّهَا لَا تَزِيدُكَ إِلَّا وَهْنًا ابْتِذَاهَا عَنْكَ فَإِنَّكَ لَوْ مِتَّ وَهِيَ عَلَيْكَ مَا أَفْلَحْتَ أَبَدًا.

*Tiadalah ia menambah bagi kamu kecuali kelemahan. Lemparkan ia daripadamu kerana sesungguhnya jika kamu mati dan ia berada di atasmu, tidaklah ia akan membantu kamu selama-lamanya.*⁵⁰

Doktor Cheng tidak berganjak, beliau kelihatan amat berminat mengikuti perbincangan hukum tangkal di dalam Islam. Walau bagaimanapun ibu Nazari tidak berpuas hati lalu berhujah kembali:

“Itu tangkal yang dijampi dengan entah apa-apa.

⁴⁹ Ia adalah sejenis penyakit yang menimpa bahu dan seluruh lengan lalu diubati dengan cara jampi dan adakalanya digantung pada lengan tersebut sejenis jahitan. Ia dipakai oleh lelaki, bukan wanita. Ia dilarang kerana merupakan salah satu jenis tangkal.

⁵⁰ - - - -: Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 19149. Ia dikemukakan oleh al-Munziri dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyiddin Dabb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib*, hadis no: 5067 (*Bab Ancaman dari menggantung tangkal dan azimat*). Akan tetapi ia dinilai dha'if oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 20000.

Tangkal makcik ini, Ustaz yang jampikan. Dia baca ayat-ayat al-Qur'an.”

“Begini makcik, apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang penggunaan tangkal, baginda tidak membezakan tangkal itu dijampi dengan apa. Asalkan tangkal, ia adalah syirik. Sabda baginda:

مَنْ عَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ.

*Sesiapa menggantung tangkal maka sungguh dia telah melakukan syirik.*⁵¹

Malah penggunaan tangkal dilarang meskipun ke atas haiwan-haiwan peliharaan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menegaskan:

لَا يَبْقَيْنَ فِي رِقَبَةِ بَعِيرٍ قِلَادَةٌ مِنْ وَتَرٍ أَوْ قِلَادَةٌ إِلَّا قُطِعَتْ.
قَالَ مَالِكٌ: أَرَى ذَلِكَ مِنَ الْعَيْنِ.

⁵¹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 16781. Ia dikemukakan oleh al-Munziri dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyiddin Dabb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib*, hadis no: 5065 (*Bab Ancaman dari menggantung tangkal dan azimat*). Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan menilai sanadnya kuat (*qawi*) dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 17422.

Janganlah dibiarkan di leher unta kalung (yang diperbuat) daripada tali atau (apa-apa jenis) kalung kecuali dilepaskan. Berkata Malik (bin Anas), yang sedemikian (memakaikan kalung) adalah untuk menjauhkan dari penyakit ‘Ain.⁵²

Maka yang paling selamat ialah tidak menggunakan tangkal, baik yang dijampi mahupun tidak” jelas Norazman panjang lebar. Beliau menggunakan perkataan ‘paling selamat” kerana dalam persoalan ini memang ada ilmuan yang mengatakan boleh menggunakan tangkal yang dijampi dengan ayat-ayat al-Qur’an.

Di antara ulama’ tersebut ialah Ibn Hajar al-‘Asqalani *rahimahullah* (852H) yang berkata:

Semua ini (hadis-hadis yang melarang tangkal) adalah pada menggantung tangkal dan yang selainnya daripada apa yang tidak diperbuat (dijampikan) dari (ayat-ayat) al-Qur’an atau yang seumpama. Adapun apa yang diperbuat dengan (jampian) *zikrullah* maka tidaklah ia dilarang padanya, kerana sesungguhnya ia hanya

⁵² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Sahihnya*, hadis no: 2115 (*Kitab Pakaian dan perhiasan, Bab tidak disukai kalung tali di leher unta*).

dilakukan sebagai *tabarruk* (mencari keberkatan) dengannya, perlindungan dengan nama-nama-Nya dan zikir kepada-Nya.⁵³

Ibn Hajar berpendapat sedemikian berdasarkan beberapa hadis yang menerangkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang telah menjampi dirinya dan telah juga mengajar jampi kepada ahli keluarga dan para sahabat yang terdiri daripada kalimah-kalimah zikir kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.⁵⁴ Pandangan ini perlu dianalisa semula seperti berikut:

1. Hadis-hadis yang melarang penggunaan tangkal adalah umum tanpa mengambil kira sama ada ia dijampi dengan al-Qur'an atau tidak.
2. Sama-sama diketahui bahawa penggunaan tangkal adalah sangat lazim pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Seandainya penggunaan tangkal dibolehkan jika ia dijampi dengan ayat al-Qur'an atau

⁵³ *Fath al-Bari*, (tahqiq: 'Abd 'Aziz bin Baz, Dar al-Fikr, Beirut, 2000) jld 6, ms 250. Lihat juga keterangan al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra*, (tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Atha', Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1999), jld 9, ms 589.

⁵⁴ Lihat *Fath al-Bari*, jld 11, ms 353.

zikir, nescaya baginda akan mengajarnya kepada para sahabat dan ini akan sampai kepada kita melalui hadis-hadis yang sahih. Memandangkan baginda tidak melakukan sedemikian, bererti ia sememangnya tidak dibolehkan oleh baginda.

3. Terdapat perbezaan yang besar antara pengamalan jampi-jampian dan penggunaan tangkal sekalipun kedua-duanya terdiri daripada kalimah-kalimah Allah. Jampi-jampian adalah memohon terus kepada Allah manakala tangkal berperanan sebagai “jalan tengah” antara seorang hamba dengan Allah. Seandainya seorang pengguna tangkal mendakwa bahawa yang sebenarnya memberi pengaruh adalah Allah dan bukannya tangkal, maka bukankah pertolongan Allah itu dapat diperolehi secara terus, tanpa melalui “jalan tengah”?

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ
الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ.

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya

kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul. [al-Baqarah 2:186]

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ.

Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.” [al-Mu’min 40:60]

4. Seorang yang menggunakan tangkal dengan dakwaan bahawa yang sebenarnya memberi pengaruh adalah Allah, lambat-laun akan terperangkap juga dengan “pengaruh” daripada tangkal tersebut. Iaitu apabila dia sudah biasa menggunakan tangkal lalu pada satu hari dia terlupa memakainya, maka hatinya akan menjadi gusar lagi resah, tidak lagi yakin untuk menempuh harinya itu melainkan dengan penuh ketakutan, kebimbangan dan was-was. Berbagai-bagai imaginasi

yang buruk sentiasa tergambar di dalam fikirannya, diikuti dengan berbagai-bagai bisikan negatif dalam sanubari. Inilah yang penulis maksudkan dengan: “lambat-laun akan terperangkap juga dengan ‘pengaruh’ daripada tangkal tersebut”. Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* (241H) pernah ditanya tentang penggunaan tangkal, beliau menjawab: “Sesiapa yang menggunakan tangkal (lambat laun) akan bergantung kepadanya.”⁵⁵

5. Perlindungan sebenar dari ayat-ayat al-Qur’an dan zikrullah adalah pada kefahaman dan keyakinan kepada yang diseru dalam kalimah-kalimah tersebut sebagai pelindung, yakni Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Menggantungnya tidak membawa sebarang faedah kecuali salah guna dan penghinaan.

Maka berdasarkan analisa di atas, dapat dirumuskan bahawa pendapat yang lebih selamat ialah penggunaan tangkal tetap dilarang sekalipun ianya dijumpi dengan ayat-ayat al-Qur’an atau zikir-zikir.

⁵⁵ Dinukil oleh al-Suyuti dalam *Medicine of The Prophet*, (Ta-Ha Publishers, London, 1997), ms. 171.

Hukum Jampi-Jampian

“Maaf bertanya, makcik dengar ke apa yang ustaz itu jampikan?” tiba-tiba Doktor Cheng bertanya. Sikap positifnya yang dari dulu suka mendengar para pesakitnya berbincang tentang Islam menyebabkan dia agak tahu antara betul dan salah.

“Ustaz itu bacakan ayat-ayat al-Qur’an” jawab ibu Nazari ringkas.

“Surah apa tu makcik?” tanya Norazman.

“Makcik tak hafal al-Qur’an, manalah makcik tahu surah apa yang dia baca... tetapi ia dimulai dengan *al-Fatihah*.”

“Syarat penting jampi-jampian ialah kita mendengar secara jelas apa yang dibacakan, dari mula hingga akhir. Hukum asal bagi jampi-jampian ialah syirik. Ini berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ.

Sesungguhnya jampi-jampian, tangkal dan

*permainan sihir adalah syirik.*⁵⁶

Pengecualian diberikan kepada jampi-jampian yang dapat difahami dari awal hingga akhir dan diketahui secara pasti ia tidak mengandung apa-apa unsur syirik. Auf bin Malik al-Asyja'iy *radhiallahu 'anh* berkata: ***Kami di zaman Jahiliyyah mempraktikkan jampi-jampian. Maka kami bertanya: “Ya Rasulullah, apakah pendapat anda tentang hal ini?” Rasulullah menjawab:***

اعْرِضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ.

“Tunjukkan kepada aku jampi-jampian kamu. Tidak mengapa dengan jampi-jampian yang di dalamnya tidak mengandung syirik.”⁵⁷ jelas Norazman.

“Itukan ustaz, takkanlah dia baca jampi-jampian yang syirik?” celah Nazari yang selama ini berdiam diri mengikuti perbincangan hukum tangkal dan jampi-jampian.

⁵⁶ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunannya*, hadis no: 3521 (*Kitab al-Tibb, Bab menggantung tangkal*). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 3596. Lafaz penuh hadis ini akan dikemukakan selepas ini.

⁵⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2200 (*Kitab al-Salam, Bab tidak mengapa jampi-jampian yang tidak mengandung syirik*).

“Gelaran ustaz bukanlah lesen untuk dipercayai seratus peratus. Seorang ustaz yang mewarisi sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan mengajar bacaan jampi atau *ruqyah* sebagaimana yang baginda ajar.

Baginda mengajar secara jelas kepada pesakit atau kepada orang yang memintanya, sebegitu jelas sehingga orang yang mendengar dapat menghafalnya dan menyampaikannya kepada orang lain sehingga tercatat dalam kitab-kitab hadis sehingga hari ini.

Membaca secara sembunyi-sembunyi dan berkemat-kamit mengisyaratkan ada sesuatu yang tersembunyi atau meragukan” jelas Norazman lagi. Beliau teringat kepada hadis A’isyah *radhiallahu 'anha* tentang adab Rasulullah ketika berbicara:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُحَدِّثُ حَدِيثًا لَوْ عَدَّهُ
الْعَادُّ لَأَخْصَاهُ.

Bahawasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bertutur dengan pertuturan yang seandainya seseorang itu ingin menghitungnya, nescaya dia akan dapat

menghitungnya.⁵⁸ Maksud menghitung di sini ialah baginda berbicara sepatah-sepatah dengan jelas sehingga dapat dihitung satu persatu perkataan baginda. Pada ketika yang lain A'isyah menerangkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَسْرُدُ سَرْدَكُمْ هَذَا
يَتَكَلَّمُ بِكَلَامٍ بَيْنَهُ فَضْلٌ يَحْفَظُهُ مَنْ سَمِعَهُ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak berbicara sebagaimana kalian berbicara (yakni dengan laju). Baginda berbicara dengan jelas lagi satu persatu sehingga dapat dihafal oleh sesiapa yang mendengarnya.⁵⁹

“Jika jampi-jampian yang jelas, dibaca ke atas tangkal boleh ke?” tanya Nazari.

“Jampi-jampian yang jelas, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bacakan terus kepada pesakit. Bukan pada tangkal atau air.”

⁵⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3303/3568 (*Kitab al-Manaqib, Bab sifat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam*).

⁵⁹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 25012. Sanadnya dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 26209.

“Tak baik kamu cakap begitu Man. Ustaz ini baik orangnya. Ramai orang yang datang berubat dengannya, sehingga yang dari jauh pun ada. Bagi memudahkan mereka supaya tidak perlu berulang-alik, beliau bekalkan mereka dengan tangkal yang dijampinya. Tentu saja tangkal itu dijumpi dengan ayat-ayat al-Qur’an sebab ramai yang sembuh dengannya. Eh...silap... sembuh dengan izin Allah!” ibu Nazari cuba berhujah lagi.

“Maaf kata makcik, kadangkala semua ini hanyalah tipudaya syaitan. Syaitan sengaja mengenakan sesuatu penyakit kepada seseorang. Apabila orang itu berubat dengan cara yang syar’ie, syaitan tetap mengenakan penyakit itu kepadanya sehingga dia ragu-ragu dengan cara tersebut. Namun apabila orang itu berubat dengan cara yang salah, syaitan menarik balik penyakit itu agar dapat memberikan gambaran palsu bahawa cara berubat itu adalah betul” jelas Norazman.

“Benarkah?” tanya ibu Nazari, sukar untuk dipercayainya.

“Benar. Perkara ini dijelaskan sendiri orang seorang sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang bernama

‘Abdullah ibn Mas’ud *radhiallahu 'anh*. Ia diceritakan oleh isterinya yang bernama Zainab:

كَانَتْ عَجُوزٌ تَدْخُلُ عَلَيْنَا تَرْقِي مِنَ الْحُمْرَةِ. وَكَانَ لَنَا سَرِيرٌ طَوِيلُ الْقَوَائِمِ. وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ إِذَا دَخَلَ تَنَحَّنَحَ وَصَوَّتَ.

Biasanya ada seorang wanita tua yang mengunjungi kami. Dia melakukan jampi-jampian (bagi mengobati) daripada penyakit al-Humrah (sejenis penyakit yang menyebabkan demam dan kulit menjadi kemerahan). Kami mempunyai sebuah katil yang berkaki panjang (dan wanita tua itu menjampiku sambil aku duduk atau baring di atasnya). Apabila ‘Abdullah (ibn Mas’ud) hendak masuk ke rumah, beliau akan berdeham dan bersuara (memberi salam, bagi menandakan kepulangannya).

فَدَخَلَ يَوْمًا فَلَمَّا سَمِعَتْ صَوْتَهُ اِحْتَجَبَتْ مِنْهُ. فَجَاءَ فَجَلَسَ إِلَى جَانِبِي فَمَسَّنِي فَوَجَدَ مَسَّ حَيْطٍ فَقَالَ: مَا هَذَا؟ فَقُلْتُ: رُقِي لِي فِيهِ مِنَ الْحُمْرَةِ.

Pada satu hari beliau masuk. Tatkala wanita tua itu mendengar suaranya, dia segera menghijab (menyembunyikan) dirinya daripada beliau. Maka ‘Abdullah

datang dan duduk di sisiku serta menyentuhkan. Dia menemui seutas benang (yang terikat pada diriku) lalu bertanya: “Apakah ini?” Aku menjawab: “Ia adalah tangkal yang telah dijampi bagi melindungiku daripada penyakit al-Humrah.”

فَجَذَبَهُ وَقَطَعَهُ فَرَمَى بِهِ وَقَالَ: لَقَدْ أَصْبَحَ آلُ عَبْدِ اللَّهِ أَغْيَاءَ
عَنِ الشِّرْكَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الرُّقَى
وَالْتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكَ.

Maka beliau menariknya dengan paksa sehingga putus lalu melontarnya. Beliau berkata: “Ketahuilah, keluarga ‘Abdullah tidak berhajatkan kepada apa-apa amalan syirik. Aku mendengar Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya jampi-jampian, tangkal dan permainan sihir adalah syirik.”

قُلْتُ: فَإِنِّي خَرَجْتُ يَوْمًا فَأَبْصَرْتَنِي فُلَانٌ فَدَمَعَتْ عَيْنِي الَّتِي
تَلِيهِ فَإِذَا رَفِئْتُهَا سَكَنْتَ دَمْعُهَا وَإِذَا تَرَكْتُهَا دَمَعَتْ.

Aku berkata: “Pada satu hari aku keluar dan si-fulan memandangu. Matakku mulai berair-air pada sebelah yang menghampirinya. Apabila aku membaca jampi-jampian padanya, ia berhenti berair. Apabila aku meninggalkan

jampi-jampian, ia berair semula. (Maka sebagaimana jampi-jampian tersebut mengubati mataku yang berair, aku berharap ia juga dapat mengubati penyakit al-Humrah yang aku hadapi).

قَالَ: ذَاكَ الشَّيْطَانُ إِذَا أَطَعْتَهُ تَرَكَكَ وَإِذَا عَصَيْتَهُ طَعَنَ بِإِصْبَعِهِ فِي عَيْنِكَ. وَلَكِنْ لَوْ فَعَلْتِ كَمَا فَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ خَيْرًا لَكَ وَأَجْدَرَ أَنْ تُشْفِيْنَ. تَنْضِحِينَ فِي عَيْنِكَ الْمَاءَ وَتَقُولِينَ:

'Abdullah ibn Mas'ud berkata: "Itu adalah (tipudaya) syaitan. Apabila kamu mentaatinya (berubat dengan cara yang salah), dia akan meninggalkanmu (tidak lagi mengganggu dengan penyakit mata berair). Apabila kamu melawannya (enggan berubat dengan cara yang salah), dia menjolok jarinya ke dalam mata kamu (sehingga ia berair).

Akan tetapi seandainya kamu melakukan sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, ia lebih baik bagi kamu dan lebih berkesan untuk kesembuhan. Renjislah air ke matamu dan bacalah jampi:

أَذْهَبِ الْبَاسَ رَبَّ النَّاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا

شَفَاؤُكَ شِفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا.

*Hilangkanlah penyakit wahai Tuhan manusia. Sembuhkanlah kerana Engkau lah Penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhan-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan apa-apa kesan lanjutan.*⁶⁰

“Owh, jika begitu saya juga tidak mahu pakai tangkal, bimbang menjadi syirik kepada Allah” kata Nazari sambil terus menarik putus benang di lengan kanannya. Dia memandang kepada ibu, ibu berdiam sahaja kerana khusyuk memikirkan apa yang baru dipelajarinya. Memang susah hendak dilepaskan amalan yang sudah menjadi kebiasaan masyarakat.

“Nak buat apa dengan benang ini?” tanya Nazari.

“Tak apa, buang saja!” jawab ibu Nazari secara ringkas.

Norazman menarik nafas lega kerana beliau bimbang perkara ini akan mengeruhkan hubungannya dengan ibu Nazari. Akan tetapi menegur perkara mungkar hendaklah disegerakan kerana menanggungnya sama erti dengan tidak

⁶⁰ **Sahih:** dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunannya*, hadis no: 3521 (*Kitab al-Tibb, Bab menggantung tangkal*). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 3596.

menegurnya langsung sehingga bila-bila. Oleh itulah dalam sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda menegur apa saja kesalahan para sahabat pada saat itu juga.

“Bagus, tinggalkan apa yang meragukan kepada apa yang menyakinkan” ulas Doktor Cheng sambil mula beredar dari katil Nazari. Mereka bertiga memandang kepada beliau dengan sedikit kehairanan kerana apa yang baru dikatakannya itu hampir sama dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

دَعُ مَا يَرِيْبُكَ إِلَىٰ مَا لَا يَرِيْبُكَ فَإِنَّ الصِّدْقَ طُمَأْنِينَةٌ وَإِنَّ
الْكَذِبَ رِيْبَةٌ.

*Tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan kamu, kerana sesungguhnya kejujuran itu adalah ketenangan sementara penipuan itu adalah keraguan.*⁶¹

⁶¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2442 (*Kitab Sifat Kiamat, Bab...ke-60*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2518.

Berkenalan dengan *al-Rafiq* (Bhg II)

Saya ingin memperkenalkan seseorang kepada para pembaca sekalian, iaitu Rafiq. Ejaan tepat dalam bahasa Arab ialah *al-Rafiq*, disebut sebagai *ar-Rafiq*. Pengenalan lebih lanjut kepada Rafiq dapat diperolehi melalui hadis berikut. Ayuh kita membacanya:

عَنْ أَبِي رَمِثَةَ قَالَ: انْطَلَمْتُ مَعَ أَبِي نُحْوِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ ذُو وَفْرَةٍ بِهَا رَدْعٌ حِنَاءٌ وَعَلَيْهِ بُرْدَانِ أَخْضَرَانِ.

Daripada Abu Rimtsah dia berkata, aku bersama ayahku pergi menemui Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. (Ketika berjumpa, kami melihat) rambut baginda panjang hingga daun telinga dan diwarnai dengan inai serta baginda memakai dua kain yang berwarna hijau.

فَقَالَ لَهُ أَبِي: أَرِنِي هَذَا الَّذِي بَظَهْرِكَ فَإِنِّي رَجُلٌ طَبِيبٌ.

Lalu ayahku berkata kepada baginda: “Tunjukkanlah apa yang ada di belakangmu kerana aku adalah seorang doktor (tabib).”

قَالَ: اللَّهُ الطَّيِّبُ بَلْ أَنْتَ رَجُلٌ رَفِيقٌ طَبِيبُهَا الَّذِي خَلَقَهَا.

Rasulullah menjawab: “Allah jualah doktor sementara kamu adalah seorang Rafiq. Allah jualah yang menyembuhkan apa yang dicipta-Nya (yakni penyakit).”⁶²

Dalam hadis di atas, orang yang datang menziarahi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ingin melihat bahagian belakang badan baginda. Meskipun tidak dinyatakan, mungkin di belakang Rasulullah saat itu ada sesuatu penyakit, seperti penyakit kulit. Orang tersebut memperkenalkan dirinya sebagai seorang doktor atau tabib.

Mendengar pengenalan tersebut, Rasulullah terus membetulkannya dengan menyatakan bahawa doktor yang sebenar ialah Allah sementara dia hanyalah seorang Rafiq. Rafiq dalam bahasa Arab bermaksud teman, dalam konteks ini bermaksud dia adalah teman kepada orang yang sakit.

Penyakit Dan Aqidah Seorang Muslim

Amat penting bagi seorang muslim untuk memiliki

⁶² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 3674 (*Kitab al-Tarajul, Bab mewarnakan rambut*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4206.

aqidah atau keyakinan yang murni bahawa Allah sahajalah penyembuh bagi semua penyakit. Allah jualah yang mencipta penyakit, mengenakan seseorang itu dengan sesuatu penyakit dan yang akan menyembuhkan orang tersebut daripada penyakit yang dikenakan-Nya itu dalam tempoh yang dikehendaki-Nya.

Aqidah ini dijelaskan oleh hadis berikut:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً.

Tidaklah Allah menurunkan suatu penyakit melainkan (Allah) menurunkan ubat baginya.⁶³ Perhatikan awal hadis: ***Allah tidak akan menurunkan penyakit...*** menunjukkan bahawa Allah jualah yang mencipta dan mengenakan penyakit kepada manusia.

Perhatikan pula hadis berikut:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ. فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila ditemukan ubat yang tepat untuk suatu penyakit, maka akan sembuhlah

⁶³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5246/5678 (*Kitab al-Tibb, Bab Tidaklah Allah menurunkan suatu penyakit melainkan (Allah) menurunkan ubat baginya*).

*penyakit itu dengan izin Allah 'Azza wa Jalla.*⁶⁴ Perhatikan akhir hadis: ... *maka akan sembuhlah penyakit itu dengan izin Allah...* menunjukkan sembuh atau tidak bergantung kepada izin Allah meskipun telah ditemui ubat yang tepat.

Perhatikan juga penegasan-penegasan tauhid yang disebut oleh Nabi Ibrahim 'alaihissalam, sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Qur'an:

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ. وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ. وَإِذَا
مَرَضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ. وَالَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِ. وَالَّذِي أَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ
لِي خَطِيئَتِي يَوْمَ الدِّينِ.

Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku. Dan Tuhan, Dia-lah jua yang memberiku makan dan memberi minum. Dan apabila aku sakit, maka Dia-lah yang menyembuhkan penyakitku. Dan (Dialah) yang mematikan daku, kemudian Dia menghidupkan daku. Dan yang amat aku inginkan agar mengampuni kesalahanku

⁶⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4084/2204 (*Kitab al-Salam, Bab bagi setiap penyakit ada ubatnya dan dianjurkan untuk berubat*).

pada Hari Kiamat [al-Syu'ara 26:78-82]

Oleh itu apa yang diusahakan oleh manusia seperti berjumpa doktor, memakan ubat dan menjalani rawatan serta pembedahan, semua itu hanyalah usaha-usaha ke arah kesembuhan dan ia dibolehkan sebagaimana hadis-hadis di atas.

Akan tetapi penting untuk memiliki keyakinan bahawa:

- Jika Allah izinkan, dia akan sembuh.
- Jika Allah tangguhkan, maka dia tidak akan sembuh sehinggalah ke satu masa yang Allah izinkan baginya untuk sembuh.
- Jika Allah tidak izinkan, maka dia tidak akan sembuh sehingga meninggal dunia.

Oleh kerana itulah kita kerap menemui dua orang yang sebaya dengan satu penyakit yang sama, berjumpa dengan doktor yang sama dan mengambil ubat yang sama, mereka sembuh pada kadar yang berlainan. Apa yang lebih dahsyat, ada yang sembuh dalam suasana mentauhidkan Allah kerana dia berkata “Allah telah menyembuhkan aku.” Sementara seorang lagi sembuh dalam suasana mensyirikkan Allah kerana

dia berkata “Doktor itu dan ubat ini telah menyembuhkan aku.”

Kaitan antara penyakit dan aqidah tidak tertumpu kepada penyakit-penyakit berat sahaja, tetapi meliputi semua penyakit termasuk yang ringan. Ambil saja contoh dua orang yang Allah uji dengan pening kepala lalu mereka memakan Panadol (*paracetamol*) dan sembuh. Sahabat yang pertama mentauhidkan Allah dengan berkata: “Allah telah menghilangkan pening kepalaku” sementara sahabat yang kedua mensyirikkan Allah dengan berkata: “Panadol ini telah menghilangkan pening kepalaku.”

Mengelakkan Syirik Ketika Berubat

Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut:

اللَّهُ الطَّيِّبُ بَلْ أَنْتَ رَجُلٌ رَفِيقٌ طَيِّبٌهَا الَّذِي خَلَقَهَا.

Allah-lah doktor sementara kamu adalah seorang Rafiq. Allah jualah yang menyembuhkan apa yang diciptanya (yakni penyakit), baginda bukan sahaja ingin menegaskan hakikat tauhid tetapi memelihara umat daripada keyakinan syirik. Ini kerana ramai yang apabila sakit, menaruh harapan kepada doktor, rawatan dan ubat-ubatan, sehingga

berkeyakinan kesembuhan terletak pada semua itu. Mereka merayu-rayu pada doktor, mengadu berulang-kali kepada doktor dan sangat-sangat berharap agar doktor dapat menyembuhkan mereka.

Apabila gelaran doktor diubah kepada Rafiq, maka pesakit akan sedar bahawa beliau hanyalah peneman ketika sakit sementara doktor yang sebenar ialah Allah. Dengan itu pesakit akan mengubah harapannya, rayuannya, aduannya kepada Allah sahaja.

Hadis ini juga memberi motivasi kepada para “doktor” agar jangan melihat atau menganggap diri sendiri sebagai doktor. Sebaliknya anggaplah diri sendiri sebagai peneman kepada pesakit, peneman terbaik yang memberi kata-kata nasihat dan motivasi serta memberikan ubat dan rawatan sebagai sarana ke arah kesembuhan. Lebih penting, peneman yang dapat menjaga aqidah pesakit agar berharap hanya kepada Allah, bukan kepada dirinya, rawatan atau ubat-ubatan.

Menjauhi Semua Jenis Syirik

Para ilmuwan yang kita kasihi membahagikan syirik kepada **Syirik Besar** dan **Syirik Kecil**. Syirik Besar ialah apa yang dapat membatalkan tauhid serta merta. Di antara Syirik Besar ada yang jelas kelihatan, seperti menyembah batu, pokok dan manusia. Ada yang tersembunyi seperti seorang yang Muslim tetapi pada waktu yang sama mengaku Nabi Isa' ialah anak Allah. Contoh lain ialah orang yang melakukan sembelihan haiwan dengan membaca *Basmalah* tetapi dalam hatinya, sembelihan itu ditujukan kepada jin peliharaannya.

Syirik Kecil pula ialah apa yang pada asasnya tidak membatalkan tauhid tetapi mencemari kemurniaannya. Jika dibiarkan, lama kelamaan ia akan membesar dan membatalkan tauhid seorang muslim. Di antara Syirik Kecil ada yang jelas kelihatan, seperti mentaati ulama' dengan membelakangkan al-Qur'an dan al-Sunnah, memakai tangkal dan melafazkan sumpah di atas selain nama Allah. Ada yang tersembunyi seperti mencintai manusia bersamaan dengan mencintai Allah, riyah dalam beribadah dan berkeyakinan doktor atau ubat sebagai penyembuh kepada penyakit.

Meskipun para ilmuwan telah membahagikan syirik kepada besar dan kecil, ia tidaklah bererti kita boleh memandang ringan kepada syirik kecil. Jika diperhatikan ayat-ayat al-Qur'an yang memberi ancaman kepada syirik, ia tidak membezakan antara syirik besar dan kecil. Perhatikan beberapa firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikut ini:

لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ.

Janganlah kamu mensyirikkan Allah (kerana) sesungguhnya syirik adalah benar-benar kezaliman yang besar. [Luqman 31:13]

وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحِطَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

Seandainya mereka mensyirikkan Allah, nescaya lenyaplah dari mereka amalan yang telah mereka kerjakan. [al-An'aam 6:88]

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ
عَمَلُكَ وَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ.

Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada (Nabi-nabi) yang sebelummu: “Jika kamu mensyirikkan (Allah), nescaya akan

hapuslah amalanmu dan tentulah kamu menjadi di kalangan orang-orang yang rugi. [al-Zumar 39:65]

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ
وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا.

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik tetapi Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mensyirikkan Allah, maka sungguh dia telah berbuat dosa yang besar. [al-Nisa' 4:48]

إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ.

Sesungguhnya orang yang mensyirikkan Allah, maka pasti Allah mengharamkan syurga kepadanya dan tempatnya ialah neraka, dan tidaklah bagi orang-orang zalim itu seorang penolong jua. [al-Maidah 5:72]

Dalam ayat-ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa syirik ialah satu kezaliman yang besar, membatalkan semua amal-amal soleh yang pernah dilakukan, tidak akan diampunkan oleh Allah dan diharamkan ke atasnya

syurga pada Hari Akhirat kelak. Dalam ayat-ayat di atas, tidak dibezakan antara Syirik Besar atau Syirik Kecil.

Dalil Pembahagian Syirik Besar dan Syirik Kecil

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ.

“Sesungguhnya yang paling aku bimbangi daripada perkara-perkara yang aku bimbang ke atas kalian ialah syirik kecil.”

قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟

Para shahabat bertanya: “Apakah syirik kecil itu wahai rasulullah?”

قَالَ: الرِّيَاءُ، يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِأَعْمَالِهِمْ: اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا فَاَنْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً.

Rasulullah menjawab: “Riya’. Allah ‘Azza wa Jalla akan berkata pada Hari Kiamat ketika membalas amalan-amalan manusia: Pergilah kepada orang yang kamu

menunjuk-nunjuk dahulu ketika di dunia dan lihatlah apakah kamu mendapat ganjaran dari sisi mereka?”⁶⁵

Berdasarkan hadis di atas, apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut “Syirik Kecil”, ia memberi isyarat bahawa syirik itu terbahagi kepada dua jenis, iaitu Syirik Besar dan Syirik Kecil. Pun begitu, ia tidaklah bermaksud seseorang itu boleh memandang ringan kepada Syirik Kecil. Perhatikan hadis berikut tentang balasan kepada orang yang melakukan syirik kecil – yakni *riya'* – ketika beramal:

عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: تَفَرَّقَ النَّاسُ عَنِ أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَالَ لَهُ نَاتِلُ أَهْلِ الشَّامِ: أَيُّهَا الشَّيْخُ حَدِّثْنَا حَدِيثًا سَمِعْتَهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: نَعَمْ, سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

Daripada Sulaiman bin Yasar dia berkata, orang ramai berkumpul-kumpulan di sekitar Abu Hurairah, lalu berkata (seorang yang bernama) Natil yang berasal dari

⁶⁵ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad di dalam *Musnadnya*, hadis no: 22523. Ia dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 23630.

Syam: “Wahai syaikh! Ceritakanlah sebuah hadis yang kamu dengar daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam.” Abu Hurairah menjawab: “Baiklah, aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يُقْضَىٰ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ رَجُلٌ اسْتُشْهِدَ فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا. قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟ قَالَ: قَاتَلْتُ فِيكَ حَتَّى اسْتُشْهِدْتُ. قَالَ: كَذَبْتَ! وَلَكِنَّكَ قَاتَلْتَ لِأَنْ يُقَالَ جَرِيءٌ فَقَدْ قِيلَ. ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ.

Sesungguhnya orang yang paling awal diadili pada Hari Kiamat ialah seorang lelaki yang mati syahid. Dia dibawa (menghadap Allah) dan diperkenalkan nikmat-nikmat (yang pernah diberikan kepadanya), lalu dia mengenalinya. Allah bertanya: “Apakah yang kamu amalkan di dunia?” Dia menjawab: “Saya berperang untuk-Mu sehingga mati syahid.” Allah berfirman: “Kamu berdusta! Akan tetapi kamu berperang agar dikatakan sebagai pemberani dan itu telah diperkatakan (oleh orang ramai).” Kemudian diperintahkan agar dia diseret di atas wajahnya sehingga dilemparkan ke dalam neraka.

وَرَجُلٌ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ وَعَلَّمَهُ وَقَرَأَ الْقُرْآنَ فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَفَهُ نِعْمَهُ
فَعَرَفَهَا. قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟ قَالَ: تَعَلَّمْتُ الْعِلْمَ وَعَلَّمْتُهُ وَقَرَأْتُ
فِيكَ الْقُرْآنَ. قَالَ: كَذَبْتَ! وَلَكِنَّكَ تَعَلَّمْتَ الْعِلْمَ لِيُقَالَ عَالِمٌ وَقَرَأْتَ
الْقُرْآنَ لِيُقَالَ هُوَ قَارِئٌ فَقَدْ قِيلَ: ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ حَتَّى
أُلْقِيَ فِي النَّارِ.

(Juga yang terawal ialah) seorang lelaki yang mempelajari ilmu, mengajarnya dan membaca al-Qur'an. Dia dibawa (menghadap Allah) dan diperkenalkan nikmat-nikmat (yang pernah diberikan kepadanya), lalu dia mengenalinya. Allah bertanya: "Apakah yang kamu amalkan di dunia?" Dia menjawab: "Saya mempelajari ilmu, mengajarnya dan membaca untuk-Mu al-Qur'an." Allah berfirman: "Kamu berdusta! Akan tetapi kamu mempelajari ilmu supaya dikatakan sebagai seorang alim dan membaca al-Qur'an supaya dikatakan sebagai seorang qari dan itu telah diperkatakan (oleh orang ramai)." Kemudian diperintahkan agar dia diseret di atas wajahnya sehingga dilemparkan ke dalam neraka.

وَرَجُلٌ وَسَّعَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَعْطَاهُ مِنْ أَصْنَافِ الْمَالِ كُلِّهِ. فَأُتِيَ

بِهِ فَعَرَفَهُ نِعْمَهُ فَعَرَفَهَا. قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟ قَالَ: مَا تَرَكْتُ مِنْ سَبِيلٍ تُحِبُّ أَنْ يُنْفَقَ فِيهَا إِلَّا أَنْفَقْتُ فِيهَا لَكَ. قَالَ: كَذَبْتَ! وَلَكِنَّكَ فَعَلْتَ لِيَقَالَ هُوَ جَوَادٌ فَقَدْ قِيلَ. ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ ثُمَّ أُلْقِيَ فِي النَّارِ.

(Juga yang terawal ialah) seorang lelaki yang dilapangkan Allah (rezekinya) dan dia mendedahkan semua hartanya kepada golongan yang layak menerimanya. Dia dibawa (menghadap Allah) dan diperkenalkan nikmat-nikmat (yang pernah diberikan kepadanya), lalu dia mengenalinya. Allah bertanya: “Apakah yang kamu amalkan di dunia?” Dia menjawab: “Saya tidak meninggalkan jalan yang Kamu sukai untuk diberikan sedekah padanya melainkan saya bersedekah padanya untuk-Mu.” Allah berfirman: “Kamu berdusta! Akan tetapi kamu melakukan itu supaya dikatakan ‘dia seorang dermawan’ dan itu telah diperkatakan (oleh orang ramai).” Kemudian diperintahkan agar dia diseret di atas

*wajahnya sehingga dilemparkan ke dalam neraka.*⁶⁶

Merujuk kepada hadis di atas, meskipun riya' dikategorikan sebagai syirik kecil, orang yang melakukannya tetap diberi balasan yang berat pada Hari Akhirat kelak. Oleh itu syirik kecil bukanlah sesuatu yang boleh dipandang kecil atau ringan. Seorang Muslim yang benar-benar mentauhidkan Allah akan berusaha sedaya mampu untuk mengenali keyakinan dan amalan yang merupakan syirik kepada Allah, kemudian berusaha untuk menjauhinya sejauh mungkin.

⁶⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 3527/1905 (*Kitab al-Imarah, Bab orang yang berperang kerana riya' dan sum'ah, dia berhak memasuki neraka*).

Hukum Jampian al-Qur'an dan Air Jampi

Soalan: Apakah hukumnya menjampi dengan ayat-ayat al-Qur'an sebagai cara perubatan? Jika boleh, bagaimanakah caranya? Adakah ia dengan membaca ayat lalu meniup ke anggota yang sakit atau dengan menjampi air lalu meminumnya?

Jawapan: Di antara kemukjizatan al-Qur'an ialah ia boleh menjadi penyembuh kepada penyakit bagi orang-orang yang beriman. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا.

Dan Kami turunkan dari al-Qur'an apa yang menjadi penyembuh dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian. [al-Isra' 17:82]

al-Qur'an boleh menjadi penyembuh bagi penyakit rohani dan juga penyakit jasmani. Penyakit rohani ialah penyakit-penyakit hati seperti cinta dunia, dengki, tamak,

kedekut, suka menunjuk-nunjuk, tidak mahu bersabar dan menyakini pertolongan selain Allah. Dalam ayat yang lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي
الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ.

Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit dalam dada (hati/rohani) dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. [Yunus 10:57]

Bagi penyakit jasmani, peranan al-Qur'an sebagai penyembuh dapat dipelajari daripada sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. A'isyah radhiallahu 'anha menjelaskan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْفُثُ عَلَى نَفْسِهِ فِي
الْمَرَضِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ. فَلَمَّا ثَقُلَ كُنْتُ أَنْفُثُ عَلَيْهِ بِهِنَّ
وَأَمْسَحُ بِيَدِ نَفْسِهِ لِبِرْكَتِهَا.

Bahwasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, ketika baginda sakit yang membawa kepada kewafatannya, biasa meniup kepada diri baginda dengan al-Mu'awwidzat

*(dua surah terakhir dalam al-Qur'an: al-Nas dan al-Falaq).
Tatkala sakit baginda semakin parah, sayalah yang meniup
dengan kedua surah tersebut dan saya mengusapnya dengan
tangan baginda sendiri kerana mengharapkan
keberkatannya.*

فَسَأَلْتُ الزُّهْرِيَّ: كَيْفَ يَنْفِثُ؟ قَالَ: كَانَ يَنْفِثُ عَلَى يَدَيْهِ ثُمَّ
يَمْسَحُ بِهِمَا وَجْهَهُ.

*Perawi bertanya kepada al-Zuhri: Bagaimana cara
meniup itu? Al-Zuhri menjawab: (Setelah membaca kedua-
dua surah itu, maka) tiup ke kedua-dua tangan dan
kemudian mengusap kedua-dua tangan ke muka.⁶⁷*

Dalam sebuah hadis lain, ‘Abdullah ibn ‘Abbas
radhiallahu 'anh menerangkan:

أَنَّ نَفَرًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرُّوا بِمَاءٍ
فِيهِمْ لَدَيْعٌ أَوْ سَلِيمٌ فَعَرَضَ لَهُمْ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْمَاءِ فَقَالَ: هَلْ فِيكُمْ
مَنْ رَاقٍ إِنَّ فِي الْمَاءِ رَجُلًا لَدَيْعًا أَوْ سَلِيمًا.

⁶⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no:
5294/5735 (*Kitab al-Tibb, Bab menjampi dengan al-Qur'an dan al-
Mu'awwidzat*).

Bahawa beberapa sahabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui sebuah mata air. Di sana terdapat seorang yang terkena sengatan binatang berbisa (kala jengking atau ular), lalu salah seorang yang tinggal di mata air tersebut datang dan berkata: “Apakah di kalangan kalian ada seseorang yang pandai menjampi? Di mata air (ini) ada seorang yang terkena sengatan binatang berbisa.”

فَانْطَلَقَ رَجُلٌ مِنْهُمْ فَقَرَأَ بِمَفَاتِحِ الْكِتَابِ عَلَى شَاءٍ فَبَرَأَ فَجَاءَ
بِالشَّاءِ إِلَى أَصْحَابِهِ فَكَرِهُوا ذَلِكَ. وَقَالُوا: أَخَذْتَ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ
أَجْرًا حَتَّى قَدِمُوا الْمَدِينَةَ.

Lalu salah seorang sahabat Nabi pergi ke tempat tersebut dan membacakan surah al-Fatihah (kepada orang yang terkena sengatan) dengan syarat upah seekor kambing. Ternyata orang yang terkena sengatan tadi sembuh. Maka sahabat tersebut membawa kambing itu kepada sahabat-sahabatnya, namun mereka tidak suka dengan upah itu. Mereka berkata: “Kamu mengambil upah atas al-Qur’an? (Tunggu dulu) sehinggalah kita pulang ke Madinah.”

فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخَذَ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ أَجْرًا. فَقَالَ رَسُولُ

اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ.

(Setelah mereka tiba di Madinah), mereka bertanya: “Wahai Rasulullah, dia ini mengambil upah atas al-Qur’an.” (Setelah mendengar kisah sebenar) Rasulullah bersabda: “Sesungguhnya upah yang paling berhak kalian ambil adalah upah karena (menjampi dengan) al-Qur’an.”⁶⁸

Dalam hadis di atas, Rasulullah tidak menegur sahabat yang menjampi dengan menggunakan surah al-Fatihah. Seandainya ia satu kesalahan, nescaya baginda akan segera menegur dan tidak membenarkan pengambilan upah. Sikap diam Rasulullah menunjukkan ia adalah sesuatu yang dibolehkan.

Berdasarkan dua hadis di atas:

- Dibolehkan menjampi dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur’an.
- Surah yang terbaik digunakan untuk menjampi ialah al-Fatihah, al-Nas dan al-Falaq, sebagaimana diamalkan

⁶⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5296/5737 (*Kitab al-Tibb, Bab mensyaratkan jampian dengan bayaran sejumlah kambing*).

dan diiktiraf oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ia boleh digunakan untuk menjampi semua penyakit sambil mengharapkan kesembuhan daripada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

- Cara menjampi ialah membaca ayat-ayat al-Qur'an, hembus ke kedua-dua tangan dan usap ke bahagian anggota badan yang sakit.

Jampi-Jampian Dengan Hadis Rasulullah

Sebagai penjelasan tambahan, dibolehkan juga menjampi dengan doa-doa dan kalimah-kalimah yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang tercatat dalam hadis-hadis yang sahih. Salah satu daripadanya ialah apa yang telah kita pelajari dalam beberapa bab yang lepas, merujuk kepada tunjuk ajar Abdullah ibn Mas'ud kepada isterinya Zainab *radhiallahu 'anhuma*:

وَلَكِنْ لَوْ فَعَلْتِ كَمَا فَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَانَ خَيْرًا لَكَ وَأَجْدَرَ أَنْ تُشْفَيْنَ. تَنْضَحِينَ فِي عَيْنِكَ الْمَاءَ وَتَقُولِينَ:

***Akan tetapi seandainya kamu melakukan
sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah shallallahu
'alaihi wasallam, ia lebih baik bagi kamu dan lebih berkesan***

untuk kesembuhan. Renjislah air ke matamu dan bacalah jampi:

أَذْهَبِ الْبَاسَ رَبَّ النَّاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا
شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا.

Hilangkanlah penyakit wahai Tuhan manusia. Sembuhkanlah kerana Engkau adalah Penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhan-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan apa-apa kesan lanjutan.”⁶⁹

Terdapat banyak lagi doa dan kalimah-kalimah jampi yang diamalkan dan diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Para pembaca sekalian boleh mempelajarinya daripada buku-buku yang khas dalam bab ini. Amat penting, pastikan setiap hadis, doa dan kalimah jampi diberikan rujukannya dan dijelaskan darjat kekuatannya.

Asal Usul Air Jampi

Sejauh kajian saya, tidak ditemui bahawa amalan air

⁶⁹ **Sahih:** Sebahagian dari hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunannya*, hadis no: 3521 (*Kitab al-Tibb, Bab menggantung tangkal*). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 3596. Lafaz lengkap hadis ini telah dikemukakan sebelum ini.

jampi yang biasa dipraktikkan di kalangan masyarakat kita memiliki asal usul dari sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebahagian ulama' membolehkannya sebagai kaedah alternatif jika pesakit itu tidak dapat dijampi seperti biasa.⁷⁰

Contohnya, air jampi adalah solusi yang diberikan oleh sebahagian ulama' bagi memudahkan orang-orang yang tidak tahu menjampi dirinya sendiri. Orang-orang ini datang dari daerah yang jauh untuk berulang-alik bagi mendapatkan rawatan dan terpaksa bermusafir untuk tempoh yang lama sehinggalah penyakit mereka sembuh. Maka bagi memudahkan mereka, para ulama' membaca ayat-ayat al-Qur'an dan doa-doa serta kalimah-kalimah jampi Rasulullah ke dalam air. Kemudian pesakit itu membawa balik air itu balik ke daerah masing-masing dan meminumnya atau mengusapnya ke anggota badang yang sakit.

Bagi penulis, yang terbaik lagi terbukti melalui sunnah baginda yang mulia yang membaca sendiri jampi-jampian dan

⁷⁰ Lebih lanjut, rujuk penjelasan Musdar Bustaman Tambusai dalam bukunya *Halal-Haram Ruqyah* (Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2013), ms. 39 dan seterusnya.

mengusap sendiri ke anggota badan yang sakit. Jika tidak mampu, maka boleh meminta ahli keluarga untuk melakukannya, sebagaimana A'isyah melakukannya kepada Rasulullah.

Inilah juga cara yang paling selamat kerana kita tidak tahu apakah yang sebenarnya dikomat-kamitkan oleh ustaz atau ustazah yang menjampikan air. Ingat, hukum jampi-jampian adalah dilarang sehinggalah dapat dikenal pasti secara yakin keseluruhan jampi-jampian yang dibaca. Seandainya ustaz dan ustazah tersebut berada di pihak yang benar, mereka tidak akan menjampikan air. Sebaliknya mereka akan menerangkan apakah ayat-ayat al-Qur'an dan doa-doa serta kalimah-kalimah jampi Rasulullah yang patut dibaca oleh pesakit.

Hukum Pembedahan Batin

Soalan: Anak saya baru-baru ini telah menjalani satu pembedahan di hospital. Akan tetapi doktor pakar memberitahu ada kemungkinan perlu dibuat pembedahan kedua. Saya amat risau apabila saja terbayangkan pisau-pisau yang membelah anak saya.

Saya ada terdengar tentang pembedahan batin, di mana tiada pisau yang digunakan, tiada belahan pada tubuh badan mahupun kesan jahitan atau parut selepas pembedahan. Apakah hukumnya jika saya menyuruh anak menjalani pembedahan batin ini?

Ibu Nazari.

Jawapan: Pembedahan Batin sebenarnya menggunakan khidmat jin. Sebagai contoh, jika seorang pesakit itu menghadapi batu karang dalam hempedunya, jin yang dipelihara oleh ustaz atau “dokter” akan ditugaskan mengeluarkan batu karang tersebut. Ia akan masuk ke dalam tubuh badan pesakit, mencari batu karang dan kemudian keluar bersama batu itu. Jin tersebut telah dilatih dengan pelbagai

rawatan lain, umpama membersihkan saluran darah yang tersumbat dan membuang sel-sel barah atau tumor.

Hukum Pembedahan Batin adalah haram kerana ia menggunakan khidmat jin. Islam melarang kita menggunakan jin untuk apa jua tujuan, termasuklah tujuan yang baik seperti merawat orang yang sakit.

Tiga Makhluk Di Alam Ini

Terdapat tiga makhluk utama di alam ini iaitu malaikat, jin dan manusia. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ. وَالْجَانَّ
خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ. وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ
بَشَرًا مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ.

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma. Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari

tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.” [al-Hijr 15:26-28]

Dalam ayat di atas, dapat difahami bahawa bahawa jin dan malaikat dicipta sebelum manusia. Di antara jin dan malaikat, tidak ditemui keterangan siapakah yang Allah cipta terlebih dahulu. Allah mencipta jin daripada angin api yang amat panas. Di kalangan jin ada yang beriman kepada Allah, disebut sebagai jin muslim. Selain itu ada jin yang tidak beriman kepada Allah, disebut sebagai jin kafir. Di kalangan jin muslim, ada yang benar-benar soleh mengikuti petunjuk serta jalan al-Qur’an dan Rasulullah. Namun ada juga jin muslim yang tidak soleh, yang mengikuti selain al-Qur’an dan Rasulullah. Perkara ini diterangkan sendiri oleh makhluk jin sebagaimana yang dirakam dalam al-Qur’an:

وَأَنَا مِنَ الصَّالِحِينَ وَمِنَّا دُونَ ذَلِكَ كُنَّا طَرَائِقَ قِدَدًا.

Dan bahawa sesungguhnya (memang maklum) ada di antara kita golongan (jin) yang soleh dan ada di antara kita yang lain dari itu; kita masing-masing menurut jalan dan cara yang berlainan. [al-Jin 72:11]

Hukum Menggunakan Khidmat Jin

Hukum menggunakan khidmat jin adalah haram dan orang yang memanfaatkan perkhidmatan mereka akan dihukum di dalam neraka pada Hari Akhirat kelak, meskipun khidmat itu untuk tujuan yang baik, seperti merawat pesakit. Allah *Subhanahu waTa'ala* menerangkan hukum ini dengan firman-Nya:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ قَدِ اسْتَكْتَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ
وَقَالَ أَوْلِيَاؤُهُمْ مِنَ الْإِنْسِ رَبَّنَا اسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَغْنَا أَجْلَنَا
الَّذِي أَجَلْت لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوَاكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ
رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ.

Dan (ingatlah) Hari (Kiamat yang padanya) Allah akan himpulkan mereka semua, (lalu berfirman): “Wahai sekalian jin! Sesungguhnya kamu telah memiliki banyak pengikut-pengikut dari golongan manusia.”

Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: “Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat perkhidmatan) dengan sebahagian yang lain (jin-jin), dan

kami telah sampai kepada masa kami (Hari Kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami.”

(Allah berfirman): “Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya kecuali apa yang dikehendaki Allah.” Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. [al-An’aam 6:128]

Khidmat Jin Muslim?

Di sini timbul persoalan, apakah hukum menggunakan khidmat jin muslim? Jawabannya diterangkan sendiri oleh para jin muslim sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Qur’an:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا.

Dan bahawasanya ada beberapa orang lelaki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka (manusia tersebut) dosa dan kesalahan. [al-Jin 72:06]

Jin adalah makhluk ghaib sehingga kita tidak tahu sama ada ia muslim atau tidak. Sekalipun ia seorang muslim, kita

tidak tahu sama ada ia muslim yang soleh atau sebaliknya. Satu cara untuk mendapatkan kepastian ialah jin muslim yang benar-benar soleh tidak akan berkhidmat kepada manusia. Apabila diminta perkhidmatannya, ia akan membacakan ayat keenam surah al-Jin di atas. Adapun jin-jin yang kafir atau muslim tetapi tidak soleh, ia dengan senang hati akan menawarkan perkhidmatannya.

Oleh itu seorang manusia yang bertaqwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak akan menggunakan khidmat jin untuk apa-apa urusan, termasuklah Pembedahan Batin. Pembedahan yang lazim dilakukan di hospital adalah satu cara rawatan yang dibenarkan oleh Islam dan ia merupakan salah satu usaha ke arah kesembuhan dengan izin Allah.

BAHAGIAN B
PANDUAN IBADAH KETIKA SAKIT

“Ehh! Dah petang ni...sudah solatkah?” tanya Norazman kepada Nazari.

“Belum... macam mana aku nak solat? Aku terbaring saja sejak pembedahan pagi tadi.”

“Tak apa. Sekarang baru pukul 5 petang. Saya ada bawa risalah ini yang menerangkan cara bersuci dan bersolat ketika sakit. Jom kita semak bersama. Dalam masa setengah jam nanti, pasti sudah boleh bersuci dan solat meskipun sakit dan terbaring sahaja.”

Nazari mengambil risalah tersebut dengan penuh minat. Ibunya pula menarik kerusi agar lebih hampir ke katil Nazari, teringin untuk baca bersama-sama.

Istijmar

Jika saya mengajak para pembaca sekalian untuk mempelajari cara-cara wudhu' dan solat ketika sakit, mungkin akan ada yang berkata: “Ehh! Kami masih muda dan sihat. Nantilah bila tua dan sakit baru kami mempelajarinya.”

Sebenarnya, waktu terbaik untuk mempelajari cara-cara wudhu' dan solat ketika sakit ialah apabila sedang sihat. Ini kerana sakit sering kali datang tanpa dijemput dan pada saat yang tidak diduga itu, kemungkinan besar keadaan sudah tidak lagi mengizinkan untuk belajar cara-cara wudhu' dan solat. Oleh itu mempelajarinya sekarang termasuklah dalam pesanan “gunakanlah masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu”. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

نِعْمَتَانِ مَعْبُودُونَ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصَّحَّةُ وَالْفَرَاغُ.

***Dua nikmat yang ramai orang terpedaya dengannya:
nikmat sihat dan nikmat masa lapang.⁷¹***

⁷¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5933/6412 (*Kitab al-Riqaq, Bab tidak ada kehidupan melainkan kehidupan Hari Akhirat*).

Membersihkan Diri Daripada Najis

Baik ketika sihat atau sakit, langkah pertama sebelum berwudhu' ialah membersihkan diri, khususnya kemaluan dan dubur, daripada najis air kencing dan tahi. Cara yang lazim digunakan bagi membersihkan diri daripada najis ialah membasuh dengan air. Ini disebut sebagai *istinja'*.

Akan tetapi mungkin seseorang itu berhadapan dengan keadaan yang menyebabkan dia tidak dapat ber*istinja'* seperti biasa. Maka bagi kes ini, Islam memberi jalan lain iaitu *istijmar*. *Istijmar* ialah membersihkan najis dengan menggunakan bahan-bahan yang bersih, tanpa air.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, mereka ber*istijmar* dengan menggunakan batu. Baginda menerangkan:

إِذَا ذَهَبَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْعَائِطِ فَلْيَذْهَبْ مَعَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ
يَسْتَطِيبُ بِهِنَّ فَإِنَّهَا تُجْزِي عَنْهُ.

Apabila salah seorang di antara kalian pergi untuk buang air besar, maka hendaklah dia membawa tiga batu untuk membersihkan dirinya, sesungguhnya itu mencukupi

*baginya.*⁷²

Bahan Untuk Istijmar

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, mereka lazimnya beristijmar dengan menggunakan batu-batu yang kecil. Akan tetapi kelaziman ini tidaklah berarti istijmar hanya dibolehkan dengan batu. Boleh beristijmar dengan apa jua bahan yang bersih, kecuali tulang dan kotoran (najis) haiwan. Dalilnya ialah dua hadis berikut:

Pertama: Daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anh*, beliau menerangkan:

اتَّبَعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخَرَجَ لِحَاجَتِهِ. فَكَانَ لَا يَلْتَفِتُ فَدَنَوْتُ مِنْهُ فَقَالَ: ابْغِي أَحْجَارًا أَسْتَنْفِضُ بِهَا أَوْ نَحْوَهُ وَلَا تَأْتِنِي بَعْظَمٍ وَلَا رَوْثٍ.

Aku mengikuti Nabi shallallahu 'alaihi wasallam saat baginda keluar untuk buang hajat. Baginda tidak menoleh (ke kanan atau ke kiri) sehinggalah aku

⁷² **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 36 (*Kitab al-Thaharah, Bab beristinja' dengan batu*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 40.

mendekatinya. Lalu baginda bersabda: “Carikanlah untukku beberapa buah batu atau apa-apa yang sepertinya untuk aku bersihkan diri dengannya, namun jangan bawakan tulang atau kotoran (najis) haiwan yang sudah kering.”

فَأَتَيْتُهُ بِأَحْجَارٍ بِطَرْفِ ثِيَابِي فَوَضَعْتُهَا إِلَى جَنْبِهِ وَأَعْرَضْتُ عَنْهُ. فَلَمَّا قَضَى اتَّبَعَهُ بِهِنَّ.

Lalu aku datang kepada baginda dengan membawa beberapa buah batu di ujung kainku, batu tersebut aku letakkan di sisinya, lalu aku berpaling darinya. Setelah selesai baginda gunakan batu-batu tersebut.⁷³

Kedua: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا تَسْتَنْجُوا بِالرَّوْثِ وَلَا بِالْعِظَامِ فَإِنَّهُ زَادَ إِخْوَانَكُمْ مِنَ الْجِنَّ.

Janganlah kalian membersihkan diri dengan menggunakan kotoran (najis) haiwan yang sudah kering mahupun tulang kerana sesungguhnya itu adalah bekalan

⁷³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 151/155 (*Kitab al-Wudhu', Bab beristijmar dengan batu*).

*(makanan) saudara kalian dari kalangan jin.*⁷⁴

Dalam kedua-dua hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya mengecualikan dua bahan daripada digunakan untuk beristijmar, iaitu tulang dan najis haiwan yang sudah kering. Seandainya istijmar hanya dibolehkan dengan batu, nescaya baginda akan bersabda: “Bawakan aku beberapa buah batu, tidak lain hanya batu sahaja.” Ini menunjukkan bahawa boleh beristijmar dengan semua bahan kecuali tulang dan najis haiwan yang sudah kering. Contoh bahan-bahan yang boleh digunakan pada masa kini ialah kertas tisu, tisu lembab yang berubat (*medicated wet tissue*), kain dan tuala.

Cara Istijmar

Apabila beristijmar, hendaklah menyapu dan membersihkan kemaluan, dubur atau bahagian tubuh badan yang ada najis dalam bilangan yang ganjil sehingga najis tidak kelihatan lagi. Minimum hendaklah tiga kali sapuan. Baginda

⁷⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 18 (*Kitab al-Thaharah, Bab apa yang berkaitan dibenci untuk beristinja' dengannya*) dan beliau memberi ulasan: “Hadis ini diamalkan oleh para ahli ilmu.” Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, no: 18.

bersabda:

إِذَا تَوَضَّأَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ فِي أَنْفِهِ ثَمًّا لِيَنْشُرَ. وَمَنْ اسْتَجَمَرَ
فَلْيُوتِرْ. وَإِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلْيَغْسِلْ يَدَهُ قَبْلَ أَنْ يُدْخِلَهَا
فِي وَضُوئِهِ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدُهُ.

Jika salah seorang daripada kalian berwudhu', maka hendaklah dengan memasukkan air ke dalam hidung lalu menghembusnya keluar. Sesiapa beristijmar, maka hendaklah dengan bilangan yang ganjil. Dan jika salah seorang daripada kalian bangun dari tidurnya, maka hendaklah membasuh kedua tangannya sebelum memasukkannya ke dalam bekas air wudhunya. Ini kerana salah seorang daripada kalian tidak tahu ke mana tangannya bermalam (ketika dia tidur).⁷⁵

Masa kini apabila beristijmar dengan menggunakan kertas tisu, gunakanlah tiga helai. Jika najis masih kelihatan pada kertas tisu itu, sapulah dengan lima atau tujuh helai tisu sehingga najis tidak lagi kelihatan.

Akan tetapi jika tidak mampu menyempurnakan

⁷⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 157/162 (*Kitab al-Wudhu', Bab istijmar dengan bilangan ganjil*).

dengan bilangan yang ganjil, maka usahakanlah apa yang termampu. Abdullah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh* menerangkan:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَائِطَ فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ. فَوَجَدْتُ حَجْرَيْنِ وَالتَّمَسْتُ الثَّلَاثَ. فَلَمْ أَجِدْهُ فَأَخَذْتُ رَوْثَةً فَأَتَيْتُهُ بِهَا فَأَخَذَ الْحَجْرَيْنِ وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ. وَقَالَ: هَذَا رِكَسٌ.

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pergi untuk membuang air besar, lalu baginda menyuruh aku bawakan tiga buah batu. Aku hanya menemui dua batu, lalu aku mencari batu yang ketiga. Aku tidak menemuinya sehingga akupun mengambil kotoran haiwan yang sudah kering. Kemudian semua itu aku bawa ke hadapan Nabi. Namun baginda hanya mengambil dua batu dan membuang kotoran hewan yang telah kering tersebut seraya bersabda: “Ini najis.”⁷⁶

Baik *beristinja'* atau *beristijmar*, hendaklah menggunakan tangan kiri. Inilah adab Islam sebagaimana pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

⁷⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 152/156 (*Kitab al-Wudhu', Bab tidak beristinja' dengan najis*).

إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَأْخُذَنَّ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ وَلَا يَسْتَنْجِي بِيَمِينِهِ

وَلَا يَتَنَفَّسُ فِي الْإِنَاءِ.

Jika salah seorang kalian buang air kecil (kencing) maka janganlah memegang kemaluannya dengan tangan kanan, janganlah beristinja' dengan tangan kanan. Dan jangan bernafas dalam gelas saat minum.⁷⁷

Jika Najis Sentiasa Ada

Adakalanya ketika sakit, najis sentiasa keluar sehingga tidak dapat dibersihkan secara *istinja'* mahupun *istijmar*. Satu contoh yang lazim ialah apabila pesakit digantung beg air kencing di sisinya atau terpaksa memakai lampin dewasa.

Kes seperti ini boleh diqiyaskan kepada wanita yang memiliki darah penyakit (darah istihadhah). Setiap kali masuk waktu solat, dia berwudhu' dan melaksanakan solat. Setelah itu, darah yang sentiasa mengalir keluar tidak membatalkan wudhu' mahupun solatnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

⁷⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 150/154 (*Kitab al-Wudhu'*, *Bab jangan memegang kemaluan dengan tangan kanan ketika buang air kecil*).

wasallam bersabda:

إِذَا كَانَ دَمُ الْحَيْضَةِ فَإِنَّهُ أَسْوَدُ يُعْرَفُ فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي
عَنِ الصَّلَاةِ فَإِذَا كَانَ الْآخِرُ فَتَوَضَّئِي وَصَلِّي فَإِنَّمَا هُوَ عِرْقٌ.

*Apabila itu darah haid, maka ia berwarna gelap yang dapat dikenali (oleh anda). Apabila darah itu ternyata demikian, maka tinggalkanlah shalat. Namun apabila darah itu lain (ciri-cirinya), maka berwudhulah dan kerjakanlah shalat, kerana itu hanyalah darah penyakit.*⁷⁸

Sebagaimana wanita yang sentiasa mengalami pendarahan diwajibkan wudhu' setiap kali hendak solat, maka demikianlah juga bagi pesakit yang sentiasa mengalami pengeluaran air kencing atau tahi. Dia juga diwajibkan wudhu' setiap kali hendak solat. Setelah itu, air kencing atau tahi yang sentiasa mengalir keluar tidak membatalkan wudhu' mahupun solatnya. Wudhu' dan solat tersebut adalah sah dan tidak perlu diulangi apabila sembuh kelak.

⁷⁸ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 247 (*Kitab al-Thaharah, Bab orang yang berkata: Apabila datang haid, tinggalkanlah solat*) dan beliau mendiarkannya. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 286.

***Istijmar* Dbolehkan Sekalipun Tidak Sakit**

Istijmar dibolehkan sekalipun seseorang itu tidak sakit. Cara yang lazim membersihkan najis ialah dengan menggunakan air (*istinja'*). Namun jika tidak ada air, kekurangan bekalan air atau sumber air yang tidak bersih, maka dibolehkan ber*istijmar*. Jika diperhatikan hadis-hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ber*istijmar* sekalipun baginda tidak sakit.

Pada masa kini, sesetengah tandas tidak menyediakan air untuk pengguna membersihkan diri setelah membuang air kecil atau air besar. Apa yang disediakan hanyalah tisu. Ini lazim berlaku di tandas-tandas negara Barat. Oleh itu dibolehkan membersihkan diri dengan tisu yang disediakan.

Selain itu, kebanyakan ibubapa juga membersihkan kesan-kesan najis pada bayi mereka dengan menggunakan tisu basah yang ada bahan pembersih (*baby wipes*). Ini sebenarnya adalah satu bentuk *istijmar* yang dibolehkan oleh Islam.

Perkara penting tentang *istijmar*, hendaklah yakin bahawa ia adalah cukup untuk membersihkan diri daripada najis. Ini kerana syaitan akan suka membisikkan perasaan was-was, konon *istijmar* adalah tidak cukup suci sehingga tidak

boleh melaksanakan solat. Tolaklah bisikan syaitan tersebut dengan membaca *A'uzubillahi minasy syaithan nirrajim*.

Yakinlah dengan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا ذَهَبَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْعَائِطِ فَلْيَذْهَبْ مَعَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ
يَسْتَطِيبُ بِهِنَّ فَإِنَّهَا تُجْزِي عَنْهُ.

Apabila salah seorang di antara kalian pergi untuk buang air besar, maka hendaklah dia membawa tiga batu untuk membersihkan dirinya, sesungguhnya itu mencukupi baginya.⁷⁹

⁷⁹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 36 (*Kitab al-Thaharah, Bab beristinja' dengan batu*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 40.

Menyemak Semula Kenajisan Darah, Nanah dan Muntah

Seorang pesakit kemungkinan besar akan menghadapi situasi anggotanya yang berdarah atau bernanah. Dia juga mungkin muntah sehingga kesan-kesan muntah ada yang terkena tubuhnya atau pakaiannya. Dalam situasi sebegini, apakah darah, nanah dan muntah dianggap kotoran atau najis yang menghalangnya untuk melaksanakan solat? Marilah kita menyemak persoalan ini satu persatu.

Menyemak Semula Kenajisan Darah

Jumhur (majoriti) ulama' berpendapat darah adalah najis. Bahkan ada yang berkata dalam hal ini terdapat ijma' (kesepakatan) para ulama'. Dalil mereka ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ...

Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya

melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor ... [al-An'aam 6:145]

Dalam ayat di atas, Allah telah menerangkan bahawa darah adalah kotor. Bahkan ia diletakkan dalam kategori yang sama dengan bangkai dan daging babi. Selain itu mereka juga menggunakan ayat berikut sebagai dalil:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَدَىٰ فَأَعْتَرُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ.

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: “Haid itu adalah kotoran.” Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari (membuat hubungan seks dengan) wanita pada waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. [al-Baqarah 2:222]

Sementara itu, beberapa ulama' peneliti (*muhaqqiqin*) masa kini seperti al-Syaukani, Shiddiq Hasan Khan, al-Albani dan Ibn al-Utsaimin berpendapat, darah bukanlah kotoran

mahupun najis.⁸⁰

Jika disemak semula, ayat 145 surah al-An'aam sebenarnya hanya menerangkan apa yang haram dimakan kerana kenajisannya. Sesuatu yang najis untuk dimakan tidak semestinya bererti najis untuk dibawa ketika melaksanakan solat. Ia adalah dua perkara yang berbeza.

Demikian juga bagi darah haid, ia tidaklah sama dengan darah kerana luka. Ciri-ciri darah haid adalah berbeza dengan ciri-ciri darah yang keluar kerana luka. Bahkan darah luka lebih mirip dengan darah istihadhah di mana orang yang mengalaminya tetap dibolehkan melaksanakan solat.

Oleh itu hukum kenajisan darah kembali kepada hukum asal bahawa setiap sesuatu adalah suci sehinggalah ada dalil yang menjelaskan kenajisannya atau melarang pembawaannya dalam solat.

Selain itu, dalam sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, kita dapati baginda bersama para sahabat tetap melaksanakan solat meskipun mereka berdarah kerana luka-

⁸⁰ *Shahih Fiqh al-Sunnah* oleh Abu Malik Kamal bin al-Sayyid Salim (edisi terjemahan oleh Abu Ihsan al-Atsari dengan judul yang sama), jld. 1, ms. 100 dan seterusnya.

luka peperangan. Sebagai contoh, perhatikan hadis berikut:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَعْنِي فِي غَزْوَةِ ذَاتِ الرَّقَاعِ. فَأَصَابَ رَجُلٌ امْرَأَةً رَجُلٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ
فَحَلَفَ أَنْ لَا أَنْتَهِيَ حَتَّى أُهْرِيَقَ دَمًا فِي أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ.

Daripada Jabir bin Abdullah radhiallahu 'anh, dia berkata: Kami keluar bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dalam misi perang Dzat al-Riqa'. (Dalam peperangan itu), seorang lelaki (muslimin) telah menyerang isteri lelaki kaum musyrikin (kerana wanita itu turut berperang). Maka suami itu bersumpah bahawa dia tidak akan berhenti (untuk membalas dendam) sehinggalah dapat menumpahkan darah para sahabat Muhammad.

فَخَرَجَ يَتَّبِعُ أَثَرَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَنَزَلَ النَّبِيُّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْزِلًا فَقَالَ: مَنْ رَجُلٌ يَكْلُونَنَا؟ فَاثْتَدَبَ رَجُلٌ مِنَ
الْمُهَاجِرِينَ وَرَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ. فَقَالَ: كُونَا بِقَمِ الشُّعْبِ.

Maka dia keluar mengikuti jejak Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam turun di satu tempat persinggahan (untuk bermalam), lalu bertanya: “Siapakah lelaki yang akan mengawasi kami?”

Seorang lelaki dari kalangan Muhajirin dan seorang lelaki dari kalangan Anshar segera menyahut seruan Nabi itu. Baginda berpesan: “Berjagalah di mulut (jalan masuk) bukit ini.”

قَالَ: فَلَمَّا خَرَجَ الرَّجُلَانِ إِلَى فَمِ الشُّعْبِ اضْطَجَعَ الْمُهَاجِرِيُّ
وَقَامَ الْأَنْصَارِيُّ يُصَلِّي. وَأَتَى الرَّجُلُ فَلَمَّا رَأَى شَخْصَهُ عَرَفَ أَنَّهُ رِيئَةٌ
لِلْقَوْمِ فَرَمَاهُ بِسَهْمٍ فَوَضَعَهُ فِيهِ فَنَزَعَهُ حَتَّى رَمَاهُ بِثَلَاثَةِ أَسْهُمٍ ثُمَّ رَكَعَ
وَسَجَدَ.

Jabir melanjutkan: Maka tatkala dua lelaki itu keluar (dan sampai) ke mulut bukit, lelaki Muhajirin berbaring (sehingga tertidur) sementara lelaki Anshar bangun melaksanakan solat. Maka datanglah lelaki musyrikin tadi. Tatkala dia melihat ciri-ciri lelaki Anshar itu, dia tahu bahawa lelaki itu adalah pengawas bagi kaumnya (pasukan muslimin). Maka dia memanahnya dan mengena lelaki Anshar tersebut, tetapi dia menariknya keluar. Lelaki musyrikin itu terus memanah sehingga tiga anak panah sementara lelaki Anshar itu pula tetap rukuk dan sujud.

ثُمَّ انْتَبَهَ صَاحِبُهُ. فَلَمَّا عَرَفَ أَنَّهُمْ قَدْ نَذَرُوا بِهِ هَرَبًا. وَلَمَّا

رَأَى الْمُهَاجِرِيُّ مَا بِالْأَنْصَارِيِّ مِنَ الدَّمِ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ أَلَا أَنْبَهْتَنِي
أَوَّلَ مَا رَمَى؟ قَالَ: كُنْتُ فِي سُورَةٍ أَقْرؤها فَلَمْ أُحِبَّ أَنْ أَقْطَعَهَا.

*Kemudian bangunlah sahabat Muhajirin yang berbaring tadi. Tatkala lelaki musyrikin mengetahui lelaki Muhajirin itu akan meminta pertolongan pasukannya, dia melarikan diri. Apabila lelaki Muhajirin melihat sahabat Ansharnya yang berlumuran darah, dia berkata: “Subhanallah! Kenapa tidak membangunkan aku apabila terkena panahan yang pertama?” Lelaki Anshar itu menjawab: “Aku saat itu sedang membaca surah (di dalam solat) dan tidaklah aku suka untuk memotongnya (dengan memberhentikan solat dan mengejutkan kamu)”.*⁸¹

Dalam hadis di atas, sahabat yang dipanah tiga kali tetap meneruskan solatnya. Darah yang mengalir keluar tidak menjadi sebab untuk beliau membatalkan solatnya. Peristiwa ini selepas itu tentu saja diketahui oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan baginda tidak menyuruhnya untuk

⁸¹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 170 (*Kitab al-Thaharah, Bab berwudhu' kerana darah*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 198.

mengulangi solat. Hadis ini menjadi dalil bahawa darah, baik yang mengalir atau tidak, bukanlah penghalang solat mahupun yang membatalkannya.

Oleh itu bagi penulis, pendapat yang lebih kuat ialah boleh melaksanakan solat sekalipun seseorang itu mengalami pendarahan atau pada anggotanya terdapat pakaian/balutan yang berdarah.

Menyemak Semula Kenajisan Nanah

Setakat ini tidak diketahui adanya dalil yang sahih lagi tepat yang menyatakan kenajisan nanah. Oleh itu hukum nanah kembali kepada hukum asal bahawa setiap sesuatu adalah suci sehinggalah ada dalil yang menjelaskan kenajisannya atau melarang pembawaannya dalam solat.

Selain itu, sebahagian ulama' ada yang meletakkan nanah dalam kategori yang sama dengan darah. Ini kerana nanah keluar setelah keluarnya darah, atau keluar bersama/bercampur dengan darah. Maka mereka berpendapat, nanah adalah najis sebagaimana darah adalah najis.

Jika hendak diikuti pendapat ini, maka telah dijelaskan bahawa darah bukanlah penghalang mahupun pembatal solat.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiallahu 'anhum* tetap bersolat meskipun mereka berdarah disebabkan luka-luka peperangan. Apabila nanah dianggap sama kategori dengan darah, maka boleh dikatakan Rasulullah dan para sahabat tetap bersolat meskipun mereka bernanah disebabkan luka-luka peperangan.

Oleh itu yang tepat, nanah bukanlah penghalang mahupun pembatal solat sebagaimana darah bukanlah penghalang mahupun pembatal solat.

Menyemak Semula Kenajisan Muntah

Pendapat yang masyhur menyatakan muntah adalah najis. Pendapat ini disandarkan kepada sebuah hadis:

إِنَّمَا تَغْسِلُ تَوْبَكَ مِنَ الْبَوْلِ وَالْعَائِطِ وَالْمَيْيِّ مِنَ الْمَاءِ الْأَعْظَمِ
وَالدَّمِ وَالْقَيْءِ.

Sesungguhnya mencuci pakaian kamu daripada air kencing, kotoran manusia (tahi, berak) dan air mani hanyalah dengan air yang banyak, demikian juga bagi mencuci darah dan muntah.

Hadis ini dikeluarkan oleh Abu Ya'la dalam

Musnadnya, hadis no: 1611. Darjatnya adalah *dha'if*, bahkan mungkin *dha'if jiddan* (sangat lemah). Kelemahannya telah diterangkan oleh al-Baihaqi *rahimahullah* setelah mengemukakan hadis ini dalam kitabnya *Sunan al-Kubra*:

فهذا باطل لا اصل له وإنما رواه ثابت بن حماد عن
علي بن زيد عن ابن المسيب عن عمار وعلي بن زيد غير
محتج به وثابت بن حماد متهم بالوضع.

Maka hadis ini adalah batil, tiada asal baginya. Sesungguhnya ia hanyalah riwayat Tsabit bin Hammad, daripada 'Ali bin Zaid, daripada Ibn al-Musayyab, daripada 'Ammar. 'Ali bin Zaid, tidak boleh berhujah dengannya sementara Tsabit bin Hammad dituduh memalsukan hadis.⁸²

Kedha'ifan hadis ini menyebabkan ia tidak boleh digunakan sebagai dalil hukum agama. Selain itu terdapat sebuah lagi hadis yang dijadikan dalil, iaitu penjelasan Abu Darda' *radhiallahu 'anh*:

⁸² *al-Sunan al-Kubra* (Maktabah Syamilah v2), jld. 1, ms. 14.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاءَ فَأَفْطَرَ فَتَوَضَّأَ.

Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam muntah, lalu baginda berbuka puasa dan berwudhu'.⁸³

Hadis ini meskipun sahih, bukanlah dalil yang padu (*qath'e*) bahawa muntah adalah najis. Seandainya muntah adalah najis, nescaya baginda akan berkumur-kumur dan membersihkan mulut terlebih dahulu sebelum mengambil wudhu'. Ini sebagaimana orang yang membuang air kecil, hendaklah dia membersihkan kemaluannya terlebih dahulu sebelum mengambil wudhu'.

Oleh itu muntah adalah suci dan ia bukanlah penghalang bagi melaksanakan solat.

Kesimpulan

Berdasarkan semakan dan analisa ringkas di atas, dapat disimpulkan bahawa darah, nanah dan muntah bukanlah najis

⁸³ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis panjang yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 80 (*Kitab al-Thaharah, Bab apa yang berkaitan mengambil wudhu' kerana muntah dan hidung berdarah*) dan beliau mendiamkan darjatnya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 87.

yang menghalang atau membatalkan solat. Seorang pesakit yang mengalami pendarahan, nanah atau muntah, boleh melaksanakan solat seperti biasa. Demikian juga jika tubuhnya atau pakaiannya ada kesan darah, nanah atau muntah, dia tetap boleh melaksanakan solat seperti biasa.

Wudhu' Ketika Sakit

Orang yang sakit hendaklah tetap mendirikan solat fardhu lima kali sehari sementara solat pula tidak sah tanpa wudhu'. Maka dalam ruangan ini, saya berkongsi bersama para pembaca sekalian cara-cara berwudhu' bagi orang yang sakit.

Sebenarnya, cara berwudhu' adalah sama bagi orang yang sihat dan sakit. Semuanya dimulakan dengan membaca *Bismillah*, membasuh tangan, berkumur-kumur, menyedut air ke dalam hidung dan menghembus keluar, membasuh muka, membasuh tangan dari pergelangan hingga ke siku, membasahkan rambut dan telinga, diakhiri dengan membasuh kaki dari pergelangan ke bawah. Bagi orang yang sakit, ada beberapa perkara yang memerlukan perincian. Ia seperti berikut:

Niat

Niat ialah lintasan hati tentang apa yang akan dilakukan. Oleh itu niat kedudukannya ialah di dalam hati dan bukannya di mulut serta lidah. Dalam erti kata lain, niat tidak perlu dilafazkan atau diucapkan dengan perkataan-perkataan

tertentu sebagaimana yang biasa di ajar di Malaysia. Asalkan seseorang itu mengetahui dan berkehendak melakukan sesuatu ibadah, maka itu adalah niat dan Allah mengetahuinya.

Ini kerana Allah adalah tuhan yang Maha Mengetahui. Allah mengetahui setiap lintasan hati hamba-hamba-Nya. Bahkan jika seseorang itu melafazkan niat “Sengaja aku berwudhu’ kerana Allah” tetapi hatinya berkehendak melakukan wudhu’ kerana ingin menunjuk-nunjuk di hadapan rakan-rakannya (riya’), yang diambil kira oleh Allah ialah lintasan hati dan bukannya lafaz mulut. Justeru yang penting lagi diambil kira bagi semua amal ibadah ialah niat di hati dan bukannya di mulut serta lidah.

Oleh itu baik ketika sihat atau sakit, seseorang itu tidak perlu memberat-beratkan dirinya dengan melafazkan niat.

Perkara ini saya tekankan kerana ada pesakit yang menghadapi masalah tidak boleh mengucapkan apa-apa, misalnya kerana menghadapi pembedahan di bahagian mulut atau muka. Ada juga pesakit yang menyangkakan terdapat lafaz niat yang berlainan untuk orang yang sakit. Kedua-dua keadaan ini menyebabkan mereka tidak beribadah, baik wudhu’ mahupun solat, semata-mata kerana tidak dapat melafazkan

niat. Maka apa yang benar daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, niat ialah lintasan hati dan bukannya ucapan di mulut dan lidah.

Anggota Yang Tertutup

Kadangkala seorang pesakit menghadapi masalah anggota wudhu' yang tertutup. Contohnya tangan yang disimen kerana patah tulang atau kaki yang berbalut kerana luka pembedahan. Maka apa yang dilakukan ialah berwudhu' seperti biasa. Akan tetapi khusus bagi anggota wudhu' yang tertutup, memadai dengan mengusap tangan yang dilembabkan dengan air ke atasnya.

Inilah yang dilakukan oleh para ilmuan generasi awal umat Islam seperti Thawus, al-Hasan al-Basri dan Ibrahim al-Nakha'e. Inilah juga pendapat Malik, Abu Hanifah dan Ahmad.⁸⁴

Walau bagaimanapun, jika mengusap tangan yang dilembabkan dengan air ke atas balutan boleh merosakkan balutan atau membahayakan luka di bawahnya, maka tidak perlu mengusap langsung. Berwudhu'lah seperti biasa dan

⁸⁴ Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh al-Thaharah* (edisi terjemahan oleh Samson Rahman atas judul yang sama, Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2006), ms 290-293.

kecualikan anggota yang tidak dapat diusap tersebut.

Sebahagian orang ada yang mengalami penyakit kulit kering yang kronik. Mereka terpaksa menyapu krim pelembab kulit yang benar-benar kental dan kalis air. Krim ini melekat ke kulit sehingga sukar dibasuh. Jika mereka mengambil wudhu', air wudhu' tidak akan menyentuh kulit kerana kekentalan krim pelembab tersebut. Orang seperti ini hendaklah tetap berwudhu' seperti biasa. Masalah air yang tidak menyentuh anggota wudhu' adalah sesuatu yang dimaafkan kerana penyakit kulit kering yang dihadapinya.

Semua cara wudhu' yang saya sebut di atas adalah sah kerana Allah adalah tuhan yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Jangan dihiraukan syaitan yang akan datang membisikkan perasaan ragu-ragu atau was-was kononnya wudhu' seperti itu adalah tidak sah. Yakinlah kepada Allah dan bukan kepada syaitan.

Tidak Dapat Bergerak

Seorang pesakit boleh jadi menghadapi cabaran lain, iaitu dia tidak dapat bergerak. Dia tidak dapat bangun dari katilnya untuk ke singki atau bilik air untuk mengambil wudhu'. Maka penyelesaian bagi cabaran ini ialah memintakan

orang lain mewudhu'kan dirinya.

Ya, mintalah daripada ahli keluarga atau sahabat yang datang ziarah untuk mewudhu'kan dirinya. Boleh juga meminta staf hospital untuk tolong mewudhu'kannya.

Orang yang akan mewudhu'kan pesakit, isilah air dalam apa-apa bekas lalu bawa ke sebelah pesakit. Kemudian basuh serta basahkan anggota-anggota wudhu' pesakit terbabit seolah-olah sedang mewudhu'kan anggota sendiri. Jika ada anggota yang tertutup, memadai mengusap di atasnya atau dikecualikan terus sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

Usah dibimbangi tentang hukum *air musta'mal* kerana hukum ini – sekali lagi – termasuk ajaran yang memberatkan umat Islam di Malaysia. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak ada paip air yang mencurahkan. Baginda serta umat Islam mengambil wudhu' daripada sebuah bekas yang berisi air dan suasana kehidupan saat itu menyebabkan mereka semua amat hemah dalam menggunakan air.

Di sini terdapat keutamaan yang amat besar bagi orang-orang yang menziarahi pesakit. Mereka bukan sahaja seolah-

olah berada di dalam taman syurga⁸⁵ tetapi dapat membantu pesakit untuk mengambil wudhu' dan solat. Sudah tentu bantuan ini akan diberikan ganjaran yang besar oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Allah Maha Pengasih

Dalam keadaan biasa, setiap muslim hendaklah berwudhu' seperti biasa. Namun dalam keadaan tertentu seperti ketika sakit, Allah yang Maha Pengasih memberikan beberapa kemudahan dan pengecualian dalam berwudhu'. Selain daripada beberapa kemudahan dan pengecualian yang saya sebut di atas, ada satu lagi kemudahan iaitu bertayamum. Ini akan saya jelaskan dalam bab akan datang *insya-Allah*.

⁸⁵ Orang yang menziarahi pesakit seolah-olah berada di dalam taman syurga. Perkara ini akan dijelaskan dalam bab khusus tentang menziarahi pesakit *insya-Allah*.

Tayamum⁸⁶

Salah satu kemudahan dan nikmat Allah kepada kita ialah tayamum. Tayamum disebut dalam al-Qur'an, dalam ayat 43 surah al-Nisa' dan dalam ayat keenam surah al-Maidah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ
أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا
بِأَيْدِيكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ.

Dan jika kamu sakit atau musafir atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah yang baik, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah itu. [al-Maidah 5:06]

⁸⁶ Penjelasan penulis tentang tayamum dalam buku ini adalah berbeza dengan pendapat kebanyakan ulama' mazhab dan apa yang biasa diajar di Malaysia. Penulis mendapati pendapat-pendapat tersebut menyukarkan umat dan menyelisih dalil dan tujuan tayamum disyari'atkan. Oleh itu apabila membaca dan mengkaji bab ini, berikan perhatian kepada dalil-dalil yang digunakan.

Setelah mensyari'atkan tayamum, Allah mengakhiri ayat di atas dengan firman-Nya:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهَّرَكُمْ
وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ.

Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur. [al-Maidah 5:06]

Rangkap terakhir ini amatlah penting. Ia menjadi sumber motivasi kepada kita untuk mempelajari tayamum dan mempraktikkannya. Ia seolah-olah sebuah hadiah daripada Allah dan siapakah yang tidak inginkan hadiah daripada tuhan sekalian alam?

Ia juga penting kerana apabila seseorang itu memahami tayamum sebagai satu kemudahan dan nikmat daripada Allah, dia tidak akan menokok tambah syarat-syarat yang akhirnya menjadikan tayamum satu kepayahan dan azab.

Apabila seseorang itu mempelajari tentang tayamum, baik dalam buku ini atau melalui sumber yang lain, lalu dia

mendapati pelbagai syarat yang menyukarkan, maka ketahuilah itu bukan tayamum yang merupakan hadiah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tinggalkan tayamum itu dan kembalilah kepada tayamum serba mudah yang diajar oleh Allah dan Rasulullah.

Sebab-Sebab Untuk Tayamum

Ayat di atas menerangkan tiga sebab yang melayakkan seseorang itu menerima hadiah “tayamum” daripada Allah:

- **Pertama:** Sakit.
- **Kedua:** Musafir.
- **Ketiga:** Ketiadaan air untuk membersihkan diri daripada hadas kecil dan hadas besar.

Apabila Allah berfirman *...kamu datang dari tempat buang air...* maka ia adalah kiasan untuk buang air kecil atau buang air besar. Ia juga disebut sebagai hadas kecil. Apabila Allah berfirman *...kamu sentuh perempuan...* maka ia adalah kiasan untuk hubungan seks suami dan isteri. Ia juga disebut sebagai hadas besar. Berdasarkan kaedah *qiyas* (analogi), wanita yang berhenti dari haid dan nifas serta sesiapa yang bermimpi basah boleh juga menyucikan dirinya dengan

tayamum jika tidak ada air atau tidak dapat menggunakan air untuk mandi wajib. Bahkan para ulama' berkata, jika tidak ada air untuk memandikan jenazah, memadai dengan mentayamumkannya.

Sebagai maklumat lanjut, ingin dijelaskan bahawa terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ilmuan Islam tentang bertayamum ketika sakit dan musafir.

- **Pendapat Pertama** berkata, orang yang sakit atau musafir hanya dibolehkan bertayamum jika tidak ada air atau ada halangan menggunakan air. Ini adalah pendapat kebanyakan (jumhur) ilmuan Islam.
- **Pendapat Kedua** berkata, orang yang sakit atau musafir memiliki pilihan untuk terus bertayamum tanpa mengambil kira faktor air. Ini adalah pendapat beberapa peneliti seperti Shiddiq Hasan Khan⁸⁷ dan Yusuf al-Qaradhawi.⁸⁸

Saya mencenderungi pendapat yang kedua kerana

⁸⁷ *al-Raudhah al-Naddiyah Syarh al-Durar al-Bahiyah* (edisi terjemahan oleh Abu Zakariya atas judul *Fiqh Islam Dari al-Kitab dan al-Sunnah*; Griya Ilmu, Jakarta, 2012), jld. 1, ms. 123. Rujukan ini seterusnya akan disebut sebagai *al-Raudhah al-Naddiyah* sahaja.

⁸⁸ *Fiqh al-Thaharah*, ms. 338-341.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menyebut secara khusus orang yang sakit dan musafir. Perhatikan semula ayat terbabit:

Dan jika kamu sakit atau musafir atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum...

Jika orang yang sakit atau musafir hanya dibolehkan bertayamum apabila tiada air, maka memadai Allah berfirman: *Dan jika salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum...* . Ini kerana keadaan “datang dari tempat buang air” atau “kamu sentuh perempuan” boleh berlaku baik kepada yang sihat atau sakit, kepada yang mastautin atau musafir.

Namun Allah telah mengkhususkan “sakit” dan “musafir”, bererti orang yang sakit atau musafir memiliki pilihan untuk bertayamum meskipun mereka ada air dan boleh menggunakannya. Dalam erti kata lain:

- Jika kamu sakit atau musafir,
- Jika kamu datang dari tempat buang air atau kamu

sentuh perempuan, sedangkan kamu tidak mendapat air,

= maka hendaklah kamu bertayamum.

Maksud “Kamu Tidak Mendapat Air”

Di sini timbul persoalan, apakah keadaan-keadaan yang termasuk dalam kategori “tidak mendapat air” bagi melayakkan seseorang itu bertayamum? Jawabannya seperti berikut:

Pertama: Tidak ada air.

Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا...

Sedang kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum... [al-Maidah 5:06]

Kedua: Mengejar suatu keutamaan sehingga tidak sempat mencari air atau menggunakan air.

Ini berdasarkan hadis berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: أَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
الْعَائِطِ فَلَقِيَهُ رَجُلٌ عِنْدَ بئرِ جَمَلٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ فَلَمْ يُرِدَّ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى أَقْبَلَ عَلَى الْحَائِطِ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى الْحَائِطِ
ثُمَّ مَسَحَ وَجْهَهُ وَيَدَيْهِ ثُمَّ رَدَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى
الرَّجُلِ السَّلَامَ.

Daripada (Abdullah) ibn Umar, dia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam baru selesai membuang air, lalu ada seseorang bertemu dengan baginda dekat perigi (yang digelar) Jamal dan dia mengucapkan salam kepada baginda. Namun baginda tidak menjawab salamnya sehinggalah baginda menemui tembok lalu meletakkan kedua tangannya pada tembok tersebut dan mengusap wajah serta kedua tangannya. Kemudian baru baginda menjawab salam orang tersebut.⁸⁹

Merupakan kebiasaan Rasulullah untuk tidak menjawab salam apabila dalam keadaan hadas. Bagi menyucikan dirinya daripada hadis kecil, baginda pergi ke tembok terdekat dan bertayamum di sana. Dalam hadis ini,

⁸⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 280 (*Kitab al-Thaharah, Bab tayamum tanpa musafir*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 331. Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 325/337 (*Kitab al-Tayammum, Bab tayamum di tempat sendiri*) dengan lafaz yang sedikit berbeza.

segera menjawab salam adalah satu keutamaan. Maka baginda tidak pergi mencari air, namun terus bertayamum di tembok berdekatan untuk menjawab salam.

Hadis di atas penting untuk diperhatikan kerana terdapat sebahagian pihak yang memberat-beratkan tayamum dengan mensyaratkan usaha keras mencari air, keadaan darurat dan menangguhkan solat hingga ke akhir waktu. Padahal dalam hadis di atas, baginda tidak berusaha mencari air, tidak mengalami apa-apa keadaan darurat dan tidak menangguhkan dirinya untuk bertayamum.⁹⁰

Oleh itu apabila seseorang itu sedang mengejar satu keutamaan seperti solat berjemaah dengan imam atau berada di saf pertama solat jumaat manakala tempat wudhu' dipenuhi orang, dia boleh bertayamum sahaja. Demikian juga bagi orang yang berada di Masjid al-Haram di Mekah atau Masjid al-Nabawi di Madinah sementara tempat wudhu' amatlah jauh di luar, dia boleh bertayamum dengan menepuk di dinding atau lantai masjid.

Walau bagaimanapun hendaklah diketahui bahawa

⁹⁰ *al-Raudhah al-Naddiyyah*, jld. 1, ms. 124-125 & 135-136.

bertayamum kerana mengejar suatu keutamaan padahal air ada adalah sesuatu yang janggal di kalangan orang ramai. Boleh dijangkakan kritikan dan bantahan. Oleh itu bersabarlah dan cukuplah hadis sahih di atas menjadi rujukan dan pegangan.

Selain itu perhatikan bahawa *rukhsah* atau kemudahan ini adalah bagi orang yang mengejar suatu keutamaan yang selari dengan syari'at Islam. Ia bukan untuk orang yang malas mengambil wudhu' atau mencari jalan mudah untuk beribadah kepada Allah.

Ketiga: Cuaca atau suhu air terlalu dingin atau terlalu panas.

Ini berdasarkan hadis berikut:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ قَالَ: لَمَّا بَعَثَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ ذَاتِ السَّلَاسِلِ، قَالَ:

Daripada 'Amr bin al-'Ash bahawa dia berkata saat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengutusnyanya pada tahun Dzatu Salasil:

فَاحْتَلَمْتُ فِي لَيْلَةٍ بَارِدَةٍ شَدِيدَةِ الْبَرْدِ، فَأَشْفَقْتُ إِنْ اغْتَسَلْتُ أَنْ أَهْلَكَ. فَتَيَمَّمْتُ ثُمَّ صَلَّيْتُ بِأَصْحَابِي صَلَاةَ الصُّبْحِ. قَالَ: فَلَمَّا

قَدِمْنَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ.

Pada suatu malam yang sangat dingin saya mimpi basah, jika saya mandi maka saya bimbang akan jatuh sakit. Maka sayapun bertayamum kemudian solat Subuh berjamaah bersama sahabat-sahabatku. Saat kami menemui Rasulullah, maka sayapun menuturkan hal itu kepada baginda.

فَقَالَ: يَا عَمْرُو، صَلَّيْتَ بِأَصْحَابِكَ وَأَنْتَ جُنُبٌ؟ قَالَ:
قُلْتُ: نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي احْتَلَمْتُ فِي لَيْلَةٍ بَارِدَةٍ شَدِيدَةِ الْبَرْدِ،
فَأَشْفَقْتُ إِنْ اغْتَسَلْتُ أَنْ أَهْلِكَ، وَذَكَرْتُ قَوْلَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ {وَلَا
تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا} فَتَيَمَّمْتُ، ثُمَّ صَلَّيْتُ.

Baginda bertanya: “Wahai Amru, apakah kamu solat bersama sahabat-sahabatmu sedangkan kamu dalam keadaan junub?” Saya menjawab: “Benar. Wahai Rasulullah, saya mimpi basah pada malam yang sangat dingin sekali. Jika saya mandi saya bimbang akan jatuh sakit. Lalu saya teringat firman Allah ‘Azza wa Jalla: ‘Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu’ [al-Nisa

4:29] Maka sayapun bertayamum dan solat.”

فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمْ يَقُولُ شَيْئًا.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tertawa dan baginda tidak berkata sesuatupun.⁹¹

Dalam hadis di atas, seorang sahabat memiliki air untuk mandi wajib. Akan tetapi disebabkan cuaca yang terlalu dingin, dibimbangi ia akan membahayakan kesihatannya. Maka dia bertayamum dan Rasulullah tidak berkata sesuatupun. Seandainya perbuatan beliau bertayamum adalah salah, nescaya baginda akan segera menegur dan menyuruhnya mandi wajib seperti biasa. Berdasarkan hadis ini, dibolehkan bertayamum jika seseorang itu memiliki air namun suhu air adalah terlalu sejuk atau terlalu panas sehingga dibimbangi akan membahayakan kesihatan.

Keempat: Air diperlukan untuk kepentingan lain.

Dibolehkan tayamum jika seseorang itu memiliki air namun air itu sangat diperlukan untuk kegunaan lain seperti

⁹¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 17144. Ia dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 17812.

minuman. Ini kerana air amatlah penting untuk pelbagai urusan manusia sehingga tanpanya boleh berlaku kehilangan nyawa. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا.

Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu'
[al-Nisa 4:29]

Di antara belas kasih Allah kepada hambanya ialah dibolehkan tayamum dalam kes seperti ini.

Hukum Tayamum

Berdasarkan empat keadaan di atas, para ilmunan *rahimahumullah* telah membahagikan hukum tayamum kepada dua:

- **Wajib**, yakni apabila tidak ada air. Apabila sesuatu ibadah adalah wajib, maka syarat-syarat ke arah penyempurnaan ibadah itu adalah wajib juga. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar adalah syarat penyempurnaan solat. Apabila tidak ada air, maka wajib bertayamum.

- **Rukhsah**, yakni apabila ada air namun wujud halangan menggunakannya. Ini seperti keadaan dua, tiga dan empat di atas. Tayamum juga menjadi pilihan bagi orang sakit atau musafir meskipun dia ada air, sebagaimana yang telah diterangkan di bahagian **Sebab-Sebab Untuk Tayamum**. Kemudahan (*rukhsah*) ini adalah satu rahmat dan hadiah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخْصَتُهُ، كَمَا يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَعْصِيَتُهُ.

*Sesungguhnya Allah menyukai apabila rukhsah-Nya diambil sebagaimana Allah membenci larangan-Nya (maksiat) diambil.*⁹²

Bahan Tayamum

Dalam ayat yang mensyari'atkan tayamum, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman: ***Maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah yang baik.*** [al-Maidah 5:06] Apakah yang dimaksudkan dengan tanah yang baik? Para

⁹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 5600. Ia dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 5866.

ilmuan memiliki dua pendapat dalam persoalan ini:

Pendapat Pertama: Bahan tayamum hanyalah dengan tanah atau debu tanah. Ini berdasarkan hadis berikut di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

فُضِّلْنَا عَلَى النَّاسِ بِثَلَاثٍ جُعِلَتْ صُفُوفُنَا كَصُفُوفِ الْمَلَائِكَةِ
وَجُعِلَتْ لَنَا الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدًا وَجُعِلَتْ تُرَابُهَا لَنَا طَهُورًا إِذَا لَمْ يَجِدْ
الْمَاءَ.

*Kami diberi keutamaan ke atas manusia lain dengan tiga perkara: (1) Dijadikan saf (solat jemaah) kami sebagaimana saf para malaikat, (2) Dijadikan untuk kami seluruh bumi sebagai tempat solat dan (3) Dijadikan bagi kami debu tanahnya sebagai bahan bersuci (tayamum) apabila kami tidak mendapatkan air.*⁹³

Pendapat Kedua: Bahan tayamum adalah semua yang ada di bumi ini seperti tanah, pasir, batu, marmar, kapur dan simen. Termasuklah bahan-bahan daripada bawah bumi seperti besi, tembaga dan aluminium. Termasuk juga semua yang tumbuh di atas bumi seperti kayu daripada pokok-pokok.

⁹³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 811/522 (*Kitab al-Masajid wa Mawadhi'i al-Sholat, Bab pertama*).

Asalkan ia dari bumi ini dan masih di bumi, maka itulah bahan tayamum.

Ini berdasarkan hadis berikut di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتُهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ وَأَحَلَّتْ لِي الْمَعَانِمُ وَلَمْ تَحِلَّ لِأَحَدٍ قَبْلِي وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً.

Aku diberikan lima perkara yang tidak diberikan kepada seorang (Nabi)pun sebelumku: (1) Aku ditolong melawan musuhku dengan ketakutan (yang Allah masukkan dalam hati mereka) sejauh satu bulan perjalanan, (2) Dijadikan bumi untukku sebagai tempat solat dan bersuci (tayamum). Maka apabila saja seseorang daripada umatku mendapati waktu shalat, hendaklah dia shalat, (3) Dihalalkan untukku harta rampasan perang yang tidak pernah dihalalkan untuk seorang (Nabi)pun sebelumku, (4) Aku diberikan (hak untuk memberikan) syafa'at (pada Hari Akhirat kelak) dan (5) Para Nabi sebelumku diutus khusus untuk kaumnya sedangkan aku diutus untuk seluruh

manusia.⁹⁴

Dalam sebuah hadis yang lain baginda bersabda:

فَضَّلَنِي رَبِّي عَلَى الْأَنْبِيَاءِ أَوْ قَالَ عَلَى الْأُمَّمِ بِأَرْبَعٍ قَالَ:
أُرْسِلْتُ إِلَى النَّاسِ كَافَّةً وَجَعَلْتِ الْأَرْضُ كُلُّهَا لِي وَلِأُمَّتِي مَسْجِدًا
وَطَهُورًا فَأَيْنَمَا أَدْرَكَتْ رَجُلًا مِنْ أُمَّتِي الصَّلَاةَ فَعِنْدَهُ مَسْجِدُهُ وَعِنْدَهُ
طَهُورُهُ وَنُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ يَفْزِدُهُ فِي قُلُوبِ أَعْدَائِي وَأَحْلَ
لَنَا الْعَنَائِمَ.

Rabbku (Allah) telah mengutamakan aku di atas para Nabi atau (baginda bersabda)⁹⁵ atas umat-umat lain dalam empat hal. (1) Aku diutus untuk manusia seluruhnya. (2) Dijadikan seluruh bumi untukku dan umatku sebagai tempat solat dan bersuci (tayamum), maka apabila saja seseorang daripada umatku menemui waktu solatnya, di situlah tempat solatnya dan di situlah tempat dia menyucikan diri. (3) Aku diberi kemenangan dengan rasa takut yang dimasukkan ke dalam hati para musuhku sejauh perjalanan satu bulan dan

⁹⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 323/335 (*Kitab al-Tayammum, Bab firman Allah: Lalu kamu tidak mendapatkan air, maka bertayamumlah dengan tanah yang baik...*).

⁹⁵ Perawi hadis kurang pasti.

(4) harta rampasan perang dihalalkan bagi kami.⁹⁶

Di antara dua pendapat ini, manakah yang paling kuat? Pihak yang cenderung kepada **Pendapat Pertama** berhujah, hadis *debu tanah* memperincikan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh *seluruh bumi* dalam hadis yang lain. Pihak yang cenderung kepada **Pendapat Kedua** pula berhujah, hadis *debu tanah* duduk dalam kategori *seluruh bumi* yang disebut oleh hadis lain. Penyebutan *debu tanah* adalah kerana ia yang paling kerap digunakan. Ertinya, boleh bertayamum dengan apa-apa yang berasal dari *bumi*, seperti *debu tanah*.

Saya cenderung kepada **Pendapat Kedua** kerana ia lebih luas, selari dengan tujuan pensyari'atan tayamum:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ
وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ.

Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak

⁹⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 21120 dan ia dinilai *sahih li ghairihi* oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 22137.

menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur. [al-Maidah 5:06]

Jika dibataskan tayamum kepada debu tanah sahaja, maka ia masih dalam kategori kesusahan kerana debu tanah tidak semestinya dapat diperolehi di semua tempat, pada setiap waktu.

Selain itu dalam hadis orang yang memberi salam, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bertayamum pada tembok yang lazimnya diperbuat daripada batu dan tanah liat. Seandainya bahan tayamum hanyalah debu tanah, nescaya baginda akan tunduk dan bertayamum di tanah yang sedang dipijaknya saat itu.

Bahan Tayamum Yang Sudah Dikeluarkan Dari Bumi

Zahir hadis menunjukkan bahawa bahan tayamum ialah apa-apa bahan yang masih ada di bumi seperti tanah, pasir, batu, tembaga dan pokok. Bagaimana jika bahan-bahan itu sudah dikeluarkan dari bumi untuk kegunaan manusia? Contohnya:

1. Bolehkah bertayamum dengan batu marmar yang telah dijadikan jubin lantai di Masjid al-Haram, Mekah?

2. Bolehkah seorang yang dipenjarakan dan tidak diberikan air, bertayamum dengan lantai simen bilik penjaranya?
3. Bolehkah seorang yang terbaring di atas katil di hospital, bertayamum dengan rangka besi (*metal frame*) katilnya?

Bagi saya, jawapannya adalah boleh. Perhatikan semula hadis orang yang memberi salam:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: أَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
 الْعَائِطِ فَلَقِيَهُ رَجُلٌ عِنْدَ بَيْتِ جَمَلٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ فَلَمْ يَرُدَّ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى أَقْبَلَ عَلَى الْحَائِطِ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى الْحَائِطِ
 ثُمَّ مَسَحَ وَجْهَهُ وَيَدَيْهِ ثُمَّ رَدَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى
 الرَّجُلِ السَّلَامَ.

*Daripada (Abdullah) ibn Umar, dia berkata:
 Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam baru selesai
 membuang air, lalu ada seseorang bertemu dengan baginda
 dekat perigi (yang digelar) Jamal dan dia mengucapkan
 salam kepada baginda. Namun baginda tidak menjawab
 salamnya sehinggalah baginda menemui tembok lalu*

*meletakkan kedua tangannya pada tembok tersebut dan mengusap wajah serta kedua tangannya. Kemudian baru baginda menjawab salam orang tersebut.*⁹⁷

Dalam hadis di atas, baginda bertayamum dengan sebuah tembok. Tembok pada zaman tersebut lazimnya diperbuat daripada batu dan tanah liat. Ia adalah sesuatu yang asalnya di bumi (batu dan tanah liat) tetapi telah dikeluarkan dan dibentuk untuk kegunaan manusia (tembok). Baginda memiliki pilihan untuk bertayamum dengan bumi yang sedang dipijak saat itu, tetapi baginda memilih untuk bertayamum dengan tembok di hadapannya. Ini baginda sengajakan bagi menunjukkan kepada umatnya bahawa boleh bertayamum dengan apa jua yang memiliki asal daripada bumi, namun telah dikeluarkan untuk kegunaan manusia.

Oleh itu boleh bertayamum dengan batu marmar, simen, besi dan apa-apa bahan lain yang telah dikeluarkan dari bumi. Bertayamum adalah dengan menepuk atau memegang

⁹⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 280 (*Kitab al-Thaharah, Bab tayamum tanpa musafir*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 331. Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 325/337 (*Kitab al-Tayammum, Bab tayamum di tempat sendiri*) dengan lafaz yang sedikit berbeza.

bahan-bahan tersebut, bukan dengan mencari debu di atasnya. Mencari debu di atasnya adalah satu salah faham yang akan dijelaskan selanjutnya.

Perbezaan Antara Debu Tanah dan Habuk

Satu salah faham yang saya perhatikan lazim berlaku ialah anggapan boleh bertayamum dengan debu yang ada di tingkap, sebalik meja atau atas almari. Bezakan bahawa mengikut **Pendapat Pertama** di atas, yang dibolehkan ialah debu tanah. Debu yang ada di tingkap, sebalik meja atau atas almari sebenarnya adalah habuk (dust). Habuk ini kebanyakannya berasal dari sel kulit manusia yang telah mati dan gentian halus (*fibre*) daripada pakaian, tirai, cadar, sarung sofa dan permaidani. Jika tingkap dibuka, maka banyak lagi habuk yang berasal daripada pelbagai sumber akan masuk ke dalam. Habuk ini bukanlah menyucikan, bahkan boleh menyebabkan batuk-batuk, sakit mata dan serangan sakit asma.

Cara Bertayamum

Cara bertayamum adalah sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ.

Maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah yang baik, yaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah itu. [al-Maidah 5:06]

Hadis berikut menjelaskan lebih lanjut cara bertayamum:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَقَالَ: إِنِّي أَجَنَّبْتُ فَلَمْ أُصِبِ الْمَاءَ.

Datang seorang lelaki kepada ‘Umar bin al-Khaththab lalu berkata: “Sesungguhnya aku dalam keadaan junub namun aku tidak menemui air (maka apa yang patut aku lakukan)?”

فَقَالَ عَمَّارُ بْنُ يَاسِرٍ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ: أَمَا تَذْكُرُ أَنَّا كُنَّا فِي سَفَرٍ أَنَا وَأَنْتَ فَأَمَّا أَنْتَ فَلَمْ تُصَلِّ وَأَمَّا أَنَا فَتَمَعَّكَتُ فَصَلَّيْتُ.

Maka berkatalah ‘Ammar bin Yasir kepada ‘Umar bin al-Khaththab: “Apakah kamu tidak ingat bahawa kita pernah musafir, aku dan kamu (lalu kita berdua dalam keadaan junub). Adapun kamu, kamu tidak solat sementara aku, aku berguling di atas tanah (untuk bertayamum) lalu aku solat.”

فَذَكَرْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: **إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ هَكَذَا: فَضَرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَفَّيْهِ الْأَرْضَ وَنَفَخَ فِيهِمَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ.**

Maka perkara ini disebut kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam lalu Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Sesungguhnya cukuplah kamu melakukan seperti ini... maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memukul tanah dengan kedua tapak tangannya, meniup kedua-duanya, kemudian menyapu dengan kedua-dua di mukanya dan kedua-dua tapak tangannya.”⁹⁸

Dalam sebuah riwayat yang lain:

إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ أَنْ تَصْنَعَ هَكَذَا: فَضَرَبَ بِكَفِّهِ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ ثُمَّ نَفَضَهَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا ظَهْرَ كَفِّهِ بِشِمَالِهِ أَوْ ظَهْرَ شِمَالِهِ بِكَفِّهِ ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ.

Sesungguhnya cukuplah kamu melakukan seperti ini... maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memukul

⁹⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 326/338 (*Kitab al-Tayammum, Bab bertayamum – apakah ditiup kedua-dua tangan?*).

tanah sekali dengan kedua-dua tapak tangannya, kemudian mengibasnya, kemudian menyapu belakang tangan kanannya dengan tangan kirinya atau belakang tangan kirinya dengan tangan kanannya, kemudian menyapu mukanya dengan kedua-dua (tapak tangannya).

Berdasarkan kedua-dua hadis ini:

1. Tidak perlu membaca lafaz niat kerana ketika mengajar tayamum, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mengajar lafaz niat. Bahkan bagi semua ibadah, Rasulullah tidak pernah mengajar membaca lafaz niat. Niat duduknya di dalam hati dan ia merupakan kehendak melakukan sesuatu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengetahui apa di dalam hati manusia sehingga tidak perlu dilafazkan dengan mulut.
2. Tayamum hanya dilakukan sekali. Yakni sekali memukul tanah, sekali menyapu muka dan sekali menyapu tangan. Tidak perlu diulangi sehingga tiga kali.
3. Selepas menepuk tanah, baginda meniup debu tanah tersebut. Dalam riwayat kedua, baginda mengibas-ngibas tangannya. Perbuatan ini menunjukkan bahawa

ketika bertayamum, yang dikehendaki bukanlah debu tetapi sekadar menepuk sesuatu yang di bumi atau berasal dari bumi. Seandainya debu adalah bahan tayamum, nescaya baginda tidak akan meniupnya atau mengibas tangannya. Perbuatan ini juga menguatkan pendapat yang menyatakan bahan tayamum adalah seluruh bumi ini, baik ia berdebu atau tidak.

4. Tidak dijelaskan batasan kawasan muka yang disapu. Maka ia meliputi seluruh muka, sama seperti ketika membasuh muka dengan air apabila mengambil wudhu’.
5. Apabila menyapu tangan, maka ia dari hujung jari sehingga pergelangan tangan. Gandingan kedua-dua hadis menunjukkan kawasan yang disapu ialah tapak dan belakang tangan, sehingga ke pergelangan sahaja.
6. Kedua-dua hadis juga menunjukkan tidak ada tertib khusus untuk bertayamum. Boleh dimulakan dengan muka, kemudian tangan dan boleh juga dimulakan dengan tangan, kemudian muka.
7. Terdapat beberapa riwayat lain yang menyatakan, tepukan dan sapuan adalah sebanyak tiga kali

sementara sapuan di tangan adalah sehingga ke siku. Riwayat-riwayat ini – setahu saya – tidak ada yang sahih. Lebih dari itu dalam kedua-dua hadis sahih di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memulakan tunjuk ajar tayamum dengan bersabda: ***Sesungguhnya cukuplah kamu melakukan seperti ini...***, bererti tidak perlu ditokok tambah lebih daripada apa yang baginda ajar dalam kedua-dua hadis sahih di atas.

Apabila Dapat Menggunakan Air

Tayamum adalah pengganti air bagi mensucikan diri daripada hadas kecil atau hadas besar. Bagaimana jika seseorang itu bertayamum lalu kemudian dia menemui air atau dapat menggunakan air? Jawabannya perlu diperincikan seperti berikut.

- Apabila dia bertayamum sebagai pengganti wudhu' untuk mendirikan solat, namun sebelum mendirikan solat dia menemui air atau dapat menggunakan air, maka hendaklah dia berwudhu' dengan air tersebut lalu mendirikan solat.

- Apabila dia bertayamum untuk mendirikan solat dan apabila masuk waktu solat yang seterusnya dia tidak melakukan apa-apa perkara yang membatalkan wudhu', tayamumnya yang awal masih sah. Dia tidak perlu memperbaharui tayamumnya. Namun jika dia menemui air atau dapat menggunakan air ketika dalam waktu solat yang baru itu, hendaklah dia berwudhu'.

Dalilnya ialah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ الصَّعِيدَ الطَّيِّبَ وَضُوءَ الْمُسْلِمِ وَإِنْ لَمْ يَجِدِ الْمَاءَ عَشْرَ سِنِينَ، وَإِذَا وَجَدَ الْمَاءَ فَلْيُمْسِئْهُ بِشَرَّتِهِ فَإِنَّ ذَلِكَ هُوَ خَيْرٌ.

Sesungguhnya tanah yang suci adalah alat wudhu' seorang Muslim meskipun dia tidak mendapatkan air selama sepuluh tahun. Namun apabila dia telah mendapatkannya (air), maka hendaklah dia membasuh badannya kerana hal itu lebih baik baginya.⁹⁹

- Apabila dia bertayamum dan mendirikan solat, lalu

⁹⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 20587 dan ia dinilai *sahih li ghairihi* oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 21371.

ketika solat atau sesudah solat dia menemui air atau dapat menggunakan air, maka solatnya tetap sah. Dia tidak wajib berwudhu' dan mengulangi solat terbabit.

Dalilnya ialah kisah dua orang sahabat yang bertayamum lalu solat, kemudian mereka menemui air. Maka seorang daripada mereka tidak mengulangi solatnya sementara yang kedua mengambil wudhu' dengan air tersebut dan mengulangi solatnya. Apabila mereka mengkhabarkan perkara ini kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

فَقَالَ لِلَّذِي لَمْ يُعِدْ: أَصَبْتَ السُّنَّةَ وَأَجْرُكَ صَلَاتِكَ. وَقَالَ
لِلَّذِي تَوَضَّأَ وَأَعَادَ: لَكَ الْأَجْرُ مَرَّتَيْنِ.

Baginda bersabda kepada sahabat yang tidak mengulangi solatnya: Kamu melakukan sesuatu yang selari dengan sunnah dan solatmu itu menghasilkan pahala untukmu. Kepada sahabat yang mengulangi solatnya, baginda bersabda: Kamu mendapat pahala dua kali.¹⁰⁰

¹⁰⁰ -----: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 286 (*Kitab al-Thaharah, Bab orang yang bertayamum untuk solat lalu menemui air ketika masih dalam waktu solat*). Abu Daud menerangkan bahawa hadis ini yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri adalah tidak terpelihara, bahkan ia *mursal*. Pun begitu, hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, no: 338. Sementara Husain Salim Asad

- Apabila dia bertayamum sebagai pengganti mandi wajib untuk hadas besar, seperti keadaan junub atau haid, maka tayamum tersebut adalah cukup baginya mendirikan solat. Namun apabila kelak dia menemui air atau dapat menggunakan air, hendaklah dia mandi wajib dengan air tersebut. Dia tidak perlu qadha atau mengulangi solat-solat yang sudah didirikan.

Dalilnya, pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ada seorang sahabat yang enggan ikut solat berjemaah kerana dia dalam keadaan junub. Maka Rasulullah menyuruhnya bertayamum dan mendirikan solat. Beberapa ketika kemudian apabila mereka memperolehi air, Rasulullah menyuruh sahabat terbabit mandi wajib dengan air tersebut. Akan tetapi dia tidak perlu mengulangi solat yang sudah didirikan.¹⁰¹

menyatakan “sanadnya hasan” dalam semakan beliau ke atas *Sunan al-Darimi*, hadis no: 737.

¹⁰¹ **Sahih:** Ringkasan daripada sebuah hadis yang amat panjang, dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 331/344 (*Kitab al-Tayammum, Bab tanah yang baik cukup untuk wudhu' kaum muslimin apabila tidak ada air*).

Bertayamum Apabila Sakit

Orang yang sakit memiliki pilihan sama ada untuk menggunakan air atau bertayamum untuk menyucikan dirinya daripada hadas besar atau hadas kecil. Walau bagaimanapun di sini ada perbezaan pendapat, iaitu:

- Majoriti ulama' (*jumhur*) berpendapat tayamum hanya dibolehkan jika penggunaan air akan menyebabkan sakit menjadi lebih mudarat.
- Segelintir ulama' peneliti berpendapat tayamum dibolehkan apabila sakit, tanpa mengambil kira sama ada penggunaan air akan menyebabkan sakit menjadi lebih mudarat atau tidak.

Hujah bagi setiap pendapat ini telah dijelaskan dalam ruangan **Sebab-Sebab Untuk Tayamum**.

Kemudian timbul salah faham dalam cara bertayamum bagi orang yang sakit. Ada yang mengatakan, orang yang sakit menggandingkan air dan tayamum bagi menyucikan dirinya daripada hadas besar dan hadas kecil. Yakni, dia membasuh dengan air ke atas anggota yang boleh kena air dan bertayamum ke atas anggota yang tidak boleh kena air.

Gandingan seperti ini disandarkan kepada riwayat berikut:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: خَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلًا مِنَّا حَجْرٌ فَشَجَّهَ فِي رَأْسِهِ ثُمَّ احْتَلَمَ فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ فَقَالَ: هَلْ يَجِدُونَ لِي رُخْصَةً فِي التَّيْمُمِ؟ فَقَالُوا: مَا يَجِدُ لَكَ رُخْصَةً وَأَنْتَ تَقْدِرُ عَلَى الْمَاءِ.

Daripada Jabir (bin Abdullah radhiallahu 'anh, dia) berkata, kami pernah keluar dalam sebuah perjalanan lalu salah seorang daripada kami terkena batu pada kepalanya yang membuatnya luka berat. Kemudian (ketika tidur) dia bermimpi basah, maka dia bertanya kepada para sahabatnya: “Apakah ada keringanan untukku agar bertayamum saja?” Mereka menjawab: “Kami tidak mendapatkan keringanan untukmu kerana kamu masih mampu menggunakan air.”

فَاعْتَسَلَ فَمَاتَ. فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُخْبِرَ بِذَلِكَ فَقَالَ: قَتَلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ! أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ.

Maka orang tersebut mandi dan langsung meninggal dunia (kerana air yang terkena luka di kepalanya). Ketika kami sampai kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, baginda diberitahukan tentang kejadian tersebut, maka

baginda bersabda: “Mereka telah membunuhnya, semoga Allah membunuh mereka! Kenapakah mereka tidak bertanya apabila mereka tidak mengetahui kerana ubat bagi tidak tahu ialah bertanya.

إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَّمَمَ وَيَعْصِرَ أَوْ يَعْصِبَ شَاكَّ مُوسَى
عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحُ عَلَيْهَا وَيَغْسِلُ سَائِرَ جَسَدِهِ.

Sesungguhnya cukuplah baginya untuk bertayamum serta menitiskan air atau¹⁰² membalut lukanya dengan kain, kemudian menyapu saja di atas kain itu dan mandi untuk selain itu pada seluruh tubuhnya yang lain.¹⁰³

Dalam riwayat di atas, digandingkan tayamum dan mandi wajib. Orang yang luka dan berhadad besar hendaklah bertayamum, kemudian dia mandi dengan air kecuali di bahagian yang ada luka, di mana dia membalutnya dan menyapu dengan air sahaja.

Akan tetapi riwayat di atas adalah *dha'if* dan tidak boleh dijadikan dalil agama. Ia dinyatakan *dha'if* oleh para

¹⁰² Di sini seorang perawi yang bernama Musa ragu-ragu yang manakah yang tepat.

¹⁰³ Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 284/336 (*Kitab al-Thaharah, Bab orang yang cedera bertayamum*).

imam hadis seperti al-Dar al-Quthni, al-Baihaqi, Ibn Hazm dan al-Hafiz Ibn Hajar.¹⁰⁴

Oleh itu apa yang benar adalah sepertimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ.

Dan jika kamu sakit atau musafir atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air, maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah yang baik, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah itu. [al-Maidah 5:06]

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa orang yang sakit dan tidak mendapatkan air atau tidak dapat menggunakan air, hendaklah dia bertayamum. Allah tidak

¹⁰⁴ Penilaian al-Dar al-Quthni, al-Baihaqi dan al-Hafiz Ibn Hajar dikemukakan oleh al-Albani dalam *Irwa' al-Ghaleel fi Takhrij Ahadits Manar al-Sabil*, hadis no: 105. Penilaian Ibn Hazm dikemukakan oleh Abu Malik Kamal bin al-Sayyid Salim dalam *Shahih Fiqh al-Sunnah*, jld. 1, ms. 290.

menyuruhnya menggandingkan tayamum dan wudhu'/mandi, tetapi tayamum saja sepertimana firman-Nya: ***maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah yang baik.***

Bagi orang sakit dan ingin tayamum:

- Jika terbaring atas katil, boleh menepuk atau memegang bingkai katil yang besi (*metal frame*) sebagai bahan tayamum.
- Jika terduduk atas kerusi roda, boleh menepuk atau memegang bingkai kerusi yang besi (*metal frame*) sebagai bahan tayamum.
- Jika dapat bergerak, boleh menepuk di dinding atau lantai sebagai bahan tayamum.

Semua di atas (besi, lantai simen, dinding batu) adalah bahan-bahan yang berasal dari bumi dan boleh digunakan sebagaimana yang telah dijelaskan di ruangan **Bahan Tayamum**.

Solat Ketika Sakit

Apabila Allah menguji kita dengan sakit, salah satu sebabnya ialah memberikan peringatan kepada kita untuk kembali kepada-Nya. Memang, suasana sihat kerap kali menyebabkan kita lupa dan lalai kepada Allah. Maka beruntunglah sesiapa yang apabila dia diuji dengan sakit, dia kembali kepada Allah dengan meningkatkan amal ibadah kepada-Nya. Pada waktu yang sama, rugilah sesiapa yang apabila diuji dengan sakit, dia semakin jauh daripada Allah kerana enggan beramal ibadah kepada-Nya.

Oleh itu apabila sakit, kewajipan melaksanakan solat lima kali sehari hendaklah tetap disempurnakan. Alasan tidak dapat berwudhu', tidak dapat berdiri, tidak dapat sujud dan tidak tahu arah kiblat bukanlah alasan untuk tidak solat. Cara-cara membersihkan diri dari hadas besar dan hadas kecil sudah diterangkan dalam bab-bab sebelum ini. Dalam bab ini, kita fokus kepada solat ketika sakit. Ada dua hadis yang menjadi asas bagi orang yang sakit melaksanakan solat.

Hadis Pertama:

Malik bin al-Huwairits menceritakan:

أَتَيْنَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبَابَةٌ مُتَقَارِبُونَ.
فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
رَحِيمًا رَفِيقًا. فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدْ اشْتَهَيْنَا أَهْلَنَا أَوْ قَدْ اشْتَفْنَا سَأَلَنَا عَمَّنْ
تَرَكْنَا بَعْدَنَا.

Kami datang menemui Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam, saat itu kami adalah para pemuda yang sebaya usianya. Maka kami tinggal bersama baginda selama dua puluh hari dua puluh malam. Baginda adalah seorang yang sangat penuh kasih sayang dan lemah-lembut. Ketika baginda menganggap bahwa kami telah inginkan atau rindukan keluarga kami, baginda bertanya kepada kami tentang orang (ahli keluarga) yang kami tinggalkan.

فَأَخْبَرَنَا. قَالَ: ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِكُمْ فَأَقِيمُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ
وَمُرُوهُمْ. وَذَكَرَ أَشْيَاءَ أَحْفَظُهَا أَوْ لَا أَحْفَظُهَا. وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي
أُصَلِّي. فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤَمِّمَكُمْ أَكْبَرَكُمْ.

Maka kamipun mengkhabarkanya kepada baginda.

Kemudian baginda bersabda: “Kembalilah kepada keluarga kalian dan tinggallah bersama mereka, ajarilah mereka dan perintahkanlah mereka (untuk solat).” Baginda seterusnya menyebut sesuatu yang aku pernah ingat lalu lupa. (Kemudian) baginda bersabda: “Solatlah kalian sepertimana kalian melihat aku solat. Maka jika waktu solat sudah tiba, hendaklah salah seorang dari kalian mengumandangkan adzan dan hendaklah yang menjadi imam orang yang paling tua di antara kalian.”¹⁰⁵

Pengajaran penting dalam hadis pertama ini ialah hendaklah kita semua solat sebagaimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* solat, sebagaimana perintah baginda: *Solatlah kalian sepertimana kalian melihat aku solat*. Berdasarkan perintah ini, hendaklah kita semua mengulang-kaji dan menyemak semula cara dan bacaan solat kita. Apakah ia menepati cara dan bacaan Rasulullah atau menepati kebiasaan masyarakat? Sebuah buku terbaik untuk dijadikan rujukan ialah *Sifat Solat Nabi Dari Takbir Hingga Salam* karya Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albani

¹⁰⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 595/631 (*Kitab al-Azan, Bab azan bagi orang yang musafir...*).

rahimahullah.

Hadis Kedua:

Abu Hurairah menerangkan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

دَعُونِي مَا تَرَكْتُمْ إِيمَانًا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِسُؤَالِهِمْ
وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ. فَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ وَإِذَا
أَمَرْتُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan kepada kalian. Sesungguhnya telah binasa orang-orang sebelum kalian tidak lain kerana soalan-soalan mereka (yang berbentuk negatif) dan perselisihan mereka terhadap Nabi-Nabi mereka.

*Maka apabila aku melarang kalian daripada sesuatu maka jauhilah ia dan apabila aku memerintahkan kalian dengan suatu urusan maka lakukanlah ia semampu kalian.*¹⁰⁶

¹⁰⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6744/7288 (*Kitab al-I'tishom bi al-Kitab wa al-Sunnah, Bab mengikuti sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*).

Dalam hadis kedua ini pula, hendaklah kita mencukupkan diri dengan apa yang disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kita jauhi apa yang baginda larang dan kita amalkan semampu mungkin apa yang baginda perintahkan. Janganlah memutar belit, ingin mengetahui sebab sebelum beramal, mengubah-suai, menokok-tambah dan menyelisih apa yang baginda amalkan serta sampaikan.

“*Soalan-soalan mereka...*” yang dimaksudkan dalam hadis di atas bukanlah soalan orang yang ingin faham dengan lebih mendalam, tetapi soalan untuk meremehkan, mempermainkan dan memperkotak-katikkan perintah serta larangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Adapun soalan untuk memahami dengan lebih mendalam, tentu saja ia dibolehkan dan digalakkan.

Kaitan Kedua-Dua Hadis Dengan Solat Ketika Sakit

Adapun kaitan kedua-dua hadis di atas dengan solat ketika sakit, maka hadis pertama merupakan perintah untuk solat sebagaimana Rasulullah solat. Hadis kedua pula memperincikan hadis pertama, iaitu hendaklah melaksanakan perintah untuk solat sebagaimana Rasulullah solat semampu

mungkin.

Orang yang sakit, kemampuannya untuk solat sudah tentu berbeza dengan orang yang sihat. Orang-orang yang sakit pula menghadapi penyakit yang berbeza-beza di antara satu sama lain sehingga kemampuan seseorang tentu berbeza dengan kemampuan orang yang lain.

Oleh itu setiap orang yang sakit hendaklah tetap melaksanakan solat-solat fardhunya. Hanya solat tersebut boleh dikurangkan rukun-rukunnya mengikut kemampuan setiap pesakit. Contohnya:

- Solat hendaklah menghadap kiblat. Akan tetapi jika pesakit tidak mampu untuk menghadap kiblat, dia cuba untuk menghadap paling hampir ke arah kiblat. Namun jika masih tidak mampu untuk menghadap langsung, dia tetap melaksanakan solat tanpa menghadap kiblat.
- Solat hendaklah dengan berdiri, diikuti dengan pergerakan *rukuk*, *iktidal*, sujud dan sebagainya. Jika seorang pesakit tidak mampu solat berdiri, dia solat dengan duduk, kemudian rukuk dan sujud. Jika seorang pesakit tidak mampu untuk rukuk dan sujud, maka dia

menundukkan kepala untuk rukuk dan membongkokkan badan untuk sujud.

- Jika dia tidak mampu untuk solat duduk, maka dia solat secara mengiring atau berbaring dan menggerakkan kepalanya untuk rukuk dan sujud. Jika dia langsung tidak mampu untuk menggerakkan kepala, maka tidak perlu menggerakkan apa-apa.

Semua cara solat di atas adalah sah dan tidak perlu diulangi apabila sihat kelak. Ia telah mendapat tauliah dan pengiktirafan daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berdasarkan sabda baginda: ***apabila aku memerintahkan kalian dengan suatu urusan maka lakukanlah ia semampu kalian***. Oleh itu para pesakit sekalian usah merasa ragu untuk melaksanakan solat sekadar yang mampu ketika sakit. Jangan melaksanakan solat sekadar “menghormati waktu” kerana solat menghormati waktu tidak wujud pada zaman Rasulullah. Ingat pesan baginda: ***Cukuplah dengan apa yang aku tinggalkan kepada kalian***.

Solat Bagi Pesakit Yang Koma

Pesakit yang koma atau hilang kesedaran akal, maka mereka tidak wajib melaksanakan solat dan tidak wajib

menggantinya (qadha) apabila sihat kelak. Ini kerana solat hanya wajib bagi orang yang berakal dan siuman, sementara keadaan mereka ketika itu (koma atau hilang kesedaran akal) telah menyebabkan kewajipan solat terangkat daripada mereka.¹⁰⁷

¹⁰⁷ Sebagai perbandingan, kebanyakan ulama' berkata pesakit yang koma atau hilang kesedaran akal hendaklah mengqadha solat-solatnya apabila sudah sedar. Saya tidak setuju dengan pandangan ini.

Puasa Ketika Sakit

Orang yang sakit pada bulan Ramadhan diberikan keringanan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk tidak berpuasa. Ini berdasarkan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ. أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir, (bolehlah dia berbuka atau tidak berpuasa), kemudian wajiblah dia berpuasa (ganti) pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.

Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan

(bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian, mengqadha) puasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui. [al-Baqarah 2:183-184]

Fokus kita ditujukan kepada firman Allah: *...maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir, (bolehlah dia berbuka)...* Allah tidak memperincikan apakah penyakit yang membolehkan seorang pesakit itu berbuka puasa atau tidak berpuasa. Oleh itu perkara ini terserah kepada setiap individu kerana penyakit yang sama boleh memberikan kesan yang berbeza di antara individu yang berbeza. Apa yang penting ialah bersikap jujur kepada Allah dan tidak menyalahgunakan keringanan ini.

Oleh itu Sakinah yang menghadapi demam selsema mungkin mampu berpuasa sementara Intan yang juga menghadapi demam selsema mungkin tidak mampu berpuasa. Sakinah melakukan kebaikan kerana Allah telah berfirman: *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa...* sementara Intan juga melakukan kebaikan kerana Allah telah berfirman: *Allah tidak memberati seseorang*

melainkan apa yang terdaya olehnya. [al-Baqarah 2:286]

Tempoh Sakit

Orang yang sakit terbahagi kepada tiga kategori dari aspek tempoh penyakitnya.

Kategori Pertama ialah orang yang sakit dalam bulan Ramadhan dan penyakitnya sembuh sebelum kedatangan bulan Ramadhan tahun seterusnya. Bagi pesakit seperti ini, dia hendaklah mengqadha puasanya apabila sudah sembuh dan diselesaikan qadhanya sebelum kedatangan bulan Ramadhan yang seterusnya. Ini berdasarkan firman Allah: ... *kemudian wajiblah dia berpuasa (ganti) pada hari-hari yang lain.*

Kategori Kedua ialah orang yang sakit dalam bulan Ramadhan dan penyakitnya berpanjangan atau tidak sembuh sehingga kedatangan bulan Ramadhan tahun seterusnya. Bagi pesakit seperti ini, dia hendaklah membayar fidyah. Kadar fidyah ialah makanan yang dapat memberikan kekenyangan kepada orang miskin mengikut kadar kebiasaan setempat. Setiap hari dia tidak berpuasa bersamaan dengan makanan seorang yang miskin. Ertinya jika dia tidak berpuasa selama tiga puluh hari, maka dia memberi makan kepada tiga puluh orang miskin untuk sehari atau kepada seorang miskin selama

tiga puluh hari.

Ini berdasarkan firman Allah: *...dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.* Dalam rangka memberi fidyah, usah terlalu berkira kerana apa-apa pemberian yang lebih adalah satu kebaikan bagi dirinya sendiri. Allah menganjurkan hal ini dengan firman-Nya: *Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya.*

Kategori Ketiga ialah orang yang sakit dalam bulan Ramadhan dan penyakitnya antara sembuh dan tidak sembuh selepas bulan Ramadhan. Keadaan ini menyebabkan pesakit tersebut ragu-ragu manakah yang lebih utama, mengqadha puasa atau membayar fidyah sementara dirinya mampu melakukan kedua-duanya? Maka yang lebih utama baginya ialah mengqadha puasa berdasarkan firman Allah: *... (walaupun demikian, mengqadha) puasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.*

Qadha Atau Fidyah, Bukan Qadha Dan Fidyah

Berdasarkan tiga kategori di atas, jelas bagi kita bahawa orang yang sakit dan tidak berpuasa dalam bulan Ramadhan

hanya perlu melakukan salah satu daripada dua perkara, mengqadha puasa atau membayar fidyah. Dia tidak diwajibkan melakukan kedua-dua sekali, iaitu mengqadha puasa dan membayar fidyah.

Sayang sekali, pendapat yang lazim diajar di Malaysia ialah kedua-dua sekali, iaitu mengqadha puasa dan membayar fidyah. Perkara ini benar-benar memberatkan seorang pesakit, lebih-lebih lagi jika penyakitnya berterusan sehingga Ramadhan yang seterusnya dan seterusnya. Melakukan kedua-dua perkara, iaitu mengqadha puasa dan membayar fidyah, juga menyelisihi tujuan Islam yang ingin memberikan keringanan (*rukhsah*) kepada orang yang sakit.

Pahala Berganda Dalam Bulan Ramadhan?

Ada yang sakit sehingga terasa berat untuk berpuasa, namun dia tetap berpuasa dengan anggapan puasa dalam bulan Ramadhan pahalanya berganda-ganda berbanding mengqadha puasa di luar bulan Ramadhan. Demikian juga bagi orang yang bermusafir lalu terasa berat untuk berpuasa, dia tetap berpuasa dengan anggapan puasa dalam bulan Ramadhan pahalanya berganda-ganda berbanding mengqadha puasa di luar bulan Ramadhan.

Anggapan ini hendaklah disemak semula kerana riwayat yang lazim dijadikan sandaran bahawa ibadah dalam bulan Ramadhan akan menghasilkan pahala berganda-ganda sebenarnya adalah tidak sah. Riwayat itu adalah seperti berikut:

عن سلمان قال: خطبنا رسول الله صلى الله عليه وسلم في آخر يوم من شعبان فقال: أيها الناس قد أظلكم شهر عظيم شهر مبارك شهر فيه ليلة خير من ألف شهر. جعل الله صيامه فريضة وقيام ليله تطوعا.

Daripada Salman (al-Farisi radhiallahu 'anh), dia berkata, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah berkhutbah kepada kami pada hari terakhir bulan Sya'ban dan baginda bersabda: "Wahai manusia, sesungguhnya bulan yang agung telah menaungi kalian, bulan yang diberkati, bulan yang di dalamnya terdapat suatu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Allah telah menjadikan puasa (pada siang harinya) satu kewajipan dan mendirikan (solat) pada malamnya satu tambahan (amalan sunat).

من تقرب فيه بمصلحة من الخير كان كمن أدى فريضة فيما سواه ومن أدى فيه فريضة كان كمن أدى سبعين فريضة فيما سواه.

Sesiapa yang mendekatkan diri (kepada Allah) di dalamnya (bulan Ramdhan) dengan satu amalan daripada kebaikan (amalan sunat), ia sama seperti orang yang menunaikan amalan fardhu pada bulan selainnya. Dan sesiapa yang melaksanakan di dalamnya (bulan Ramadhan) satu amalan yang wajib, ia sama seperti orang yang melaksanakan 70 amalan wajib pada bulan selainnya.

وهو شهر الصبر والصبر ثوابه الجنة وشهر المواساة وشهر يزداد فيه رزق المؤمن. من فطر فيه صائما كان مغفرة لذنوبه وعتق رقبته من النار وكان له مثل أجره من غير أن ينتقص من أجره شيء.

Dan ia adalah adalah bulan sabar, sedangkan sabar itu ganjarannya adalah syurga. Dan ia adalah bulan simpati, dan bulan yang ditambahkan di dalamnya rezeki orang mukmin. Sesiapa memberi jamuan berbuka puasa di dalamnya kepada orang yang berpuasa, ia menjadi pengampunan bagi dosanya dan kemerdekaan dirinya daripada neraka, dan baginya pahala seperti orang yang

berpuasa itu tanpa berkurang sedikitpun pahala (orang yang berpuasa itu).”

قالوا: ليس كلنا نجد ما يفطر الصائم. فقال: يعطي الله هذا الثوا من فطر صائما على تمر أو شربة ماء أو مذقة لبن وهو شهر أوله رحمة وأوسطه مغفرة وآخره عتق من النار. من خفف عن مملوكه غفر الله له وأعتقه من النار.

Para sahabat berkata: “(Ya Rasulullah), tidaklah kami memiliki apa-apa untuk dihidangkan kepada orang sebagai buka puasa.” Maka Rasulullah bersabda “Allah memberikan pahala ini kepada orang yang memberikan jamuan berbuka puasa dengan sebutir kurma, seteguk air atau sehirup susu. Dan ia adalah bulan yang permulaannya rahmat, pertengahannya keampunan dan akhirnya pembebasan daripada neraka. Sesiapa meringankan beban hamba sahayanya, Allah akan mengampuni dosanya dan membebaskannya daripada neraka.

واستكثروا فيه من أربع خصال : خصلتين ترضون بهما ربكم وخصلتين لا غنى بكم عنهما. فأما الخصلتان اللتان ترضون بهما

ريكم فشهادة أن لا إله إلا الله وتستغفرونه. وأما اللتان لا غنى بكم
عنهما فتسألون الله الجنة وتعوذون به من النار. ومن أشبع فيه صائماً
سقاها الله من حوضي شربة لا يظماً حتى يدخل الجنة.

***Dan perbanyaklah di dalamnya empat perkara:
Dua perkara kalian reda kepada Allah sebagai tuhan kalian
dan dua perkara lagi, jangan ada rasa cukup daripada
keduanya. Adapun dua perkara yang kalian reda kepada
Allah sebagai tuhan kalian adalah kesaksian bahwa tidak
ada Tuhan kecuali Allah dan kalian memohon keampunan-
Nya. Adapun dua perkara yang jangan ada rasa cukup
daripada keduanya adalah kalian memohon kepada Allah
syurga dan kalian berlindung dengan-Nya daripada api
neraka. Sesiapa mengenyangkan orang yang berpuasa di
dalamnya, Allah akan memberi minum kepadanya daripada
air kolamku dengan suatu minuman yang dia tidak akan
berasa haus sehingga dia memasuki syurga.”***

Dalam perenggan kedua riwayat di atas, dikatakan bahawa orang yang melakukan amalan sunat dalam bulan Ramadhan, pahalanya seperti melakukan amalan wajib pada bulan-bulan biasa selain Ramadhan. Sementara orang yang

melakukan amalan wajib dalam bulan Ramadhan, pahalanya seperti melakukan 70 amalan wajib pada bulan-bulan biasa selain Ramadhan.

Riwayat di atas amatlah masyhur. Sayang sekali ia bukanlah hadis sahih. Ia dikeluarkan oleh Ibn Khuzaimah dalam *Shahihnya*, hadis no: 1780/1887 (*Kitab al-Siyam, himpunan bab-bab tentang keutamaan bulan Ramadhan dan berpuasa padanya*). Ketika mengemukakan riwayat ini, Ibn Khuzaimah sendiri berkata:

باب فضائل شهر رمضان إن صح الخبر

Bab keutamaan bulan Ramadhan, andai sahih hadis (tentangnya).

Ini menunjukkan bahawa Ibn Khuzaimah sendiri tidak menilai riwayat tersebut sahih. al-‘Aini mengemukakan riwayat ini dalam *‘Umdat al-Qari Syarh Shahih al-Bukhari*, jld. 16, ms. 260 dan beliau berkata: “Sanadnya tidak sahih.” al-‘Azimi ketika menyemak kitab *Shahih Ibn Khuzaimah* memberi catatan ke atas riwayat ini: “Sanadnya *dha’if*” lalu kemudian menerangkan perawi yang lemah di dalamnya. al-Albani menilai riwayat ini *mungkar*. Sila rujuk penjelasan

beliau dalam *Silsilah Ahadits al-Dha'ifah*, no: 871.

Oleh itu berpuasa dalam bulan Ramadhan atau mengqadhanya di luar bulan Ramadhan tetap menjana nilai pahala yang sama. Bahkan mungkin saja orang yang sakit lalu mengambil rukhsah tidak berpuasa dapat memperoleh pahala yang lebih kerana dia telah melakukan sesuatu yang disukai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخْصَتُهُ، كَمَا يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَعْصِيَتُهُ.

Sesungguhnya Allah menyukai apabila rukhsah-Nya diambil sebagaimana Allah membenci larangan-Nya (maksiat) diambil.¹⁰⁸

¹⁰⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 5600. Ia dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 5866.

BAHAGIAN C
PANDUAN ZIARAH PESAKIT

Menziarahi Taman Syurga

Saya doakan para pembaca sekalian dalam keadaan sihat dan baik. Akan tetapi sekali sekala ada di antara kita yang Allah *Subhanahu waTa'ala* uji dengan sakit. Ada sakit yang ringan dan ada sakit yang berat sehingga terlantar di atas katil sama ada di hospital atau rumah. Semua ujian ini ada hikmahnya, di antara hikmah tersebut adalah sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ
وَلَا أَدَى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

Tidaklah sesuatu menimpa seorang muslim daripada kelemahan, wabak, kebingungan, kesedihan, sakit, kesusahan sehinggalah kepada duri yang menusuknya, melainkan Allah menghapuskan dengan (itu semua) dosanya.¹⁰⁹

Apabila salah seorang daripada kita jatuh sakit, baik

¹⁰⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5210/5641-5642 (*Kitab al-Mardho, Bab berkenaan penyakit adalah penghapus kesalahan*).

ibubapa, saudara-mara, sahabat handai, guru-guru, pensyarah atau sesiapa lain yang tidak dikenali, Islam menganjurkan kita untuk menziarahinya. Anjuran ini bukan sekadar suruhan ringan, namun merupakan tanggungjawab di antara seorang muslim kepada muslim yang lain. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ سِتٌّ. قِيلَ: مَا هُنَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: إِذَا لَقَيْتَهُ فَسَلِّمْ عَلَيْهِ وَإِذَا دَعَاكَ فَأَجِبْهُ وَإِذَا اسْتَنْصَحَكَ فَأَنْصَحْ
لَهُ وَإِذَا عَطَسَ فَحَمِدَ اللَّهَ فَسَمِّتْهُ وَإِذَا مَرِضَ فَعُدَّهُ وَإِذَا مَاتَ فَاتَّبِعْهُ.

“Hak seorang muslim kepada seorang muslim ada enam perkara.” Dikatakan: “Apakah enam perkara itu wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “(1) Apabila kamu bertemu dengannya, ucapkanlah salam kepadanya. (2) Apabila dia mengundangmu, penuhilah undangannya. (3) Apabila dia minta nasihat, berilah dia nasihat. (4) Apabila dia bersin lalu dia membaca tahmid, doakanlah semoga dia beroleh rahmat. (5) Apabila dia sakit, ziarahilah dia. (6) Dan

apabila dia meninggalkan dunia, ikutilah (jenazahnya).”¹¹⁰

Keutamaan Ziarah

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: يَا ابْنَ آدَمَ مَرِضْتُ فَلَمْ تَعُدَّنِي؟ قَالَ: يَا رَبِّ كَيْفَ أَعُوذُكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ؟ قَالَ: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ عَبْدِي فُلَانًا مَرِضَ فَلَمْ تَعُدَّهُ؟ أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ عُدَّتَهُ لَوَجَدْتَنِي عِنْدَهُ؟

Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla berfirman pada Hari Kiamat kelak: “Wahai anak Adam (yakni manusia)! Aku sakit, mengapa kamu tidak menziarahi Aku?” Anak Adam menjawab: “Wahai Rabbku, bagaimana menziarahi Engkau padahal Engkau Tuhan semesta alam?”

Allah menjawab: “Apakah kamu tidak tahu bahwa hamba-Ku si fulan sakit tetapi kamu tidak menziarahinya? Apakah kamu tidak tahu, seandainya kamu ziarahi dia nescaya kamu akan mendapati Aku di sisinya?”

¹¹⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4023/2162 (*Kitab al-Salam, Bab di antara hak seorang muslim kepada muslim yang lain ialah menjawab salam*).

يَا ابْنَ آدَمَ اسْتَطَعْمُتْكَ فَلَمْ تُطْعِمْنِي؟ قَالَ: يَا رَبِّ وَكَيْفَ
أُطْعِمُكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ؟ قَالَ: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّهُ اسْتَطَعْمَكَ عَبْدِي
فُلَانٌ فَلَمْ تُطْعِمْهُ؟ أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ أَطْعَمْتَهُ لَوَجَدْتَ ذَلِكَ عِنْدِي؟

“Wahai anak Adam! Aku meminta makan kepadamu, mengapa kamu tidak memberi Aku makan?” Anak Adam menjawab: “Wahai Rabbku, bagaimana mungkin aku memberi Engkau makan padahal Engkau Tuhan semesta alam?”

Allah menjawab: “Apakah kamu tidak tahu, bahwa hamba-Ku si fulan meminta makan kepadamu tetapi kamu tidak memberinya makan? Apakah kamu tidak tahu seandainya kamu memberinya makan nescaya kamu akan mendapati Aku di sisinya?”

يَا ابْنَ آدَمَ اسْتَسْقَيْتُكَ فَلَمْ تَسْقِنِي؟ قَالَ: يَا رَبِّ كَيْفَ
أَسْقِيكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ؟ قَالَ: اسْتَسْقَاكَ عَبْدِي فُلَانٌ فَلَمْ تَسْقِهِ.
أَمَا إِنَّكَ لَوْ سَقَيْتَهُ وَجَدْتَ ذَلِكَ عِنْدِي.

“Wahai anak Adam! Aku meminta minum kepadamu, mengapa kamu tidak memberi-Ku minum?” Anak Adam menjawab: “Wahai Rabbku, bagaimana

mungkin aku memberi Engkau minum padahal Engkau Tuhan semesta alam?" Allah menjawab: "Hamba-Ku si fulan meminta minum kepadamu tetapi kamu tidak memberinya minum. Seandainya kamu memberinya minum, nescaya kamu akan mendapati Aku di sisinya".¹¹¹

Hadis ini adalah satu perumpamaan. Ia tidaklah bererti Allah *Subhanahu waTa'ala* sakit, makan dan minum. Maha suci Allah dari semua itu. Namun ia bererti pengetahuan dan rahmat Allah khusus bersama orang-orang yang sakit dan orang-orang miskin yang meminta-minta makanan serta minuman. Allah memerhatikan siapa yang datang ziarah mana-mana hamba-Nya yang sakit dan siapa yang tidak datang ziarah. Allah memerhatikan siapa yang membantu mana-mana hamba-Nya yang dalam kesusahan dan siapa yang tidak membantu.

Meskipun ia satu perumpamaan, hadis ini menerangkan betapa penting dan utama menziarahi orang sakit dan membantu orang yang berada dalam kesusahan. Sebagitu

¹¹¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4661/2569 (*Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab keutamaan ziarah orang sakit*).

penting sehingga ia akan menjadi di antara soalan yang akan Allah *Subhanahu waTa'ala* ajukan kepada kita pada Hari Akhirat kelak. Mana-mana muslim yang bijak akan segera berusaha untuk menyediakan jawapan yang terbaik.

Taman-Taman Syurga

Menziarahi orang sakit memiliki keutamaan yang lain, iaitu ia umpama menziarahi taman syurga dan memetik buah-buahannya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan hakikat ini:

مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ فِي خُرْفَةِ الْجَنَّةِ حَتَّى يَرْجِعَ.

*Sesiapa yang menziarahi orang sakit, maka (ketika ziarah itu) dia senantiasa berada dalam sebuah taman surga sehinggalah dia pulang.*¹¹²

Pada ketika yang lain baginda menjelaskan:

مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ فِي خُرْفَةِ الْجَنَّةِ. قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا خُرْفَةُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ: جَنَاهَا.

¹¹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4658/2568 (*Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab keutamaan ziarah orang sakit*).

“Apabila seorang muslim menziarahi orang sakit, maka dia senantiasa berada dalam sebuah taman syurga.” Seseorang bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah taman syurga itu?” Baginda menjawab: “Taman itu penuh dengan buah-buahan yang dapat dipetiknyanya.”¹¹³

Demikianlah kepentingan dan keutamaan menziarahi orang sakit. Menziarahi orang sakit akan memberi manfaat kepada pesakit dan penziarah. Pesakit menjadi gembira dengan kehadiran penziarah serta doa dan kata-kata baik mereka. Penziarah pula mendapat keutamaan seperti mana hadis-hadis di atas. Pun begitu, bagi mendapatkan keutamaan tersebut penziarah perlu terlebih dahulu mengetahui dan mempraktikkan adab-adab ziarah orang sakit. Adab-adab ini akan saya kongsikan dalam bab akan datang *insyaAllah*.

¹¹³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4660/2568 (*Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab keutamaan ziarah orang sakit*).

Taman Syurga Di Mana Jua

Menziarahi orang sakit, baik di rumahnya mahupun di hospital, umpama menziarahi taman syurga. Sesiapa yang menziarahi orang sakit, maka ketika itu dia seolah-olah berada di dalam taman syurga sehinggalah dia pulang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ فِي حُرْفَةِ الْجَنَّةِ حَتَّى يَرْجِعَ.

*Sesiapa yang menziarahi orang sakit, maka (ketika ziarah itu) dia senantiasa berada dalam sebuah taman surga sehinggalah dia pulang.*¹¹⁴

Orang sakit yang dimaksudkan dalam hadis di atas tidak terhad kepada ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai sahaja. Akan tetapi ia luas merangkumi siapa saja yang sedang sakit, baik lelaki atau perempuan, baik muslim atau belum muslim. Oleh itu jika kita merenungi keluasan ini, akan disedari bahawa taman syurga tersebut sebenarnya berada di

¹¹⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4658/2568 (*Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab keutamaan ziarah orang sakit*).

mana jua. Ini kerana di mana jua kita berada, tentu ada orang sakit yang boleh kita ziarahi. Tentu ada hospital yang boleh kita lakukan amal menziarah pesakit-pesakitnya, menggembirakan mereka, menemani mereka dan berdakwah kepada mereka.

Di sini timbul persoalan, bolehkah seorang perempuan menziarahi lelaki yang sakit atau bolehkan seorang lelaki menziarahi perempuan yang sakit? Juga, bolehkah seorang Muslim menziarahi Vashini yang beragama Hindu, Mei Ling yang beragama Budha, Janet Choo yang beragama Kristian dan Emily yang tidak mempercayai kewujudan tuhan? Jawapannya, boleh. Ikutilah penjelasannya.

Dibolehkan Ziarah Di Antara Berlainan Jantina

Ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* datang ke Madinah, beberapa sahabat baginda jatuh sakit. A'isyah *radhiallahu 'anha*, isteri Rasulullah meminta izin untuk ziarah mereka dan baginda mengizinkannya. Perhatikan hadis berikut:

لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ اشْتَكَى أَصْحَابُهُ
وَاشْتَكَى أَبُو بَكْرٍ وَعَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ مَوْلَى أَبِي بَكْرٍ وَبِلَالٌ. فَاسْتَأْذَنْتُ

عَائِشَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عِيَادَتِهِمْ فَأَذِنَ لَهَا.

Ketika Nabi shallallahu 'alaihi wasallam datang ke Madinah, para sahabatnya jatuh sakit, termasuklah Abu Bakar, Amir bin Fuhairah, pembantu Abu Bakar serta Bilal. Lalu A'isyah minta izin Nabi shallallahu 'alaihi wasallam untuk menziarahi mereka dan baginda mengizinkannya.

فَقَالَتْ لِأَبِي بَكْرٍ: كَيْفَ بَجْدُكَ؟ فَقَالَ: كُلُّ امْرِيٍّ مُصَبَّحٌ فِي أَهْلِهِ وَالْمَوْتُ أَدْنَى مِنْ شِرَاكِ نَعْلِهِ.

(Ketika masuk ziarah, A'isyah) berkata kepada Abu Bakar: “Bagaimana keadaanmu?” Dia menjawab: “Setiap orang pada pagi hari dengan keluarganya sedangkan kematian lebih dekat dari pada tali kasutnya.”

وَسَأَلْتُ عَامِرًا فَقَالَ: إِنِّي وَجَدْتُ الْمَوْتَ قَبْلَ ذَوْقِهِ إِنَّ الْجَبَانَ حَتْفُهُ مِنْ فَوْقِهِ.

(A'isyah) bertanya (hal yang sama) kepada Amir, lalu dia menjawab: “Sesungguhnya aku menjumpai kematian sebelum aku merasakannya, sesungguhnya orang yang takut mati, kematian sudahpun berada di atasnya.”

وَسَأَلْتُ بِرَّالًا فَقَالَ: يَا لَيْتَ شِعْرِي هَلْ أَيْتَنَ لَيْلَةً بِنَجِّ وَحَوْلِي
إِذْخُرُ وَجَلِيلُ؟

(A'isyah) bertanya (hal yang sama) kepada Bilal, lalu dia menjawab: "Alangkah baiknya syairku, apakah aku harus bermalam di suatu lembah sementara di sampingku terdapat orang-orang yang membanggakan diri lagi mulia"

فَأَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَتْهُ بِمَوْلَاهُمْ. فَنَظَرَ إِلَى
السَّمَاءِ وَقَالَ: اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَمَا حَبَّبْتَ إِلَيْنَا مَكَّةَ وَأَشَدَّ
اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي صَاعِهَا وَفِي مُدَّهَا وَانْقُلْ وَبَاءَهَا إِلَى مَهِيَعَةٍ. وَهِيَ
الْجُحْفَةُ كَمَا زَعَمُوا.

Kemudian (A'isyah) mendatangi Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan mengkhabarkan kepada baginda mengenai perkataan mereka (yang sudah siap sedia menerima kematian). Lalu baginda menghadap ke langit seraya berdoa: "Ya Allah, jadikanlah kami mencintai Madinah sebagaimana Engkau telah menjadikan kami mencintai Mekah, bahkan lebih dari itu. Ya Allah, berkatilah Madinah dalam takaran shonya dan mudnya (unit ukuran pada zaman Nabi) dan pindahkanlah wabak penyakit ini ke

daerah Mahya'ah."

*(Perawi berkata): Iaitu daerah Juhfah sebagaimana yang mereka katakan.*¹¹⁵

Dalam hadis di atas, A'isyah seorang perempuan telah diizinkan oleh Rasulullah untuk menziarahi beberapa orang lelaki yang sakit. Selain Abu Bakar yang merupakan ayahnya, lelaki lain diziarahinya adalah bukan mahramnya. Berdasarkan hadis ini, dapat disimpulkan bahawa dibolehkan bagi perempuan menziarahi orang lelaki yang bukan mahramnya dan dibolehkan bagi lelaki menziarahi perempuan yang bukan mahramnya.

Kebolehan ini dengan syarat lelaki atau perempuan yang sakit itu dalam keadaan menutup aurat. Syarat ini mesti diperhatikan kerana adakalanya pesakit tidak dalam keadaan menutup aurat kerana sedang menjalani rawatan atau tidak sedarkan diri.

¹¹⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 23224. Ia dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 24360. Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5222/5654 (*Kitab al-Mardho, Bab wanita ziarah lelaki*) dengan sedikit ringkasan.

Dibolehkan Ziarah Pesakit Berlainan Agama

Kita sama-sama mengetahui sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di mana apabila pakciknya Abdul Thalib yang menyembah berhala sedang sakit tenat, baginda menziarahinya dan berulangkali mengajaknya mengucapkan *La ilaha illaLlah*. Namun Abu Thalib meninggal dunia tanpa memeluk Islam. Dalam hadis sahih diterangkan:

لَمَّا حَضَرَتْ أَبَا طَالِبٍ الْوَفَاةُ جَاءَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدَ عِنْدَهُ أَبَا جَهْلٍ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي أُمَيَّةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عَمُّ قُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ كَلِمَةً أَشْهَدُ لَكَ بِهَا عِنْدَ اللَّهِ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menziarahi Abu Thalib di saat dirinya sedang menghadapi sakaratul maut. Baginda mendapati Abu Jahal dan Abdullah bin Abu Umaiyah bin al-Mughirah turut berada di sana. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Pakcik! Ucaplah La ilaha illaLlah, aku akan menjadi saksi kamu di hadapan

Allah.”¹¹⁶

Selain itu dalam sebuah hadis lain, Anas bin Malik menerangkan:

أَنَّ غُلَامًا مِنْ الْيَهُودِ كَانَ مَرِيضًا فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُهُ فَقَعَدَ عِنْدَ رَأْسِهِ. فَقَالَ لَهُ: أَسْلِمَ! فَنظَرَ إِلَى أَبِيهِ وَهُوَ عِنْدَ رَأْسِهِ. فَقَالَ لَهُ أَبُوهُ: أَطَعِ أَبَا الْقَاسِمِ. فَأَسْلَمَ. فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقُولُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْقَذَهُ بِي مِنَ النَّارِ.

Bahwasanya anak kepada seorang yahudi sedang sakit, maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam datang menziarahinya dan duduk di sebelah kepalanya. Baginda berkata kepadanya: “Masuklah Islam!” Maka anak tersebut melihat kepada ayahnya sementara ayahnya juga berada di sebelah kepalanya. Lalu ayahnya berkata: “Taatilah Abu Al Qasim (gelaran bagi Rasulullah).” Maka anak tersebut masuk Islam. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam lalu berdiri dan mengucapkan: “Segala puji bagi Allah yang telah

¹¹⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Sahihnya*, hadis no: 35/24 (Kitab al-Iman, Bab dalil sahnya keislaman orang yang menghampiri mati...).

menyelamatkannya dari neraka melalui aku.”¹¹⁷

Hadis kedua di atas memiliki beberapa petunjuk penting. **Pertama**, meskipun kaum Yahudi memusuhi Islam, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak memulaukan mereka semua (boikot) dan tidak mendoakan kemusnahan kepada semua Yahudi. Baginda hanya memusuhi kaum Yahudi yang memusuhi Islam dan menjalinkan hubungan dengan kaum Yahudi yang tidak memusuhi Islam. **Kedua**, dibolehkan menziarahi pesakit yang belum Muslim, sebagaimana Rasulullah menziarahi anak kepada seorang Yahudi dalam hadis di atas. **Ketiga**, hendaklah memanfaatkan apa jua peluang untuk mendakwahkan Islam.

Oleh itu berdasarkan hadis di atas, dibolehkan ziarah Vashini yang beragama Hindu, Mei Ling yang beragama Budha, Janet Choo yang beragama Kristian dan Emily yang tidak mempercayai kewujudan tuhan ketika mereka sakit. Sebaik-baiknya waktu ziarah tersebut digunakan untuk menjemput mereka kepada Islam. Boleh menjemput secara

¹¹⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 2691 (*Kitab al-Janaiz, Bab berkenaan menziarahi kafir zimmi*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3095.

terus sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis di atas.

Boleh juga menjemput secara tidak langsung, seperti mendoakan pesakit tersebut dengan ucapan:

“Ya Allah! Engkaulah asy-Syafi (yang Maha Penyembuh), maka sembuhkanlah Vashini. Engkaulah al-Latif (yang maha Lemah Lembut), maka berlemah lembutlah kepada Vashini dan kurangiilah kesakitan beliau”.

Berdoalah dengan kuat agar dapat didengari oleh pesakit dan ahli keluarga yang ada bersamanya. Dengan doa seumpama itu, penziarah dapat memberikan pengenalan kepada pesakit dan ahli keluarga yang ada di sisinya tentang Allah dan Islam.¹¹⁸

¹¹⁸ Boleh mendoakan orang bukan Islam yang masih hidup sebagaimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mendoakan orang Yahudi yang bersin di sisinya: “Semoga Allah menghidayahi kalian dan memperbaiki urusan kalian”. Lebih lanjut, rujuk artikel saya *Ketika Seorang Yahudi Bersin Di Sisi Nabi* di www.hafizfirdaus.com

Ketika Di Dalam Taman Syurga

Anda sudah sampai ke hospital untuk menziarahi rakan yang sudah beberapa hari berada di dalam wad. Anda dalam keadaan bersemangat untuk ziarah kerana orang yang menziarahi pesakit seolah-olah seperti orang yang menziarahi taman syurga. Persoalannya, apakah yang patut anda lakukan tika menziarahi orang sakit? Apakah yang patut dilakukan dan patut dielakkan agar anda benar-benar dapat memetik buah-buahan di taman syurga?

Dalam bab ini saya akan berkongsi dengan para pembaca sekalian apa yang patut dilakukan ketika menziarahi orang sakit. Perkongsian ini adalah penting agar kita dapat menjadikan ziarah tersebut sesuatu yang benar-benar bermanfaat bagi pesakit dan diri kita sendiri.

Berkata-Kata Yang Baik

Ketika menziarahi orang sakit, sentiasalah berkata-kata sesuatu yang baik. Umm Salamah *radhiallahu 'anha*, isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa baginda bersabda:

إِذَا حَضَرْتُمْ الْمَرِيضَ أَوْ الْمَيِّتَ فَقُولُوا خَيْرًا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ
يُؤْمِنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ.

Apabila kalian menziarahi orang sakit atau orang yang meninggal dunia, maka ucapkanlah perkara yang baik-baik kerana malaikat mengaminkan ucapan kalian.

Rasulullah merupakan orang yang benar-benar mempraktikkan apa yang baginda ajar. Setelah menyampaikan hadis di atas, Umm Salamah melanjutkan:

فَلَمَّا مَاتَ أَبُو سَلَمَةَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سَلَمَةَ قَدْ مَاتَ: قَالَ: قُولِي اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلَهُ
وَأَعْقِبْنِي مِنْهُ عُقْبَى حَسَنَةً. قَالَتْ: فَقُلْتُ فَأَعْقَبَنِي اللَّهُ مَنْ هُوَ خَيْرٌ لِي
مِنْهُ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Tatkala Abu Salamah (suaminya) meninggal dunia, aku mendatangi Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam dan berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Salamah sudah meninggal dunia.” Maka baginda bersabda: “Ucapkanlah (doa ini):

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلَهُ وَأَعْقِبْنِي مِنْهُ عُقْبَى حَسَنَةً.

Ya Allah, ampunilah aku dan ampunilah dia. Dan berilah ganti bagiku dengan ganti yang lebih baik berbandingnya.”

*Maka akupun membacanya, lalu Allah menggantikan untukku orang yang lebih baik bagiku berbandingnya, iaitu Muhammad shallallahu ‘alaihi wasallam.*¹¹⁹

Antara perkara baik-baik yang dapat diucapkan kepada pesakit ialah memberi khabar gembira dan semangat baginya bahawa di sebalik setiap penyakit itu ada hikmahnya. Umm al-‘Alaa’ *radhiallahu ‘anha* berkata:

عَادِنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَرِيضَةٌ فَقَالَ:
أُبَشِّرِي يَا أُمَّ الْعَلَاءِ فَإِنَّ مَرَضَ الْمُسْلِمِ يُذْهِبُ اللَّهُ بِهِ خَطَايَاهُ كَمَا
تُذْهِبُ النَّارُ حَبَثَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ.

Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam menziarahiku sementara aku sedang sakit. Baginda

¹¹⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1527/919 (*Kitab al-Janaiz, Bab apa yang dikatakan apabila di sisi orang sakit dan mati*). **Perhatikan** bahawa Rasulullah mengajar membaca doa seperti di atas, bukan membaca al-Fatihah sebagaimana kebiasaan masyarakat kita.

bersabda: “Bergembiralah wahai Umm al-‘Alaa’ kerana sesungguhnya (di sebalik) sakit seorang muslim, Allah akan menghilangkan dosa-dosanya sebagaimana api menghilangkan kotoran emas dan perak.”¹²⁰

Selain itu boleh menyampaikan beberapa hadis berikut yang dapat memberikan ketenangan kepada orang yang sedang sakit:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ
وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

Tidaklah sesuatu menimpa seorang muslim daripada kelemahan, wabak, kebingungan, kesedihan, sakit, kesusahan sehinggalah kepada duri yang menusuknya, melainkan Allah menghapuskan dengan (itu semua) dosanya.¹²¹”

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا

¹²⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 2688 (*Kitab al-Janaiz, Bab menziarahi wanita*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3092.

¹²¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5210/5641-5642 (*Kitab al-Mardho, Bab berkenaan penyakit adalah penghapus kesalahan*).

ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

*Sesungguhnya besarnya ganjaran (pahala) bersamaan dengan besarnya ujian (bala'). Sesungguhnya apabila Allah mencintai sesuatu kaum, Dia akan menguji mereka. Maka sesiapa yang reda maka dia mendapat keredaan (Allah) dan sesiapa yang marah maka dia mendapat kemurkaan (Allah).*¹²²

Merujuk kepada sakit sebagai satu ujian Allah, jika ada pesakit yang merasakan Allah telah mengenakan ujian yang melebihi kemampuannya, bacakanlah hadis berikut daripada Sa'ad bin Abi Waqash *radhiallahu 'anh* bahawa dia pernah bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَشَدُّ بَلَاءً؟ قَالَ: الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ
فَالْأَمْثَلُ. فَيَبْتَلِي الرَّجُلَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صُلْبًا اشْتَدَّ
بَلَاؤُهُ وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رِقَّةٌ ابْتُلِيَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ. فَمَا يَبْرَحُ الْبَلَاءُ
بِالْعَبْدِ حَتَّى يَتْرُكَهُ يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ.

¹²² **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2320 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala'*) dan beliau berkata: Hadis ini *hasan gharib*. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396.

“Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berat ujiannya? Baginda menjawab: “Para nabi, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) seperti, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) seperti.”

Seseorang itu diuji berdasarkan kadar agamanya. Jika agamanya kuat, ujiannyapun berat. Sebaliknya jika agamanya lemah, dia diuji sesuai dengan kadar agamanya. Ujian-ujian ini tidak akan berhenti menimpa seorang hamba sehingga dia berjalan di atas muka bumi dengan tidak mempunyai kesalahan (kerana dosa kesalahan telah dihapuskan oleh ujian-ujian tersebut).”¹²³

Menganjurkan Kesabaran

Penyakit sering kali datang dengan tiba-tiba dan ia bagaikan tamu yang tidak disukai, yang tiba-tiba muncul di hadapan pintu rumah. Pelbagai aktiviti yang dirancang terpaksa dibatalkan dan pelbagai kerja yang sedang dibuat terpaksa ditangguhkan. Semua ini benar-benar menyebabkan kebanyakan orang – termasuk diri penulis – merungut apabila

¹²³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2322 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar dalam menghadapi bala*) dan beliau berkata: Hadis ini *hasan sahih*. Ia turut dinilai *hasan sahih* oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2398.

tiba-tiba diuji oleh Allah dengan sesuatu penyakit.

Di sinilah letaknya kepentingan peranan ahli keluarga dan sahabat handai bagi menganjurkan kesabaran kepada orang yang baru ditimpa sesuatu penyakit atau apa-apa ujian lain. Ujian yang datang menimpa secara tiba-tiba sering kali menyebabkan kita lupa hikmah dan kebaikan di sebalik ujian tersebut. Kesabaran itu hendaklah dianjurkan, disampaikan dan dinasihatkan seawal mungkin kerana rungutan dan ketidak-sabaran seringkali timbul pada saat-saat awal sesuatu ujian. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَىٰ.

*Sesungguhnya kesabaran itu tidak lain ketika pukulan awal (saat ujian menimpa).*¹²⁴

Nasihat untuk bersabar kemungkinan besar tidak cukup sekadar berkata “Bersabarlah!”. Ini kerana dalam suasana tiba-tiba ditimpa ujian sakit (atau apa-apa ujian lain), seseorang itu memerlukan kata-kata nasihat, motivasi dan semangat yang

¹²⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1219/1302 (*Kitab al-Jana'iz, Bab kesabaran ketika pukulan awal*).

lebih tinggi. Cara yang terbaik ialah menyampaikan atau membacakan hadis-hadis yang telah dikemukakan sebelum ini. Sampaikan ia secara penuh dan jelas, nescaya ia akan memberi kesan mendalam yang positif kepada orang yang baru ditimpa ujian. Hadis berikut adalah satu anjuran kesabaran yang amat baik daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ. إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا
لِلْمُؤْمِنِ. إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ
فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

*Seorang mukmin amat menakjubkan. Sesungguhnya semua urusannya adalah baik belaka dan perkara seperti ini tidak berlaku kepada seorang jua melainkan dia seorang mukmin. Jika dia mendapat sesuatu yang menyenangkan, dia bersyukur dan itu baik baginya. Jika dia mendapat sesuatu yang tidak disukainya dia bersabar dan itu baik baginya.*¹²⁵

¹²⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 5318/2999 (*Kitab al-Zuhud wa al-Raqaiq, Bab seorang mukmin semua urusannya sentiasa baik*).

Ubat Kepada Pesakit

Ramai ahli ilmu yang menyatakan bahawa penyakit fizikal memiliki kaitan yang rapat dengan kesihatan jiwa seseorang. Jika jiwa tenang, gembira, lapang, memaafkan dan bersosial, keadaan fizikal lazimnya akan sihat. Jika jiwa tertekan (*stress*), murung (*depression*), sedih, berdendam dan kesunyian, keadaan fizikal akan kerap kali dilanda penyakit.

Perkara ini sejak awal sudah dikenal pasti oleh Islam. Oleh kerana itulah Islam sangat menganjurkan umatnya untuk menziarahi orang sakit. Ziarah akan menggembirakan pesakit dan memberi kesan dirinya perasaan masih dikasihi, dihargai dan diberi perhatian. Sementara kata-kata semangat oleh penziarah kepada pesakit akan memberikan caj-caj positif yang baru kepada jiwanya. Semua ini adalah ubat, bahkan mungkin sahaja ubat yang paling berkesan kepada pesakit tersebut.

Mendoakan Pesakit

Sebahagian dari kata-kata semangat tersebut telah kita pelajari dalam bab yang lepas. Dalam bab ini kita akan pelajari pula kata-kata semangat berupa doa-doa kepada orang yang

sakit. Tidak ada doa yang lebih baik melainkan doa yang diajar dan diamalkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam hal ini terdapat sebuah hadis di mana baginda bersabda:

مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَحْضُرْ أَجْلُهُ فَقَالَ عِنْدَهُ سَبْعَ مَرَارٍ: أَسْأَلُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ, إِلَّا عَافَاهُ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ
الْمَرَضِ.

Sesiapa yang menziarahi orang sakit yang belum datang ajalnya kemudian dia mengucapkan di sebelahnya sebanyak tujuh kali:

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ.

*“Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan Arasy yang Agung, semoga Dia menyembuhkan kamu”, melainkan Allah akan menyembuhkannya dari penyakit tersebut.*¹²⁶

Selain itu boleh juga membaca doa berikut. Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* menerangkan, Nabi *shallallahu 'alaihi*

¹²⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 2700 (*Kitab al-Janaiz, Bab doa kepada pesakit ketika menziarahinya*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3106.

wasallam apabila menziarahi orang sakit baginda berdoa:

اللَّهُمَّ أَذْهِبِ الْبَأْسَ رَبِّ النَّاسِ وَاشْفِ فَإِنَّتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا.

*Ya Allah, Tuhan manusia, hilangkanlah penyakit dan sembuhkanlah. Engkaulah Penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali kesembuhan-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan apa-apa kesan lanjutan.*¹²⁷

Boleh juga berdoa dengan sesuatu yang lebih pendek dan mudah seperti “Ya Allah! Sembuhkanlah (sebut nama pesakit)” tiga kali. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ketika menziarahi Sa’ad bin Abi Waqash. *Baginda berdoa:*

اللَّهُمَّ اشْفِ سَعْدًا.

*“Ya Allah! Sembuhkanlah Sa’ad” tiga kali.*¹²⁸

¹²⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3488 (*Kitab al-Du’awat, Bab berkenaan doa orang sakit*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3565.

¹²⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 3079/1628 (*Kitab al-Wassiyah, Bab berwasiat dengan sepertiga*).

Baginda juga pernah berdoa dengan mengatakan:

لَا بَأْسَ طَهُورٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

“*La ba’sa, thahur insyaAllah*” yang bermaksud: “Tidak mengapa, (penyakit ini) membersihkan (dosa-dosa) *insya-Allah*.”¹²⁹

Selawat Syifa’

Apabila hendak berdoa, seperti mendoakan kesembuhan pesakit, hendaklah dimulakan dengan memuji Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan berselawat kepada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Marilah kita mengkaji hadis berikut:

سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَدْعُو فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَجَلَ هَذَا! ثُمَّ دَعَاهُ. فَقَالَ لَهُ أَوْ لِعَيْرِهِ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيُبَدِّأْ بِتَحْمِيدِ اللَّهِ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ لِيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَدْعُ بَعْدُ بِمَا شَاءَ.

¹²⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5224/5656 (*Kitab al-Mardho, Bab menziarahi Arab Badwi*).

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mendengar seorang lelaki yang menyeru dalam doanya namun tidak berselawat ke atas Nabi. Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Orang ini terburu-buru!" Lantas baginda memanggilnya dan berkata kepadanya atau kepada selainnya: "Apabila seseorang kalian berdoa, hendaklah dimulai dengan Tahmid (Alhamdulillah) dan puji-pujian kepada Allah kemudian diikuti dengan berselawat ke atas Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, kemudian sesudah itu meminta apa sahaja yang dikehendaknya."¹³⁰

Berdasarkan hadis di atas, doa dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah: "*Alhamdulillah Rabbi 'alamin*" diikuti dengan selawat: "*Allahumma shalli 'ala Muhammad wa 'ala ali Muhammad.*" Demikian bentuk pujian dan selawat yang paling ringkas.

Akan tetapi masyhur di kalangan masyarakat kita sebuah selawat yang dikenali sebagai *Selawat Syifa'* yang

¹³⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3399 (*Kitab al-Da'awat, Bab apa yang datang berkenaan himpunan doa-doa daripada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3477.

bererti “Selawat kesembuhan”. Selawat ini bermaksud:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا، وَعَافِيَةَ
الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا، وَنُورَ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا، وَعَلَى آلِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, berilah rahmat ke atas penghulu kami, Muhammad yang (dengan keberkatan selawat ini) menjadi ubat kepada hati dan penawarnya, kesejahteraan badan dan kesembuhannya, juga cahaya penglihatan dan penerangnya, dan (berilah rahmat) dan salam ke atas keluarganya”

Diharapkan melalui keberkatan berselawat kepada Rasulullah, ia akan menjadi ubat, penawar dan kesembuhan bagi penyakit tersebut.

Selawat sebegini tidak diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan tidak diamalkan oleh umat Islam pada generasi baginda dan kurun-kurun selepas itu. Apa yang mereka amalkan ialah memuji Allah, berselawat kepada Rasulullah dan berdoa dengan doa yang disebut dalam hadis-hadis di atas. Keberkatan dan kesembuhan ialah kuasa Allah, justeru kepada Allah sahajalah kita mengharapakan keberkatan dan kesembuhan tersebut.

Maksud *Selawat Syifa'* amat meragukan. Meskipun

pengamalnya berkata Allah sahajalah yang menjadi penyembuh, erti kata *Selawat Syifa'* tidak menunjuk ke arah itu secara pasti. Selain itu, ada yang membaca *Selawat Shifa'* tanpa mengetahui maksudnya, tetapi sekadar berharap bacaan itu dapat menyembuhkan penyakit. Oleh itu adalah lebih selamat meninggalkan *Selawat Syifa'* dan mencukupkan diri dengan doa-doa kesembuhan yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Membaca Surah Yasin

Sebuah lagi amalan masyhur di kalangan masyarakat kita ialah membaca surah Yasin kepada orang yang sakit. Amalan ini sekali lagi tidak memiliki sandaran yang sahih daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.¹³¹ Jika dirasakan pesakit sudah nazak, apa yang sahih daripada Rasulullah ialah mengajar atau membimbingnya untuk mengucapkan *La ilaha illalLah* sebagaimana hadis berikut:

لَقِّنُوا مَوْتَانِكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Talqinkanlah orang kalian yang akan meninggal

¹³¹ Ada beberapa hadis yang menerangkan keutamaan surah Yasin, namun tidak ada yang sahih. Ia *dha'if* atau lebih lemah dari itu (*dha'if jiddan* atau *maudhu'*).

*dunia La ilaha illallah.*¹³² Bimbangan ini sekadar yang mampu diucapkan oleh orang yang sedang nazak tersebut.

Adapun selain itu, tidak mengapa jika ingin mendengarkan bacaan al-Qur'an kepada pesakit. Namun bacalah mana-mana surah daripada al-Qur'an tanpa dihadkan kepada surah Yasin sahaja. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menurunkan al-Qur'an yang mengandungi 114 surah. Kenapakah diterima satu surah saja (surah Yasin) dan diketepikan 113 surah yang lain?

¹³² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1524/916 (*Kitab al-Janaiz, Bab mentalqinkan orang yang akan mati dengan La ilaha illallah*).

BAHAGIAN D
BEBERAPA NASIHAT AKHIR

Islam Dan Kesehatan

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

مَا مَلَأَ آدَمِيٌّ وَعَاءً شَرًّا مِنْ بَطْنٍ بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ أُكْلَاتٍ
يُؤْمِنُ صَلْبُهُ فَإِنْ كَانَ لَا مَحَالَةَ فَتُلُتْ لَطْعَامِهِ وَتُلُتْ لَشْرَابِهِ وَتُلُتْ
لِنَفْسِهِ.

*Anak Adam tidak memenuhi suatu bekas yang lebih buruk berbanding perutnya. Cukuplah bagi anak Adam beberapa suap yang dapat meluruskan tulang belakangnya (yakni memberikan kekuatan kepadanya). Sekiranya tidak dapat, maka lebihkanlah ke tahap sepertiga untuk makanan, sepertiga untuk minuman dan sepertiga untuk pernafasan.*¹³³

Hadis ini dimulakan dengan kenyataan *Anak Adam tidak memenuhi suatu bekas yang lebih buruk berbanding perutnya*. Ini amatlah benar kerana para pakar perubatan telah

¹³³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2302 (*Kitab al-Zuhud, Bab apa yang datang berkenaan membenci makanan yang banyak*) dan beliau berkata: Hadis ini hasan sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2380.

menyatakan bahawa sumber utama kebanyakan penyakit manusia seperti sakit jantung, angin ahmar (*stroke*), kencing manis, batu karang dan kanser ialah makanan dan minuman. Hadis ini bukanlah melarang kita daripada makan dan minum, tetapi memberi kesedaran terhadap dua perkara, iaitu kualiti dan kuantiti.

Kualiti Makanan dan Minuman

Hadis ini memberikan kesedaran bahawa apa yang diisi dalam perut kita sebenarnya adalah satu keburukan. Melainkan, apa yang diisi itu ialah makanan dan minuman yang baik kualitinya, maka ia tidaklah menjadi satu keburukan.

Marilah kita mengambil contoh minyak masak. Kebanyakan - malah hampir semua – restoran dan gerai yang menjual makanan menggunakan minyak masak yang berkualiti rendah. Minyak itu pula seterusnya adalah dari jenis kitar semula. Bererti minyak masak yang telah digunakan berulang kali, dihantar ke kilang untuk ditapis, lalu digunakan semula berulang kali. Struktur kimia dalam minyak masak tersebut telah berubah menjadi sesuatu yang membahayakan kesihatan.

Keadaan menjadi lebih dahsyat dengan makanan

bergoreng. Rahsia menjadikan ayam goreng, pisang goreng dan pelbagai lagi gorengan, rangup dan sentiasa rangup ialah memasukkan plastik ke dalam minyak yang panas sebelum menggoreng. Ya! Plastik yang digunakan untuk membungkus minyak kitar semula, dimasukkan ke dalam kualiti bersama-sama minyak yang panas. Ini adalah resepi rahsia hampir semua restoran dan gerai yang menjual makanan bergoreng.

Dua perenggan di atas bukanlah tuduhan kosong semata-mata. Sesiapa yang membuat sedikit siasatan pasti akan menemui kebenarannya. Bahkan jika siasatan dilanjutkan kepada lain-lain cara penyediaan makanan dan minuman, akan ditemui pelbagai lagi penemuan yang memeranjatkan seperti penggunaan lemak haiwan dan perasa-perasa tiruan. Sangat memeranjatkan sehingga tidak lagi berselera untuk makan di restoran mahupun gerai.

Oleh itu makanan dan minuman terbaik ialah apa yang disediakan sendiri di rumah. Kita mengetahui apa yang kita sediakan, bahan-bahan yang digunakan dan bagaimana ia dimasak. Inilah sebenarnya makanan yang berkualiti yang patut menjadi pilihan semua yang ingin mengikuti pesanan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis di atas.

Kuantiti Makanan dan Minuman

Makanan dan minuman yang berkualiti, jika diambil dalam jumlah yang banyak akan tetap memberi mudarat kepada kesihatan. Ia akan berubah dari satu kebaikan kepada satu keburukan yang diisi dalam perut kita.

Oleh itu, makanan dan minuman yang berkualiti hendaklah tetap diambil dalam kuantiti yang terkawal, yakni sekadar *beberapa suap yang dapat meluruskan tulang belakangnya (yakni memberikan kekuatan kepadanya)*. Jika hendak dilebihkan, maka penuhilah perut pada kadar *sepertiga untuk makanan, sepertiga untuk minuman dan sepertiga untuk pernafasan*. Ini adalah kadar yang optimum.

Sekali sekala, tidak mengapa jika makan atau minum melebihi kadar sepertiga perut. Terdapat beberapa hadis yang menerangkan para sahabat makan sehingga kenyang dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengizinkannya. Antaranya ialah hadis *Shahih al-Bukhari*, no: 4962/5381 di mana Rasulullah mendoakan makanan yang disediakan oleh Umm Sulaim bertambah sehingga dapat dimakan oleh 80 orang. Baginda mengizinkan mereka makan sehingga

kenyang.¹³⁴ Ini menunjukkan bahawa makan dan minum sepertiga perut ialah jumlah maksimum yang terbaik (*optimum*), namun tidak mengapa jika sekali sekala melebihi jumlah tersebut. Akan tetapi pastikan ia benar-benar sekali sekala.

Saiz Sepertiga Perut

Para ilmuan menyatakan, purata isipadu perut manusia apabila kosong ialah 500ml. Apabila berisi makanan dan minuman, ia mengembang kepada 1500ml. Maksimum ia boleh mengembang kepada 2000ml. Orang yang berbadan kecil akan memiliki isipadu perut yang lebih rendah sementara orang yang berbadan besar akan memiliki isipadu perut yang lebih tinggi. Dikatakan perut manusia boleh mengembang sehingga 4000ml!

Jika diambil isipadu purata 1500ml, maka ia seperti saiz botol air mineral yang besar. Maka untuk menyukat kadar makanan sepertiga perut, ambil sebuah botol air mineral 1500ml. Kemudian bayangkan ia terbahagi kepada tiga

¹³⁴ **Sahih:** Pengajaran dari sebuah hadis panjang yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4962/5381 (*Kitab al-Ath'imah, Bab orang yang makan sehingga kenyang*).

bahagian, sepertiga makanan, sepertiga minuman dan sepertiga udara. Kaedah ini dapat membantu kita membuat jangkakan kasar jumlah makanan dan minuman yang patut kita ambil.

Cegah Sebelum Parah

Mencegah diri daripada penyakit adalah jauh lebih baik daripada merawat diri daripada penyakit. Orang yang dalam proses pencegahan masih dapat meneruskan kehidupannya secara normal sementara orang yang dalam proses rawatan lazimnya terbatas di atas katil atau kerusi roda, berulang-alik ke hospital dan mengeluarkan belanja yang banyak untuk kos rawatan. Oleh itu usahakanlah pencegahan dari awal dan langkah pertama lagi utama ialah memantau kualiti dan kuantiti makanan serta minuman.

Tetap Yakin Kepada Allah

Kesihatan yang baik adalah sesuatu yang penting, bukan sahaja untuk jasmani tetapi rohani. Ini kerana apabila kita diuji dengan sesuatu penyakit, ia bukan sahaja mempengaruhi jasmani kita dengan rasa sakit, tetapi juga rohani kita sehingga mungkin menimbulkan rasa marah, putus asa atau ragu-ragu kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Bahkan lebih berat atau berpanjangan sesuatu penyakit itu, lebih hebat kemarahan, putus asa dan ragu-ragu kita kepada Allah. Semoga Allah memelihara kita daripada penyakit yang berat dan keraguan kepada-Nya ketika diuji dengan penyakit.

Mendoakan Kesihatan Yang Baik

Antara doa yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah kita memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kesihatan yang baik. al-Abbas bin Abdul Muthalib (pakcik Rasulullah) *radhiallahu 'anh* menceritakan:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَّمَنِي شَيْئًا أَسْأَلُهُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ. قَالَ:
سَلِ اللَّهَ الْعَافِيَةَ. فَمَكَثْتُ أَيَّامًا ثُمَّ جِئْتُ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَّمَنِي

شَيْئًا أَسْأَلُهُ اللَّهَ. فَقَالَ لِي: يَا عَبَّاسُ يَا عَمَّ رَسُولِ اللَّهِ سَلِ اللَّهَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

Aku pernah meminta: “Wahai Rasulullah, ajarkan kepadaku sesuatu yang patut aku minta kepada Allah ‘Azza wa Jalla.” Baginda menjawab: “Mintalah kesihatan yang baik kepada Allah.” Selang beberapa hari kemudian aku datang semula dan mengatakan: “Wahai Rasulullah, ajarkan kepadaku sesuatu yang patut aku minta kepada Allah.” Kemudian baginda berkata kepadaku: “Wahai Abbas, wahai pakcik Rasulullah, mintalah kesihatan yang baik kepada Allah di dunia dan di akhirat.”¹³⁵

Abdullah ibn ‘Umar *radhiallahu ‘anhuma* menerangkan bahawa di antara doa-doa yang dibaca sendiri oleh Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

¹³⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3436 (*Kitab al-Da’awat, Bab selepas bab menghitung tasbih dengan tangan*) dan beliau berkata: Hadis ini sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3514.

*Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada Kamu dari hilangnya nikmat-Mu, berubahnya kesihatan-Mu, datangnya seksa-Mu dan semua kemurkaan-Mu.*¹³⁶

Maksud *kesihatan-Mu* ialah kesihatan yang Allah berikan kepada kita.

Kepentingan doa ini sekali terbukti apabila baginda mengajarkannya kepada orang ramai. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda di atas mimbar sambil menangis:

اسأَلُوا اللَّهَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فَإِنَّ أَحَدًا لَمْ يُعْطَ بَعْدَ الْيَقِينِ خَيْرًا
مِّنَ الْعَافِيَةِ.

*Mintalah kepada Allah keampunan dan kesihatan yang baik kerana sesungguhnya bagi seseorang itu tidak ada yang lebih baik untuk diberikan (kepadanya) setelah keyakinan (yakni iman kepada Allah) kecuali kesihatan yang baik.*¹³⁷

¹³⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4922/2739 (*Kitab al-Zikr wa al-Du'a wa al-Taubah wa al-Istighfar, Bab kebanyakan ahli syurga ialah kaum fakir dan kebanyakan ahli neraka ialah wanita...*).

¹³⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3481 (*Kitab al-Da'awat, Bab berkenaan doa Nabi shallallahu 'alaihi*

Perhatikan dalam hadis di atas bagaimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* meletakkan kesihatan yang baik di tangga kedua setelah keyakinan, yakni setelah keimanan kepada Allah. Ini kerana penyakit berkemungkinan besar boleh menimbulkan rasa marah, putus asa atau ragu-ragu kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Semua ini boleh merosakkan keyakinan pesakit kepada Allah.

Tidak Putus Asa Kepada Allah

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah ditanya tentang dosa-dosa besar, lalu baginda menjawab:

الْكِبَائِرُ الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالْإِيَّاسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ وَالْقُنُوطُ مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ.

Dosa-dosa besar ialah syirik kepada Allah, putus asa daripada rahmat Allah dan kecewa daripada kasih sayang Allah.¹³⁸

wasallam) dan beliau berkata: Hadis ini sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3558.

¹³⁸ **Hasan:** Dikemukakan oleh al-Haithami dalam *Majma' al-Zawa'id*, hadis no: 391 (*Kitab al-Iman, Bab berkenaan dosa-dosa besar*) dan beliau berkata: Riwayat al-Bazzar dan al-Thabarani dalam *al-Ausath* dan para perawinya dianggap *thiqah*. Sanadnya dinilai hasan oleh al-'Iraqi

Selain itu Abdullah ibn Mas'ud juga pernah berkata:

الْكِبَائِرُ الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالْأَمْنُ مِنَ مَكْرِ اللَّهِ، وَالْقُنُوطُ
مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ، وَالْيَأْسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ.

Dosa-dosa besar ialah syirik kepada Allah ‘Azza wa Jalla, merasa aman daripada tipudaya Allah, kecewa daripada kasih sayang Allah dan putus asa daripada rahmat Allah.¹³⁹

Kecewa daripada kasih sayang Allah dan putus asa daripada rahmat-Nya memang merupakan kesalahan yang besar. Ini kerana kasih sayang Allah dan rahmat-Nya sentiasa meliputi para hamba-Nya. Apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menguji hamba-Nya dengan penyakit, bererti Allah lebih sayang kepada hamba-Nya itu dan menginginkan kebaikan di sebalik penyakit tersebut. Kebaikan tersebut ialah peringatan kepada diri yang lupa kepada Allah, penghapusan dosa-dosa, bertaubat kepada Allah, merujuk kembali kepada Allah dan

dalam *Takhrij Ahadits al-Ihya'*, hadis no: 3582. al-Albani menilainya hasan dalam *Silsilah Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 2051.

¹³⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh 'Abd al-Razzaq dalam *Musannafnya*, hadis no: 19701. al-Haithami mengemukakannya dalam *Majma' al-Zawa'id*, hadis no: 392 (*Kitab al-Iman, Bab berkenaan dosa-dosa besar*) dan beliau berkata: Sanadnya sah.

mengharapkan kesembuhan daripada Allah.

Sifat kecewa dan putus asa ini turut disebut di dalam al-Qur'an:

وَمَنْ يَفْنَطْ مِنْ رَحْمَةِ رَبِّهِ إِلَّا الضَّالُّونَ.

Tidak ada orang yang kecewa daripada rahmat Tuhannya, kecuali orang-orang yang sesat. [al-Hijr 15:56]

إِنَّهُ لَا يَيْتَسُّ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ.

Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir. [Yusuf 12:87]

Oleh itu baik dalam keadaan senang atau susah, sihat atau sakit, hendaklah kita sentiasa yakin terhadap rahmat Allah dan merasa dekat dengan kasih sayang-Nya.

Tipudaya Allah

Dalam hadis di atas, disebut bahawa antara dosa besar ialah ... *merasa aman daripada tipudaya Allah*. Maksud tipudaya di sini ialah kadangkala Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberikan kehidupan yang bahagia dan kesihatan yang baik sebagai tipudaya kepada orang-orang yang sejak awal telah melupakan Allah dan mengabaikan syari'at-Nya. Kemudian

secara tiba-tiba Allah menjatuhkan azab ke atas mereka sedang mereka dalam keadaan leka lagi lalai.

Ini jelaskan oleh hadis berikut di mana Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda:

إِذَا رَأَيْتَ اللَّهَ يُعْطِي الْعَبْدَ مِنَ الدُّنْيَا عَلَى مَعْصِيهِ مَا يُحِبُّ،
فَإِنَّمَا هُوَ اسْتِدْرَاجٌ. ثُمَّ تَلَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((فَلَمَّا
نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّى إِذَا فَرِحُوا بِمَا
أُوتُوا أَخَذْنَاَهُمْ بَعْتَهُ فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ)).

Apabila kamu melihat Allah memberikan kepada seorang hamba daripada kemewahan dunia yang disukainya atas perbuatan maksiatnya, maka itu tidak lain ialah penangguhan azab. (Lalu Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membaca ayat):

Maka tatkala mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kamipun membukakan semua pintu-pintu kesenangan untuk mereka; sehingga apabila mereka bergembira dengan apa yang telah diberikan kepada mereka, Kami seksa mereka dengan sekonyong-konyong, maka ketika itu mereka terdiam berputus asa. [al-

An'aam 6:44]¹⁴⁰

Oleh itu apabila kita hidup senang dan sihat, hendaklah sentiasa menyemak apakah itu nikmat Allah atau tipudaya Allah. Hendaklah sentiasa berhubung dengan Allah melalui ibadah, zikir dan kepatuhan kepada syari'at-Nya agar nikmat tersebut adalah benar-benar nikmat Allah dan bukan satu tipudaya.

¹⁴⁰ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 16673 dan ia dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 17311.

Pesanan Akhir

Sebagai pesan akhir, penulis ingin berkongsi dengan para pembaca sekalian sebuah kisah benar. Ia berkenaan seorang pejuang pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang amat berani lagi disanjung oleh para sahabat. Namun apabila Allah *Subhanahu waTa'ala* mengujinya dengan satu musibah yang berat, dia melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama. Oleh kerana perbuatan tersebut, dia dimasukkan dalam neraka. Hayatilah kisah berikut:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدِ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّقَى هُوَ وَالْمُشْرِكُونَ فَاقْتَتَلُوا. فَلَمَّا مَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى عَسْكَرِهِ وَمَالَ الْآخَرُونَ إِلَى عَسْكَرِهِمْ وَفِي أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ لَا يَدْعُ لَهُمْ شَادَّةً وَلَا فَادَّةً إِلَّا اتَّبَعَهَا يَضْرِبُهَا بِسَيْفِهِ. فَقَالَ: مَا أَجْزَأَ مِنَّا الْيَوْمَ أَحَدٌ كَمَا أَجْزَأَ فُلَانٌ.

Daripada Sahal bin Sa'ad As-Sa'idi radhiallahu 'anh, bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertembung dengan kaum musyrikin lalu saling berperang. Ketika

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bergabung dengan bala tentera baginda dan musuhnya pun bergabung kepada bala tentera mereka (masing-masing berehat sebentar), terdapat seorang lelaki dari kalangan sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang tidak membiarkan musuh berlalu begitu saja melainkan dia mengejar dan menyerang musuh dengan pedangnya. Sahabat Rasulullah yang lain berkata: “Pada hari ini tidak ada seorang pun di antara kita yang mendapat ganjaran pahala sebagaimana yang didapati oleh fulan (yang berani) ini.”

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَا إِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ.
فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: أَنَا صَاحِبُهُ.

Namun Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Ketahuilah sungguh dia termasuk dari golongan ahli neraka.” Lalu ada seorang lelaki di tengah-tengah orang ramai berkata: “Aku akan ikut menemaninya (dan perhatikan segala tindakannya).”

قَالَ: فَخَرَجَ مَعَهُ كُلَّمَا وَقَفَ وَقَفَ مَعَهُ وَإِذَا أَسْرَعَ أَسْرَعَ مَعَهُ.
قَالَ: فَجَرِحَ الرَّجُلُ جُرْحًا شَدِيدًا فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ فَوَضَعَ نَصْلَ سَيْفِهِ

بِالْأَرْضِ وَدُبَابَهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَى سَيْفِهِ فَقَتَلَ نَفْسَهُ.

(Sahal menerangkan): “Maka lelaki itu pergi bersamanya sehingga apabila dia (sahabat yang berani itu) berhenti lelaki itu pun berhenti bersamanya dan apabila dia maju menyerang lelaki itu pun ikut menyerang bersamanya. (Setelah beberapa ketika) dia terluka sangat parah sehingga menghampiri maut. Maka dia meletakkan pedangnya di tanah dan ujung pedangnya yang tajam diletakkan di antara dadanya lalu dia membunuh dirinya sendiri.”

فَخَرَجَ الرَّجُلُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:
أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ. قَالَ: وَمَا ذَاكَ؟ قَالَ: الرَّجُلُ الَّذِي ذَكَرْتِ
أَنفًا أَنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ! فَأَعْظَمَ النَّاسُ ذَلِكَ. فَقُلْتُ: أَنَا لَكُمْ بِهِ
فَخَرَجْتُ فِي طَلَبِهِ ثُمَّ جُرِحَ جُرْحًا شَدِيدًا فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ فَوَضَعَ
نَصْلَ سَيْفِهِ فِي الْأَرْضِ وَدُبَابَهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَيْهِ فَقَتَلَ نَفْسَهُ.

Maka lelaki yang ikut menemaninya itu pergi menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: “Aku bersaksi bahawa anda benar-benar utusan Allah.” Rasulullah bertanya: “Kenapa kamu berkata begitu?” Dia menjawab: “Lelaki (berani) yang anda

*sebutkan tadi benar-benar dari kalangan ahli neraka.”
Orang-orang (di sekitar) hairan mendengar ucapannya itu.
Lelaki itu menambah: “Aku menjadi saksi bagi kalian. Aku
telah keluar untuk memperhatikan tindakan (sahabat yang
berani itu), kemudian aku mendapati dia dalam keadaan
luka yang sangat parah sehingga menghampiri maut. Dia
meletakkan pedangnya di tanah dan ujung pedangnya yang
tajam diletakkan di antara dadanya lalu dia membunuh
dirinya sendiri.”*

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: إِنَّ الرَّجُلَ
لَيَعْمَلُ عَمَلًا أَهْلِ الْجَنَّةِ فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ وَهُوَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّ
الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلًا أَهْلِ النَّارِ فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ وَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ.

Maka pada kesempatan itu juga Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Sesungguhnya ada seseorang yang mengamalkan amalan ahli syurga berdasarkan apa yang nampak pada manusia akan tetapi dia adalah dari golongan ahli neraka. Dan ada seseorang yang mengamalkan amalan ahli neraka berdasarkan apa yang nampak oleh manusia akan tetapi dia adalah dari golongan

ahli syurga.”¹⁴¹

Berdasarkan kisah di atas, hendaklah kita semua berwaspada apabila Allah *Subhanahu waTa'ala* tiba-tiba memberikan ujian atau musibah ke atas diri kita. Jangan memikirkan, mengucapkan atau melakukan sesuatu yang dilarang oleh Islam. Seandainya sudah terlanjur, maka segeralah ber*stighfar* kepada Allah, kerana Allah amat Pengampun lagi amat Penyayang.

Ingatlah, meskipun kita sudah memiliki “rekod” amal soleh yang amat banyak lagi baik, semua itu boleh jadi sia-sia jika diakhirnya kita mempersoalkan Allah, marah kepada-Nya, putus asa kepada-Nya, menerima jampi-jampian yang tidak difahami, memakai tangkal, melakukan pembedahan batin, tidak solat lima kali sehari, *raja'* (berharap) dan *khauf* (takut) kepada doktor atau mengatakan “ubat ini telah menyembuhkan aku”.

¹⁴¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 2683/2898 (*Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab jangan menggelar seseorang itu “syahid”*).

Buku-Buku Lain oleh Hafiz Firdaus Abdullah
Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602
atau pesanan *online* di www.jahabersa.com.my
Boleh juga dirujuk dalam bentuk e-book atau muat turun di
www.hafizfirdaus.com

1. **Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu.**
2. **Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**
3. **Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah.**
4. **Marilah Mendirikan Sembahyang.**
5. **Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.**
6. **Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.**
7. **Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**
8. **20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya.**
9. **Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**
10. **Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.**
11. **Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku *Salafiyah Wahabiyah*: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari.**

- 12. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad.**
- 13. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.**
- 14. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**
- 15. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 16. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Hadis-Hadis Rasulullah Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 17. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.**
- 18. Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.**
- 19. Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an.**

- 20. Let's Get Acquainted With Al-Qur'an. (Edisi terjemahan Inggeris Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an)**
- 21. Wahai Ibu! Wahai Ayah!**
- 22. Dear Mom & Dad. (Edisi Terjemahan Inggeris Wahai Ibu! Wahai Ayah!)**
- 23. 13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid.**
- 24. Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat**
- 25. Looking For Allah's Blessing Behind Differences of Opinion. (Edisi Terjemahan Inggeris Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat)**
- 26. Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.**
- 27. 7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.**
- 28. Membongkar Aliran Islam Liberal.**
- 29. Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah. (Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).**

- 30. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 1.**
- 31. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 2.**
- 32. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 3.**
- 33. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 4.**
- 34. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 5.**
- 35. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 6.**
- 36. Berdakwah Melalui Penulisan Efektif.**
- 37. Fiqh Harta: Satu Pengenalan.**
- 38. Cahaya Rohani (Buku 1)**
- 39. Cahaya Rohani (Buku 2)**
- 40. Hukum dan Adab Berjamaah Dalam Islam.**
- 41. Islam, Seks dan Jantina.**
- 42. 36 Kritikan Ke Atas Buku *Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya.***

- 43. Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna
Sebenar Bid'ah: *Beberapa Semakan Teliti Ke Atas
Satu Penjelasan (Yang Didakwa) Rapi.***
- 44. Catatan Dari 40,000 Kaki (Buku 1).**
- 45. 47 Persoalan Qadar dan Qadha.**
- 46. 202 Pelajaran Berkenaan Poligami**
- 47. Pesan-Pesan Pernikahan**
- 48. Sebarkan Kebenaran-Mu: Catatan-Catatan Ke
Atas Novel *Sebarkan Cinta-Mu***

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang sehinggalah ke hari ini.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.

Hafiz Firdaus tinggal di Lembah Klang bersama tiga keluarganya. Di samping menulis buku, beliau menulis artikel dan kolum bulanan bagi beberapa majalah, juga memberi kuliah-kuliah agama di pusat pengajian tinggi, pejabat dan rangkaian TV tempatan.